



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3203]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3253]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN:

Akta Pelajaran (Pindaan), 1980 [Ruangan 3254]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) [Ruangan 3263]

Rang Undang-undang Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) [Ruangan 3309]

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) [Ruangan 3323]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 3325]

Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan [Ruangan 3328]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- ” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- ” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- ” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- ” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.
(Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE
(Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN,
D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY
VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N.,
P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI
KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M.,
A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM,
D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S.
(Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI
BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF
(Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.
(Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S.,
A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN,
D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON,
D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED
AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K.,
J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN,
D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANSUI
BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P.
(Tanjong Malim)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD, TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- Yang Berhormat TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIEN TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M, P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 20hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEKERJA BANK DI SABAH—PEMO-
TONGAN FAEDAH PEKERJAAN
OLEH MAJIKAN

1. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar iaitu terdapat bank-bank di Sabah memotong 2% dan tambahan faedah akru selanjutnya dari ganjaran dan faedah pekerjaan pekerja-pekerja bank dengan alasan bahawa mereka (majikan-majikan) telah menyumbangkan 7% kepada Tabung Simpanan Pekerja (sejak persetujuan umum yang dicapai antara bank-bank dan pekerja-pekerjanya bergantung kepada perlunya majikan menyumbangkan hanya 5%); jika benar, apa tindakan yang telah diambil untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja yang berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini telah dibawa ke Mahkamah Persekutuan. Oleh kerana perkara ini masih lagi menunggu keputusan Mahkamah Persekutuan, saya tidak bercadang untuk membuat sebarang ulasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. David.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

RUMAH MAYAT DI
FLET—PEMBINAAN

2. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tarikh tetap Kerajaan bercadang untuk membina rumah mayat bagi menempatan mayat sebelum pengkebumian bagi memenuhi keperluan penduduk-penduduk rumah pangsa Sri Pahang di Bukit Bungsar Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, akan dibina pada tarikh yang akan ditetapkan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya suka bertanya Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa pembinaan rumah-rumah mayat di flet-flet atau rumah pangsa Dewan Bandaraya adalah satu kemudahan yang perlu dan jika beliau sedar sama ada pihak Dewan Bandaraya ada apa-apa rancangan pada masa akan datang kelak untuk membina rumah mayat di tiap-tiap flet baru dalam bandaraya kita.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam rumah-rumah pangsa yang sedang dirancang untuk pembinaannya tempat-tempat untuk ditempatkan mayat ini memang dirancang dan akan diletakkan dalam rumah-rumah pangsa yang akan didirikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

PERKEMBANGAN DAKWAH DALAM ANGKATAN TENTERA—SIKAP KERAJAAN

3. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sikap Kerajaan terhadap perkembangan dakwah dalam angkatan tentera dan jika Kerajaan menggalakkan perkembangan itu adakah Kerajaan bercadang mengharamkan penjualan arak di mes-mes tentera dan menghapuskan semua tradisi-tradisi yang berlawanan dengan ajaran Islam dalam angkatan tentera untuk mewujudkan suasana yang sesuai dengan dakwah Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar**): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya menggalakkan perkembangan dakwah dalam angkatan tentera. Bagi mengembangkan dakwah angkatan tentera telah dan sedang menghantar anggota-anggota tentera termasuk pegawai-pegawai berkursus di Institut Dakwah Islamiah di Jabatan Perdana Menteri.

Selain dari itu kursus-kursus dakwah diadakan juga di peringkat Markas Besar Promotion Headquarters dan juga di pasukan-pasukan. Penjualan arak di mes-mes angkatan tentera masih ada lagi dan penjualan ini tidak dapat diharamkan memandangkan angkatan tentera terdiri dari berbilang bangsa dan ugama.

Saya mendapat tahu bahawa sepeninggalan Askar British dari negara kita jarang sekali pegawai-pegawai tentera yang beragama Islam menggunakan kemudahan ini untuk minum arak. Pegawai-pegawai tentera yang beragama Islam ini bolehlah berehat di mes dengan minuman ringan dan bukan minuman keras.

Berkenaan dengan tradisi-tradisi yang diamalkan dalam angkatan tentera dapat kiranya Yang Berhormat menjelaskan dengan lebih lanjut apakah tradisi-tradisi tentera yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Dalam pengetahuan Kementerian Pertahanan dan angkatan tentera bahawa segala tradisi-tradisi yang diamalkan adalah selaras dan sejajar dengan ajaran Islam.

Tuan Lee Kaw: Mengikut jawapan Setiausaha Parlimen tadi, bolehkah Malaysia tak payah ikut tradisi-tradisi yang dibawa oleh British oleh kerana di kebanyakan kem pihak

NAAFI ada menjual duty-free beer, di mes pun askar-askar menjemput orang luar masuk ke mes secara menyalahgunakan kemudahan supaya boleh dapat minuman arak murah. Saya berharap Kementerian yang berkenaan boleh tukar tradisi ini dan tahan penjualan arak di kem.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah jawab tentang tidak dapat mengharamkan penjualan arak. Tetapi yang ditanya tadi tradisi apa, tradisi NAAFI inikah?

Tuan Lee Kaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, NAAFI dan juga mess adalah dikhaskan untuk pegawai-pegawai dan anggota tentera sahaja dan tidak dibenarkan orang luar untuk bersama-sama ataupun untuk menggunakan kemudahan-kemudahan di kedua-dua tempat yang tersebut. Maka dengan yang demikian tidak timbul masalah memberi peluang orang lain pula minum minuman keras dan sebagainya.

PETRONAS DALAM AKTIVITI DOWNSTREAM

4. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan dan memberi satu perkiraan mengenai kemajuan-kemajuan spesifik yang telah dicapai oleh Petronas setakat ini dalam meneruskan aktiviti-aktiviti utamanya dan berapa peratuskah pasaran minyak dan gas yang berjaya dikuasai oleh Petronas setakat ini.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, antara kemajuan-kemajuan spesifik yang dicapai oleh Petronas dalam aktiviti-aktiviti "downstream" setakat ini adalah seperti berikut:

- (a) mendirikan 20 buah stesyen tangki "skid" di Semenanjung Malaysia kerana menjual minyak disel dan minyak tanah secara terus kepada awam;
- (b) membuat pengaturan dengan Syarikat-syarikat Esso dan Shell untuk menyediakan bekalan minyak disel bagi memenuhi keperluan di Sabah dan Sarawak;

- (c) menyediakan tempat-tempat pengedaran kerana menjual minyak disel dan minyak disel tanah di Bintulu, Kuching dan Sibu;
- (d) membekalkan minyak untuk kapal-kapal di Pelabuhan-pelabuhan Kelang dan Pasir Gudang;
- (e) membekalkan minyak penerbangan di lapangan terbang-lapangan terbang Pulau Pinang dan Senai;
- (f) membekalkan minyak disel kerana memenuhi keperluan Majuikan, LLN dan lain-lain badan Kerajaan;
- (g) membekalkan minyak "fuel" kepada LLN untuk stesyen janaelektriknya di Prai dan di Melaka.

Setakat ini Petronas hanya menjual minyak disel dan minyak tanah di dalam pasaran tempatan. Petronas tidak menjual gas. Secara purata, peratus pasaran yang dikelolakan oleh Petronas ialah bagi minyak disel 11% dan minyak tanah 5%.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah langkah yang telah diambil setakat hari ini mengenai plan ataupun rancangan Petronas untuk mengadakan satu rangkaian (network) stesyen-stesyen minyak supaya Petronas dapat bersaing dengan syarikat-syarikat, misalnya, ESSO dan Shell atau lain-lain.

Perdana Menteri: Memang ada rancangan saya, tetapi akan dibuat peringkat demi peringkat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Dato adakah Petronas bercadang melantik pengedar-pengedar lain bagi penjualan tempatan dan jika sekiranya hendak dilantik pengedar-pengedar adakah hendak diutamakan kepada syarikat bumiputra.

Perdana Menteri: Ini ada di dalam perkiraan kita kerana ini sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Lee Boon Peng.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 5.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat.

JALAN LEBUHRAYA KERATONG

5. Puan Chow Poh Kheng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa Jalan Lebuhraya Keratong di Negeri Sembilan sebelum digunakan dengan rasminya telah berlubang-lubang. Jika sedar, apakah tindakan akan diambil.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Saya sedar untuk makluman Ahli Yang Berhormat jalan Pembangunan Pertanian tersebut telah berlubang-lubang kerana dirosakkan oleh lori-lori balak berat.

Kementerian saya memandang berat terhadap masalah ini dan akan mengambil tindakan segera bagi memperbaiki dan menaikkan taraf jalan tersebut. Tawaran untuk membaiki jalan tersebut sedang dipanggil dan kerja akan bermula apabila tawaran selesai kelak.

BAHASA MALAYSIA DI JABATAN KERAJAAN—PENGUNAAN

6. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Perdana Menteri menyatakan apakah pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi mengawasi pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di Jabatan-jabatan Kerajaan, firma-firma, kedai-kedai dan lain-lain yang berkaitan dengan borang-borang, dokumen, iklan, papan tanda dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di Jabatan-jabatan Kerajaan adalah sentiasa diawasi oleh Jabatan Perdana Menteri dengan nasihat dan bantuan Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam hubungannya ini, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan Surat-surat Pekeliling Am untuk memastikan supaya Bahasa Malaysia digunakan dengan betul di dalam urusan-urusan Jabatan Kerajaan.

Mengenai pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di sektor swasta, seperti firma-firma kedai-kedai dan sebagainya, perkembangan yang dicapai setakat ini adalah menggalakkan. Dalam pada itu, ada juga terdapat setengah-setengah kalangan swasta yang belum melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya. Dewan-dewan Perniagaan (Chambers of Commerce) dan badan-badan seumpama itu diharapkan akan menggalak, menasihati dan memastikan penggunaan Bahasa Malaysia dilaksanakan dengan sewajarnya.

Dalam konteks ini pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa boleh dihubungi dalam segala aspek penggunaan Bahasa Malaysia seperti penggunaan istilah dan ejaan yang betul dan resmi. Di samping itu pihak Dewan juga sentiasa mengkaji keadaan, cara dan mutu penggunaan Bahasa Malaysia di sektor awam dan juga sektor swasta serta memberi nasihat tentang cara penggunaannya yang betul dan resmi. Pihak Dewan akan mengeluarkan satu panduan penggunaan Bahasa Malaysia yang betul pada papan tanda dan papan nama untuk penggunaan syarikat-syarikat perniagaan. Panduan ini diharapkan akan dapat mencegah kemungkinan menggunakan Bahasa Malaysia yang salah di kalangan sektor swasta.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya Setiausaha Parlimen sama ada beliau itu sedar tentang masalah yang berlaku baru-baru ini di negeri Trengganu iaitu mengenai penggunaan bahasa jawi di atas papan-papan tanda. Sekiranya beliau ada sedar tentang hal ini, saya suka mendapat rahulah apakah Dasar Kerajaan yang sebenarnya mengenai pemakaian bahasa iaitu sama ada hendak pakai bahasa jawi ataupun Bahasa Malaysia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan bahasa, tulisan. Tulisan jawi atau tulisan rumi.

Tuan Lee Lam Thye: Tulisan jawi, maaf.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam negeri Trengganu tradisi negeri itu sendiri telah menggunakan tulisan jawi yang sekian lama, jadi masalah ini merupakan satu perkara yang perlu diputuskan di peringkat negeri sendiri memandangkan kepada tradisi dan praktis yang telah berlaku di peringkat negeri

itu sendiri. Jadi dari segi tulisan jawi dan tulisan rumi, saya percaya perkara ini bolehlah diselesaikan di peringkat negeri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah beliau sedar bahawa "tulisan yang berbunga-bunga" ini; "warna merah" terpampang lebih besar daripada tulisan-tulisan dalam Bahasa Malaysia sendiri yang dijadikan iklan di bandar-bandar baru. Jadi apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian supaya mengecilkan tulisan "berbunga" itu dan membesarkan tulisan dalam Bahasa Kebangsaan supaya menggambarkan yang negara ini adalah negara Malaysia.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya kurang jelas apa dia "tulisan yang berbunga—warna merah" itu. Tetapi mungkin Ahli Yang Berhormat maksudkan tulisan bahasa Cina yang lebih besar daripada tulisan Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Malaysia. Perkaranya ini memanglah ada dalam pertimbangan Kerajaan dan apabila siap dibuat pertimbangan ini, kita akan mengeluarkan satu keputusan.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen berkenaan, adakah undang-undang di Malaysia tidak boleh tulis "tulisan bunga-bunga—merah" (*Ketawa*).

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah sama ada kecil atau besar, bukannya soal tidak boleh guna atau tidak, jadi janganlah kita menjadikannya satu isu politik pula.

PERBELANJAAN PERBICARAAN Y.B. LIM KIT SIANG/DATUK ZULKIFLEE

7. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Undang-undang menyatakan jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam perbicaraan

(a) Y.B. Lim Kit Siang; dan

(b) Datuk Zulkiflee yang dituduh di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam pembicaraan Encik Lim Kit Siang di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 ialah lima ribu tujuh ratus ringgit. Jumlah ini adalah bersangkutan dengan pembayaran elaun kepada saksi-saksi.

Dalam kes terhadap Datuk Zulkiflee di bawah Akta yang sama, Kerajaan telah belanja sebanyak sembilan ribu lapan ratus dua puluh dua ringgit bagi memanggil saksi-saksi.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ialah \$5,700 lebih ini, adakah termasuk saksi-saksi yang terpaksa dihantar balik ke luar negeri istimewa dari Washington.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada saksi daripada Washington.

Tuan Karpal Singh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang silap. Sebenarnya dalam kes itu ada seorang saksi yang datang ke negara ini iaitu dari Amerika Syarikat, sebab saya telah menjadi peguam dalam kes itu. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang boleh memberi penjelasan atas perkara itu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang ada, tidak ada saksi yang dimaksudkan itu. Bagaimanapun, saya akan menyiasat dan akan memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, perbelanjaan bagi perbicaraan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang ini didapati \$5,700 dan denda yang dikenakan hanya \$1,500. Ini menandakan Kerajaan menanggung kerugian dengan denda yang dikenakan itu. Jadi, apakah Kerajaan bercadang mengubah undang-undang supaya denda yang dikenakan itu dapat cover balik kos yang dikeluarkan untuk perbelanjaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu luar daripada soalan asal, tidak payah dijawab (*Ketawa*).

SENGKETA AMERIKA—IRAN MENGENAI TEBUSAN AMERIKA

8. Tuan Haji Hashim bin Ghazali minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sengketa antara Amerika dan Iran adalah disebabkan oleh penahanan 49 orang tebusan Amerika oleh Iran yang mungkin akan mengakibatkan meletusnya peperangan, dan jika ya, sejauh mana Malaysia terlibat dalam menyelesaikan masalah ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-hajj): Tuan Yang di-Pertua, sengketa di antara Amerika dan Iran bukanlah semata-mata disebabkan oleh penahanan orang-orang tebusan Amerika oleh Iran. Pemerintahan yang baru Iran masih curiga dan mempertikaikan peranan Amerika Syarikat yang mempunyai hubungan rapat dengan pemerintahan Shah yang digulingkan.

Sejajar dengan dasar kita iaitu tidak melibatkan diri di dalam hal ehwal sesebuah negara, kita tidak melibatkan diri secara langsung dalam menyelesaikan masalah di antara kedua negara itu. Berkenaan dengan penahanan orang-orang tebusan Amerika, kita ingin melihat persengketaan itu dapat diselesaikan dengan segera. Malaysia telah-pun menyertai lain-lain negara dalam Persidangan Islam menyeru Iran dan Amerika supaya menyelesaikan masalah di antara mereka secara damai.

SYARIKAT BRITISH AMERICAN INSURANCE CO. BHD.

9. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah Skim Insuran Pinjaman Perumahan British American, Malaysia memberi menafaat kepada rakyat Malaysia yang berpendapat rendah dan sederhana; dan
- (b) apakah polisi yang diundangkan dalam pentadbiran syarikat ini.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukalah saya memaklumkan bahawa mengikut Laporan yang diterima, Syarikat British American Insurance Co. Sdn. Bhd. telah memulakan rancangan

pinjaman perumahan jangka panjangnya semenjak 7 tahun yang lalu. Ini adalah selaras dengan dasar syarikat bahawa pelaburan kumpulan wang insuran nyawa dalam bentuk pinjaman perumahan merupakan satu sumbangan industri insuran dalam menjalankan tanggungjawabnya membantu rakyat biasa memiliki rumah sendiri.

Setelah beberapa tahun menjalankan rancangan ini Syarikat British American Insurance telah dapat membina satu portfolio pinjaman perumahan yang besar di mana tumpuan utamanya adalah ke arah membantu rakyat negara ini dari golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri. Pengumuman syarikat yang telah dibuat baru-baru ini untuk menawarkan skim pinjaman perumahan dengan tempoh pembayaran 25 tahun kepada rakyat Malaysia adalah satu lagi bukti bahawa syarikat ini bertujuan membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri. Memanjangkan tempoh pembayaran balik bererti merendahkan jumlah bayaran bulanan dan dengan secara langsung membolehkan lebih ramai orang memiliki rumah.

Jumlah pinjaman perumahan yang telah dikeluarkan oleh Syarikat British American Insurance bagi rumah-rumah kediaman persendirian pada 13hb Mei, 1980 adalah sebanyak 367 buah berjumlah M\$14.9 juta. Bolehlah dikatakan sebanyak 32.4% dan 48.8% daripada jumlah pinjaman perumahan yang dikeluarkan oleh Syarikat British American Insurance telah diluluskan kepada mereka dari golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Nampaknya Skim ini ada memberi manfaat.

- (b) Adalah diketahui bahawa adalah menjadi dasar syarikat ini untuk memberikan perlindungan insuran kepada rakyat negara ini dari golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana melalui penjualan polisi rumah ke rumah. Polisi-polisi tersebut melibatkan jumlah wang yang diinsurankan dalam lingkungan \$1,000 hingga \$20,000 dan kutipan premium adalah dibuat setiap minggu atau setiap bulan.

RUNDINGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA-THAI

10. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah yang telah dirundingkan di antara beliau dan Perdana Menteri Thai di Kuala Lumpur baru-baru ini;
- (b) sama ada kedua-dua beliau dan Perdana Menteri Thai bersetuju untuk mengadakan perbincangan dua hala di kesemua peringkat atas masalah Kampuchea/Thai/Vietnam; dan
- (c) berhubung dengan kerjasama ekonomi dua hala, berapakah perjanjian telah disetujukan dan ditandatangani.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (a), Perdana Menteri Thailand dan saya telah berunding dan bertukar-tukar fikiran mengenai perkara mempertingkatkan lagi kerjasama berkenaan dengan keselamatan di sempadan Malaysia/Thailand, bekerjasama dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi di kawasan sempadan, pembekalan minyak disel ke Thailand, masalah di Kampuchea dan masalah orang-orang pelarian dari Kampuchea dan Vietnam.

Berkenaan dengan soalan (b), perbincangan berkenaan masalah Kampuchea/Thai/Vietnam telah diadakan juga di peringkat Menteri-menteri Luar Negeri.

Berkenaan dengan soalan (c), Malaysia dan Thailand telah bersetuju dan menandatangani "Perjanjian Pergerakan Barang-barang Dalam Transit Dari Pantai Timur Ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia, dan sebaliknya, melalui Wilayah Thailand mengikut Keretapi Negara Thailand".

HIDUPAN LIAR DI HULU PERAK

11. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah rancangan yang sedang diambil bagi menyelamatkan hidupan liar terutama gajah, harimau, sapi dan sebagainya, oleh kerana kawasan yang terkenal bagi melindungi hidupan liar itu di Hulu Perak telah terjejas akibat daripada pembinaan Empangan Temenggor, Kenering dan Barsia dan juga pembinaan Lebuhraya Timur-Barat serta pembukaan tanah di kawasan tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas atas minat beliau berkenaan hidupan liar di Hulu Perak yang terjejas akibat pembangunan di kawasan tersebut. Kementerian saya telah membuat perancangan untuk menentukan kawasan-kawasan yang sesuai di Hulu Perak sebagai tempat perlindungan hidupan liar. Satu cadangan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Perak untuk merezabkan dua kawasan rezab hidupan liar di kawasan Grik seluas 210 batu persegi dan di Belum seluas 800 batu persegi untuk menjamin keselamatan hidupan liar seperti gajah, harimau, seladang dan sebagainya. Cadangan ini masih lagi dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Perak.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam sidang Parlimen yang lepas, satu akta yang bernama Akta Taman Negara (Bil. 226 Tahun 1980) telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta itu. Ini juga akan menguatkan lagi urusan pengekalan hidupan liar di samping mengekalkan alam semulajadi.

PERKHIDMATAN TELEFON DI SIK

12. Tuan Mohamed Khir Johari (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Tenaga, Telikom dan Pos menyatakan sama ada benar bahawa perkhidmatan telefon yang tidak memuaskan sama sekali sedang dihadapi oleh pengguna-pengguna di Sik terutamanya sudah lebih bertahun-tahun lamanya disebabkan menunggu alat ganti ibusawatnya yang ditempah dari luar negeri. Jika ya, berapa tahun sudah barang itu ditempah, dan mengapa pula ianya memakan masa begitu lama sekali; dan apakah tindakan Kementerian buat masa ini berhubung dengannya supaya tidak lagi pengguna-pengguna menjadi bosan terhadap perkhidmatan telikom di sana.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, ada dua sebab mengapa perkhidmatan telefon di kawasan Sik tidak memuaskan pada masa ini.

Pertamanya oleh kerana kekurangan litar cawangan di antara Ibusawat Sik dengan Ibusawat Sungai Petani.

Sebab kedua ialah oleh kerana litar cawangan yang digunakan di kawasan itu adalah dawai terbuka dan oleh kerana dawai-dawai ini melalui ladang-ladang getah, maka ianya kerap kali mengalami kerosakan disebabkan dahan-dahan pokok yang patah dan menimpa dawai-dawai tersebut.

Sebagai langkah untuk memperbaiki mutu perkhidmatan telefon di kawasan Sik, Jabatan Telekom akan menggantikan dawai terbuka dengan kebel "Integral Barrel" dan menggunakan sistem PCM (Pulse Code Modulation). Sementara itu baru-baru ini Jabatan Telekom telah juga memasang satu litar tambahan lagi di antara Sik dengan Sungai Petani bagi menambahkan litar-litar yang ada. Projek pemasangan kebel IB dan sistem carrier PCM dijangka siap pada akhir tahun ini dan dengan demikian perkhidmatan telefon di kawasan Sik akan menjadi lebih baik dan memuaskan.

FILEM "DEATH OF A PRINCESS"— PENGHARAMAN

13. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri beri sebab-sebab mengapa gambar "Death of a Princess" telah diharamkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat saya menjawab soalan yang serupa ini, iaitu yang berupa "hypothetical", iaitu mengenai sesuatu yang belum berlaku oleh kerana hingga sekarang filem yang dimaksudkan itu belum lagi dikemukakan kepada Lembaga Penapis Filem untuk ditapisikan.

CAMPURTANGAN TENTERA SOVIET DI AFGHANISTAN

14. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa memandangkan pergolakan politik dan bertindak Rusia di seluruh dunia dan pencerobohnya terhadap Afghanistan serta strateginya di Asia Tenggara dan Selat Melaka, maka adakah Malaysia akan meninjau semula dasar dan perhubungan diplomatiknya dengan Russia, juga nyatakan adakah kegiatan rakyat Russia dan

pegawai diplomatiknya di Malaysia sudah diawasi demi kepentingan keselamatan negara kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telahpun dengan tegasnya menyatakan kekesalan terhadap campurtangan tentera Soviet di Afghanistan, sebuah negara Islam yang berkecuali, di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di Sessi Khas Menteri-menteri Luar Persidangan Islam di Islamabad pada bulan Januari tahun ini, di Mesyuarat di antara ASEAN dan Kesatuan Ekonomi Eropah di Kuala Lumpur pada bulan Mac tahun ini, dan paling akhir sekali di Sessi ke 11 Menteri-menteri Luar Persidangan Islam pada bulan Mei lepas di Islamabad.

Berkenaan perhubungan kita dengan Soviet Union, meskipun Malaysia mengadakan perhubungan diplomatik yang biasa, pihak Soviet adalah sedar tentang pendirian tegas kita terhadap tindakannya di Afghanistan dan juga aktiviti-aktivitinya di Vietnam dan Asia Tenggara.

Meskipun Malaysia mengakui prinsip "diplomatic immunity" kita pada masa yang sama juga adalah berwaspada terhadap aktiviti-aktiviti mana-mana pihak yang membahayakan keselamatan negara.

PEMBELIAN KAPALTERBANG BARU

15. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang membeli kapal-terbang baru untuk perkhidmatan dalam negeri dan jika demikian menyatakan bilangan kapal-terbang dan dari negara mana Kementerian telah memutuskan untuk membuat pembelian tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, pihak MAS telahpun membuat tempahan bagi membeli 4 buah lagi pesawat-pesawat baru untuk menjalankan perkhidmatan dalam negeri seperti berikut:

2 buah F 27 dipesan dari Fokker VFW International Netherlands.

1 buah B 737 dari Boeing Commercial Air Print Company, Washington, USA.

1 buah A 300B Airbus dari Airbus Industry Blagnac France.

Melainkan 2 buah pesawat jenis F 27 itu yang akan digunakan untuk perkhidmatan dalam negeri sahaja, pesawat-pesawat jenis B 737 dan Airbus akan digunakan untuk perkhidmatan dalam negeri dan juga perkhidmatan antarabangsa.

Keempat-empat buah pesawat ini dijangka siap dan akan tiba dalam tahun 1981. Selain dari itu MAS juga bercadang membeli 2 buah lagi pesawat kecil 20 tempat penumpang untuk kegunaan perkhidmatan udara luar bandar. Kerajaan akan membuat keputusan mengenai pemilihan jenis pesawat ini tidak lama lagi.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, adakah beliau sedar kapal-terbang jenis F 27 tidak sesuai berkhidmat kepada negara kita oleh kerana baru-baru ini ada berlaku di mana seorang Menteri kita pun ada dalam kapal-terbang itu ada mechanical fault dan tiap-tiap kali kita nampak suratkhbar mengatakan F 27 mengalami mechanical fault. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan cari lain jenis kapal-terbang yang lebih sesuai dan lebih selamat.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa F 27 adalah sebuah kapal-terbang yang tidak balik. Mengikut pandangan Kementerian, F 27 adalah sebuah pesawat yang baik.

Berkenaan dengan kesalahan teknikal, ini boleh berlaku di mana-mana pesawat jenis apa pun.

Tuan Chan Teck Chan: Saya merasa syak wasangka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menaiki kapal-terbang Fokker F 27 kerana saya sendiri ada mengalami satu perkara dari Kuching ke Sibu, di tengah jalan itu ada berlakunya enjin dan sedikit masalah seperti yang berlaku pada beberapa minggu yang lepas terlibat seorang Menteri Kabinet. Kalau dengan pembelian kapal-terbang-kapal-terbang baru maka bilakah Fokkers ini akan digantikan supaya nyawa manusia boleh diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bernasib baik tiap-tiap kali naik tak ada berlaku apa-apa (*Ketawa*).

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya selalu naik kapalterbang F 27.

Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa F 27 ini adalah selalu dalam technical maintenance yang baik.

BUMIPUTRA DALAM URUSNIAGA PEMBORONGAN

16. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau akan menjalankan penyiasatan ke atas apa yang dipanggil Pemborong Bumiputra yang didaftarkan atas nama bukan Bumiputra bagi mendapatkan hak perniagaan yang dikhaskan untuk Bumiputra dengan cara menggunakan nama Bumiputra yang bekerja di peringkat yang paling rendah dalam syarikat bukan Bumiputra lantas menghalang peluang pemborong Bumiputra tulen yang tidak dapat menikmati pelbagai ekonomi yang dijalankan oleh syarikat bukan Bumiputra.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kaum Bumiputra dalam urusniaga pembangunan adalah sangat-sangat diambil berat oleh Kementerian saya. Sebarang usaha yang cuba merampas peluang-peluang yang disediakan kepada pemborong Bumiputra tidak dibenarkan sama sekali. Memang terdapat bukti bahawa ada pihak-pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk mendapatkan hak perniagaan yang dikhaskan kepada pemborong Bumiputra dengan cara menggunakan nama-nama pemborong Bumiputra. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian saya memang sentiasa menjalankan kajian dan siasatan yang terperinci ke atas setiap syarikat gabungan atau perkongsian kaum Bumiputra dengan kaum bukan Bumiputra supaya kegiatan-kegiatan penyelewengan tidak berlaku dengan sewenang-wenangnya. Saya yakin tindakan yang sedemikian, merupakan salah satu langkah yang sangat berkesan bagi memastikan penyertaan kaum

Bumiputra di dalam urusniaga pemborong dapat dijalankan tanpa penipuan dan peneakan yang tidak diingini.

Tuan Patrick Anek Uren: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekarang dalam keadaan market condition yang begitu payah, sesak dengan inflasi di mana menyebabkan bumiputra-bumiputra yang ingin berniaga kontrak tidak dapat mengambil barang-barang keperluan untuk menjalankan kerjanya melainkan membayar wang tunai. Ini telah menyebabkan lebih rumit lagi keadaan di mana tindakan Kementerian itu yang tersebut tadi telah dihadapi. Kalau sedar, sama ada cara lain dari segi bantuan kepada bumiputra yang benar-benar ingin berniaga dalam kontrak dari segi financial provision ataupun kelonggaran undang-undang mengenai wang yang digunakan oleh kontrak ini supaya lebih bumiputra dapat masuk ke dalam perniagaan yang lebih baru kepada mereka ini.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuna Yang di-Pertua, soalan itu adalah soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah lain, tak payah jawablah (*Ketawa*).

JALANRAYA SIMANGGANG KE SIBU

17. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk merata atau membubuh tar kepada jalanraya dari Simanggang, Bahagian Ke 2 ke Sibu, Bahagian Ke 3.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, J.K.R. Sarawak memang ada rancangan untuk memperbaiki dan menurap muka jalan dari Simanggang ke Sibu. Pada masa sekarang kerja-kerja sedang dijalankan di bahagian jalan di antara Sarikei dengan Binatang. Kerja-kerja yang sama akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk bahagian-bahagian jalanraya yang lain.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan speaker, saya ingin bertanya sama ada Timbalan Menteri sedar bahawa keadaan jalanraya tersebut sekarang lebih buruk daripada tahun-tahun yang lepas. Adakah beliau sedar

bila ada jalanraya baru dibuat di Semenanjung Malaysia bahawa semua jalan itu di-surfacekan dengan tar, tetapi bila membuat jalanraya di Sarawak hanya dibuat semacam itu sahaja, jalanraya gred tiga. Adakah Kementerian bercadang supaya bila dibuat jalanraya di negeri itu lebih-lebih lagi trunk-road menghubungkan bandar-bandar besar supaya integrasi rakyat lebih rapat lagi supaya jalan-jalan itu dibuat terus dengan cukup surface seperti taraf di Semenanjung Malaysia?

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar tetapi priority kita di Sarawak bukanlah menurun ataupun mengtarkan jalan itu, tetapi memberi jalan-jalan dengan seberapa cepat kepada tempat-tempat yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan menurun jalanraya di Malaysia Timur akan memakan belanja yang banyak dan masa yang lebih panjang. Seperti saya katakan tadi apa yang perlu kita buat sekarang ialah apa jenis jalanpun kita akan cuba buat dahulu dan kemudian apabila sampai masanya kita akan balik kembali menurun jalanraya yang sudah dibuat.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedari bahawa dalam Pilihanraya Umum Sarawak pada tahun yang lepas Kerajaan Barisan Nasional ada berjanji bahawa keutamaan akan diberikan bukan sahaja untuk menyambung semua jalan-jalan di pekan-pekan besar di Sarawak dan juga jalan-jalan dalam pekan-pekan, umpamanya, di Sibu, Jalan Lanang, tetapi sehingga hari ini pun belum diperbaiki walaupun pilihanraya sudah lepas begitu lama. Bilakah projek ini akan dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah terkandung dalam jawapan tadi sebahagiannya mengikut priority. Kalau ada hendak tambah lagi! Sila Yang Berhormat.

Tuan Clarence E. Mansul: Itu memang sedang dijalankan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana keluasan negeri itu adalah sangat luas, mungkin Yang Berhormat tidak dapat lihat di mana kerja-kerja itu yang sedang dijalankan sekarang.

Tuan Chan Teck Chan: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, ini bukan hendak berbahas.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan tidak apa. Saya hendak beri peluang kepada Ahli dari Mas Gading dahulu.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan speaker, sama ada Kementerian sedar bahawa dengan priority yang diadakan sekarang ini telah menyebabkan pertambahan kos kepada pengguna iaitu kerana perhubungan di antara kawasan yang begitu tidak baik telah menyekatkan rakyat daripada satu tempat ke satu tempat, bas pun setiap hari rosak di tengah jalan, teksi, keretapun semuanya tidak pergi. Jadi ini telah menyebabkan begitu banyak kerja-kerja termasuk kerja-kerja Kerajaan tidak dapat dilaksanakan oleh kerana tidak ada orang yang ingin mengambil kontrak kerana kosnya begitu tinggi. Adakah beliau sedar dan kalau sedar sama ada dasar priority ini ditukarkan dengan segera?

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, priority untuk membina jalanraya di Sarawak adalah dibuat oleh Kerajaan Negeri sendiri dan di peringkat Persekutuan ini kita hanya memberi peruntukan untuk dilaksanakan oleh JKR Sarawak sendiri.

CANDI (MONUMENT) PATA

18. Tuan Mohamed Khir Johari minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya candi atau "monument" PATA di bulatan Lapangan Terbang Subang di pindahkan dan adakah pemindahan itu telah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pendermannya. Dan dapatkah Menteri berkenaan menyatakan apakah telah jadi kepada "monument" yang telah dibina dengan perbelanjaan yang banyak itu setelah diruntuhkan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, candi PATA yang telah berada selama tujuh tahun di bulatan jalan Lapangterbang Antarabangsa Subang telah dirobohkan setelah didapati keadaannya terlalu buruk dan tidak praktikal kerana strukturnya yang sangat kompleks itu menyukarkan kerja-kerja menyenggara dilakukan. Jikalau dibiarkan tanpa disenggara keadaannya akan menjadi bertambah buruk lagi dan membahayakan keselamatan kerana tapak asas candi itu telah runtuh.

Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda atas minatnya yang ditunjukkan kepada candi ini dan ia sekarang menyiasat sama ada tindakan meroboh candi itu telah mendapat persetujuan atau tidak dari pihak pendermanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Sharifah Dorah binti Mohammed.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 19.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

KAWASAN PERUMAHAN BARU

19. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan oleh kerana aktiviti-aktiviti yang berikutan didapati di kawasan-kawasan perumahan-perumahan yang baru:

- (i) penyambungan dibuat dengan maharajalela;
- (ii) perindustrian kecil (backyard industry) merecup-recup tumbuh;
- (iii) rumah-rumah yang pelan asalnya setingkat dinaikkan dua tingkat tanpa kebenaran; dan
- (iv) private-private hotel dijalankan di rumah-rumah khususnya di kawasan Taman Banang Batu Pahat, apakah tindakan yang akan dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan supaya kegiatan-kegiatan haram ini dapat diberhentikan sama sekali secepat mungkin.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin berlaku di beberapa kawasan-kawasan perumahan tetapi adalah sukar bagi pihak Kementerian saya amnya dan pihak Majlis-majlis Perbandaran atau Daerah khususnya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang telah melanggar undang-undang yang berkenaan semata-mata berdasarkan atas

aduan-aduan secara umum. Di dalam hal ini kerjasama orang-orang awam untuk mengemukakan kenyataan-kenyataan yang tepat di mana didapati atau diketahui berlakunya kegiatan-kegiatan sedemikian itu, adalah sangat-sangat digalakkan bahkan perlu untuk membantah membuat pihakberkuasa mengambil tindakan untuk membanteraskan kegiatan-kegiatan yang haram itu. Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya mengemukakan butir-butir yang tepat dan lebih lanjut terhadap tuduhan-tuduhan beliau itu kepada Kementerian saya atau kepada pihak yang berkuasa di kawasan yang berkenaan, untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

Tuan Thomas Salang Siden: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 20.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Julau.

SURAT SUMPAH DARI PEMBORONG MENGENAI BAYARAN PEKERJA

20. Tuan Thomas Salang Siden (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan manakala kerja-kerja projek diselesaikan oleh pemborong-pemborong kenalah pemborong-pemborong itu menfailkan suatu Surat Sumpah di Jabatan Buruh mengakui bahawa bayaran-bayaran telahpun diperbuat kepada pekerja-pekerja sebelum pegawai-pegawai Jabatan Kerjaraya memperbuat bayaran itu kepada pemborong-pemborong tetapi Surat-surat Sumpah itu tiada diterima oleh pihak Jabatan Kerjaraya atau Jabatan Parit dan Taliair Negeri dan dengan mengeliru dan menyusahkan pemborong-pemborong itu, oleh yang demikian adakah beliau akan mengambil langkah-langkah untuk memperbetulkan kekeliruan ini supaya pemborong-pemborong tiada akan mengalami kesusahan.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak JKR senantiasa menerima Surat-surat Sumpah yang dibuat di hadapan Ketua Pengarah, Jabatan Buruh (ataupun bagi pihaknya) ataupun di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang menyatakan bahawa pemborong telah membuat bayaran kepada

pekerja-pekerja. Ini selaras dengan yang dikehendaki dalam syarat-syarat kontrak di mana bayaran terakhir hanya dibuat kepada pemborong setelah mendapat surat perakuan (statutory declaration) bahawa semua pekerja telahpun dibayar gaji.

UNDANG-UNDANG BURUH— SIKAP MTUC

21. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kementeriannya sedar tentang sikap M.T.U.C. yang membantah keputusan Parlimen di atas pindaan undang-undang Buruh dan Kesatuan Sekerja lantas meminta jasa baik (Orang Tengah) orang-orang tertentu. Bukankah ini menunjukkan mereka (M.T.U.C.) bersikap tidak mematuhi keputusan Parlimen. Jika sedar apakah tindakan yang sewajarnya perlu diambil.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, saya berpendapat bahawa soal M.T.U.C. tidak mematuhi undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen tidak timbul oleh kerana pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini tetap akan dikuatkuasakan Pindaan-pindaan tersebut telahpun berkuatkuasa mulai daripada 30hb Mei tahun ini.

PERUMAHAN BUMIPUTRA—PROJEK TABUNG PUSINGAN

22. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebilangan besar dari rumah-rumah yang telah diperuntukkan untuk dijual kepada Bumiputra tidak mampu dibeli oleh mereka dan jika sedar apakah beliau akan menyokong cadangan beberapa pihak tertentu supaya Kerajaan Pusat memberikan suatu kebenaran pelancaran di antara \$200-\$300 juta bagi mengadakan tabung Pusingan di tiap-tiap buah negeri untuk membolehkan sebuah Perbadanan Perumahan ditubuhkan untuk mengendalikannya pembelian rumah-rumah tersebut untuk dijual kepada Bumiputra apabila mereka mampu kemudian kelak.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang menyedari bahawa kebanyakan daripada unit-unit rumah yang diperuntukkan kepada Bumiputra tidak dapat dibeli ke semuanya oleh orang-orang Bumiputra oleh sebab kebanyakan daripada mereka tidak mampu untuk membayar harga-harga yang dikenakan oleh pihak pemaju. Perkara ini telah juga dibangkitkan di dalam Kongres Ekonomi Bumiputra yang telah bersidang tempoh hari. Kerajaan akan menimbangkan cadangan-cadangan ini bagi mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan.

MAKANAN BAYI DI HOSPITAL- HOSPITAL

23. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar syarikat-syarikat susu tepung sedang mengedarkan sample percuma hasilan mereka kepada klinik-klinik beranak dan hospital-hospital Kerajaan sebagai suatu iklan untuk memajukan hasil-hasil mereka, yang bercanggah dengan undang-undang ketika Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan apakah langkah-langkah yang beliau bercadang mengambil berkaitan dengan amalan-amalan itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan-perbincangan dengan perusahaan makanan bayi di Malaysia pada awal tahun lalu bagi mendapatkan kerjasama mereka dengan Kementerian, di dalam rancangan-rancangan pelajaran kesihatan untuk ibu-ibu dan kanak-kanak berhubung dengan penyusuan ibu dan makanan bayi. Saya telahpun menemui para perwakilan perusahaan ini dan merasa sukacita untuk menyatakan bahawa berikutan dengan ini mereka bersama-sama pegawai-pegawai Kementerian telahpun merangka sebuah Tata Etika dan Piawai Profesyen bagi pengiklanan, maklumat bahan keluaran dan khidmat nasihat bagi bahan keluaran susu formula untuk bayi-bayi. Perusahaan ini telah menjemput saya untuk melancarkan Tata ini secara umum untuk dikuatkuasakan mulai 1hb Jun, 1979.

Secara bersama kita telahpun merangka Tata Etika ini sebelum Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengambil tindakan yang rasmi di

atas perkara ini untuk seluruh dunia. Saya merasa gembira untuk menyatakan bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah berpandu kepada pengalaman dan pendapat-pendapat kita mengenai hal ini apabila mereka merangka garis-garis panduan mereka mengenai perkara yang sama.

Perenggan (11) Tata Etika ini menyatakan bahawa "Contoh bahan keluaran susu formula untuk susu bayi tidak boleh diberikan kepada ibu oleh pekerja yang bekerja dengan industri ini, melainkan jika mereka diarahkan secara khusus untuk berbuat demikian oleh pegawai profesional yang berkenaan." Dengan itu, syarikat-syarikat pengeluaran susu tidaklah boleh mengedar contoh-contoh percuma kepada ibu-ibu di klinik-klinik dan hospital-hospital Kerajaan melainkan telahpun dibenarkan untuk berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, saya perlulah menegaskan di sini bahawa ianya adalah suatu Etika sahaja dan bukannya satu larangan dari sisi undang-undang. Ianya adalah bergantung kepada keutuhan masing-masing untuk mematuhi, dan saya percaya bahawa kebanyakan perusahaan ini telahpun mematuhi dengan baik kini. Suatu peringkat yang lain lagi ialah untuk menyediakan panduan-panduan bagaimana kita patut mengawas pengeluaran makanan bayi. Perkara ini adalah sedang kami usahakan dengan perusahaan ini juga.

ABIM DAN PAS—PENGHARAMAN

24. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ABIM pemimpin-pemimpinnya telah diperalatkan oleh parti PAS, sebagaimana PAS memperalatkan "ISLAM" untuk mencapai maksud dan matlamat politiknya. Jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengharamkan ABIM, supaya anak muda kita tidak dipesongkan dengan pandangan dan fikiran yang bertentangan dengan ajaran dan landasan Islam yang sebenar oleh pemimpin PAS yang berselindung di sebalik ABIM itu.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang jelas telah diketahui ialah PAS dan ABIM itu adalah dua pertubuhan yang berlainan. PAS adalah sebuah pertubuhan politik

sementara ABIM pula mengakui bukan merupakan pertubuhan politik. Antara keduanya juga nampaknya memang ada bibit-bibit kerjasama tetapi kegiatan ABIM setakat ini tidaklah terkeluar dari peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Negara dan Kerajaan setakat ini tidak ada cadangan untuk mengharamkannya.

Tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana pihak berkenaan akan diambil sekiranya ada kegiatan-kegiatannya yang bertentangan dengan undang-undang pertubuhan itu sendiri ataupun undang-undang negara dan juga Perlembagaan negara.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan oleh kerana wakil dari Pasir Putih kalau mimpi pun, barangkali dia mimpi hendak marah kepada ABIM dan PAS, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan akan menyiasat juga kedudukan pertubuhan-pertubuhan belia yang lain yang diperalatkan oleh mana-mana parti politik?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi sekiranya ada kegiatan-kegiatan mana-mana pihak ataupun pertubuhan sama ada belia dan sebagainya yang mana bercanggah dengan undang-undang negara dan Perlembagaan, maka tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil.

Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan sebenarnya dengan pertanyaan Wakil dari Baling tadi telah dengan terang mengatakan ABIM ini ada kaitan dengan PAS. Sebenarnya bentuk ABIM yang ada sekarang telah berubah kerana di setengah kawasan seperti di Pasir Puteh tokoh-tokoh PAS telah melantik Ahli Jawatankuasa baru tanpa menjemput Ahli Jawatankuasa lama. Mereka mengadakan usrah-usrahnya mencari pelaksanaan pembangunan Kerajaan. Jadi apakah tindakan usrah seperti ini merupakan satu kegiatan yang salah dan melanggar peraturan sebagai sebuah badan bebas sebagaimana ABIM dan apakah langkah dan tindakan yang akan diambil?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ketahui peranan yang dimainkan

oleh seseorang itu adalah terletak kepada kedudukannya sebagai ahli ABIM ataupun ahli PAS. Setengah-setengah usrah yang dijalankan oleh ahli PAS, maka mereka menjalankan usrah-usrahnya yang berkaitan dengan politik, yang berlandaskan kepada politik sungguhpun syarahan dan penerangan yang diberikan itu adalah ugama. Sebaliknya kalau sekiranya ABIM pula mereka menjalankan kegiatannya berlainan. Pendeknya terpulanglah, terletak kepada di mana kedudukan seseorang itu sama ada ia menjalankan kegiatan sebagai ahli ABIM ataupun sebagai ahli PAS. Walau bagaimanapun sebagaimana saya katakan tadi sekiranya kegiatan-kegiatan mereka itu melanggar undang-undang maka langkah-langkah terpaksa diambil. Walau bagaimanapun saya sukalah syorkan supaya masing-masing bagi memberikan penerangan kepada pihak yang berkaitan itu dengan seberapa jelas. Kalau sekiranya penerangan-penerangan itu dipesongkan, dimintalah pihak yang lain itu memperbetulkan. Inilah saya rasa yang patut dibuat.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan awal tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa di antara PAS dan ABIM terdapat bibit-bibit persamaan. Soalan saya apabila memandangkan keadaan pilihanraya yang lepas terdapat sebilangan besar daripada pemimpin-pemimpin ABIM yang menyokong calon-calon PAS secara berterang-terangan dan terdapat juga pemimpin-pemimpin ABIM yang bertanding dalam pilihanraya tersebut, adalah beliau sedar bahawa di antara PAS dengan ABIM itu bukan hanya setakat wujud bibit-bibit persamaan sahaja bahkan lebih daripada itu lagi?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya sedar di atas perkara ini dan langkah-langkah yang diambil sepertimana saya katakan tadi kebanyakan ahli-ahli ABIM itu ialah Ahli-ahli PAS maka kegiatannya tentulah tidak bertentangan ataupun berkaitan di antara satu dengan lain.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ahli-ahli ABIM ini juga menjadi ahli-ahli pada

UMNO dan di antara mereka ada yang bertanding di dalam pilihanraya dan menang ia ada di dalam Dewan ini iaitu wakil dari Arau.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Yang Berhormat saya sedar juga iaitu yang saya katakan kebanyakan ahli-ahli ABIM itu menjadi ahli PAS—bukan semua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Raymond Szetu Mei Thong.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 25.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Sandakan.

MINYAK DIESEL—PENJUALAN DI MIRI

25. **Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah masih terdapat pengguna-pengguna berat dalam jangkamasa waktu yang lama untuk mendapatkan minyak diesel di stesyen-stesyen minyak di Miri walaupun harga minyak tersebut telah dinaikkan untuk kegunaan di rumah.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makuman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan di dalam usaha meluluskan kenaikan harga bahan-bahan petroleum bukan sahaja menimbang aspek-aspek berkaitan dengan harga bahkan menitikberatkan dengan sepenuhnya kawalan-kawalan yang mesti dijalankan bagi mengawasi keadaan bekalan bahan tersebut daripada diselewengkan oleh pihak-pihak yang tidak jujur dalam menjalankan urusan mereka. Untuk menentukan pengawasan yang lebih rapi terhadap penggunaan minyak diesel, mulai daripada 1-10-1979, Kerajaan telah mengadakan peraturan bagi mewajibkan setiap pembelian dan penjualan bahan tersebut disertai dengan resit-resit jualan di mana keterangan ke atas pembeli yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, nombor kenderaan, kuantiti jualan dan harga mestilah dicatitkan oleh penjual. Tindakan ini sedikit sebanyak telah mengakibatkan terdapatnya pengguna-pengguna terpaksa

menunggu di stesyen-stesyen minyak. Kerajaan terpaksa mengadakan peraturan ini walaupun mengakibatkan sedikit kerumitan kepada pengguna-pengguna demi untuk menentukan tidak ada penyelewengan terhadap penggunaan minyak diesel di Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, di bandar Miri ada terdapat sebanyak 6 buah stesyen minyak. Daripada angka yang dilaporkan kepada Kementerian saya, purata bekalan minyak diesel bulanan bagi empat bulan pertama tahun 1980 ke kawasan Miri adalah sebanyak 96,490 gelen dan bekalan ini bagi keseluruhannya adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 53 adalah diberi di bawah ini).

SUKAN—BAKAT MURID-MURID SEKOLAH

26. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau akan memberi perhatian yang serius terhadap mutu sukan yang boleh menaikkan imej negara khususnya peranan yang dimainkan oleh murid-murid sekolah yang mempunyai bakat di dalam berbagai acara sukan agar diberi perhatian yang penuh dengan memberi galakan, dorongan dan bantuan yang sewajarnya supaya menjadi jaguh sukan di negara ini dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Kementerian saya sedang memberi perhatian yang serius untuk meninggikan mutu sukan yang boleh menaikkan imej negara termasuk peranan murid-murid sekolah yang berbakat. Pihak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) adalah juga memainkan peranan yang positif untuk melahirkan pelajaran/pemain-pemain yang berbakat. Ini terbukti dengan rancangan Kementerian menubuhkan sebuah Kompleks Sukan, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia untuk melatih pelajar-pelajar yang berbakat dalam bidang sukan.

Begitu juga Kementerian saya dengan kerjasama Badan-badan Sukan Kebangsaan dan MSSM sentiasa mengadakan Kursus-kursus

Kem Bakat pemain muda untuk sambil mengajar cara-cara teknik permainan yang betul dengan rancangan Latihan yang teratur. Rancangan ini adalah bertujuan untuk menungkil bakat. Usaha-usaha untuk menubuhkan pasukan Junior iaitu pasukan kedua juga sedang dijalankan. (Kedua-dua rancangan ini akan memakan masa yang panjang.

BANGUNAN TERMINAL LAPANGAN-TERBANG KOTA KINABALU

27. Tuan Mark Koding minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebiasaannya masa yang diambil untuk menyelesaikan urusan penumpang-penumpang kapalterbang yang tiba di Lapanganterbang Kota Kinabalu dengan pesawat Airbus ialah 2 hingga 3 jam atau lebih, dan jika ya, apakah tindakan segera yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan sesak ini.

Dr Goh Cheng Teik: Bangunan terminal yang ada sekarang di Lapanganterbang Kota Kinabalu adalah berkeupayaan untuk menampung perkhidmatan pesawat-pesawat setakat jenis B707 sahaja yang boleh membawa penumpang maksima seramai 150 orang bagi sesuatu penerbangan. Oleh kerana adanya pertumbuhan trafik yang begitu pesat yang telah tidak diduga, pihak MAS telah mengadakan perkhidmatan pesawat "wide-bodied" Airbus yang boleh membawa 246 orang penumpang untuk memenuhi keperluan orang ramai. Dengan yang demikian keadaan ini telah menimbulkan kesesakan sementara dalam mengurus keberangkatan dan ketibaan penumpang-penumpang di bangunan terminal tersebut.

Walau bagaimanapun, langkah serta-merta talahpun diambil untuk mengatasi kesesakan itu. Sebanyak \$1.5 juta sedang dibelanjakan bagi memperbesarkan Dewan Ketibaan dan Berlepas Bangunan Terminal yang ada dan kerja-kerja ini dijangka siap pada akhir tahun ini.

Sebagai langkah jangka panjang pula sebanyak \$37.7 juta telah diperuntukkan bagi membina sebuah Bangunan Terminal yang baru yang akan dapat menampung keperluan perkhidmatan pesawat-pesawat besar (wide-bodied aircrafts). Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 1983.

MAKSIAT UGAMA

28. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan di samping Kerajaan meningkatkan Dakwah, adakah Kerajaan menitikberatkan usaha-usaha berkesan mencegah dan menghapuskan maksiat dalam negara ini. Nyatakan apakah sikap sebenar Kerajaan terhadap golongan penagih maksiat sama ada mereka itu dianggap anasir anti-nasional.

Perdana Menteri: Jika yang dimaksudkan dengan maksiat ugama oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah maksiat seperti berkhawat, zina dan lain-lain kesalahan yang berhubung dengan ajaran Islam, sememangnya Kerajaan melalui Majlis/Jabatan Ugama Islam Kerajaan-kerajaan Negeri telah banyak bertindak menangkap, mendakwa dan menghukum mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti di atas. Tindakan-tindakan tersebut dengan sendirinya menunjukkan sikap Kerajaan mengenai perkara ini.

KEMALANGAN JALANRAYA DI SUNGAI BAKAP

29. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan jalanraya yang telah berlaku di jalan baru di Sungai Bakap sejak ia dibuka dengan rasminya baru-baru ini;
- (b) sama ada beliau bersetuju jalan baru itu tidak dirancang dengan baiknya mengakibatkan wang rakyat membazir; dan
- (c) sama ada lampu-lampu akan dipasang di simpang jalan itu untuk mengelakkan kemalangan dari berlaku pada masa depan.

Tuan Clarence E. Mansul:

- (a) Sejak 3hb Mac 1980 sebanyak 15 kemalangan telah berlaku melibatkan 2 kematian dan 13 cedera parah/ ringan. Dari jumlah tersebut 11 kemalangan berlaku di penyambung jalan (connecting links) dan di jalan lama dan 4 lagi di Lencongan tersebut.
- (b) Saya tidak bersetuju yang lencongan ini tidak dirancang dan direkabentuk dengan wajarnya dan masalah penyalahgunaan atau pembaziran wang

rakyat tidak timbul. Piawai rekabentuk jalan ini dikawal oleh pembangunan yang ada (rumah-rumah, rumah-rumah kedai, panggung wayang dan lainnya) dan segala usaha telah dibuat untuk mengurangkan kerja pengambilan tanah yang mana akan membawa ke masalah-masalah sosial dan ekonomi.

- (c) Memandangkan pihak tempatan telah bersetuju untuk membiayai kos tenaga dan penyelenggaraan lampu jalan, tindakan sedang diambil untuk mendapatkan peruntukan tambahan.

PERUTUSAN TAHNIAH DARI PARTAI KOMUNIS CHINA

30. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya jangan baca terlalu dalam ataupun bereaksi dengan kelebihan (over-react) kepada perutusan tahniah ideologi yang dikirimkan oleh Partai Komunis China kepada Partai Komunis Malaya sempena ulang tahunnya serta juga menafikan lawatan dan perdagangan yang lebih bebas ke China oleh rakyat negara ini dan sebaliknya harus mendapat inspirasi dari Hong Kong dan Macau yang mana masa depan geo-politik kedua-dua negara tersebut adalah tidak tentu.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Pucuk pimpinan Pemerintah Republik Rakyat China adalah juga Ketua Parti Komunis China. Tahniah dari Parti Komunis China kepada Parti Komunis Malaya itu adalah satu sokongan terbuka yang jelas menunjukkan hubungan yang erat di antara keduanya. Selagi adanya hubungan seperti ini dan apa lagi dengan kenyataan Timbalan Perdana Menteri Republik Rakyat China itu, maka selagi itulah kita harus berwaspada terhadap Republik Rakyat China.

Perhubungan diplomatik antara negara kita dengan Republik Rakyat China adalah di atas dasar Kerajaan dengan Kerajaan sahaja dan bukan di antara rakyat dengan rakyat dengan persetujuan dari kedua belah pihak bahawa keduanya akan menghormati urusan dalam negeri masing-masing. Apa yang kita lakukan adalah untuk menjaga kepentingan dan keselamatan negara kita dan kitalah yang menentukan desteni kita sendiri tanpa perlu mencari inspirasi dari negara lain.

RUNDINGAN PERDANA MENTERI THAILAND—SINGAPURA

31. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa perundingan telah diadakan di antara beliau dengan Perdana Menteri Thailand dan Perdana Menteri Singapura baru-baru ini. Jika sedar, sejauh manakah kejayaan telah dicapai di dalam perundingan tersebut.

Perdana Menteri: Tentulah saya sedar. Mustahil saya tak sedar jika saya sendiri yang mengadakan perundingan itu.

Kejayaan yang telah dicapai dalam perundingan saya dengan Perdana Menteri Thailand adalah seperti berikut:

- (a) Menandatangani "Perjanjian Pergerakan Barang-barang Dalam Transit Dari Pantai Timur ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia, Dan Sebaliknya, Melalui Wilayah Thailand Ikut Keretapi Negara Thailand".

Perjanjian ini adalah berfaedah kepada Malaysia kerana mendapat kemudahan pengangkutan barang-barang dari Pantai Barat ke Pantai Timur, dan sebaliknya, menggunakan perkhidmatan keretapi Negeri Thailand.

- (b) Penjelasan daripada Perdana Menteri Thailand bahawa pasukan keselamatan Malaysia bukanlah diminta keluar daripada kawasan Negeri Thailand. Sebenarnya perkara penarikan keluar pasukan keselamatan Malaysia tidak berbangkit sama sekali. Mengikut perjanjian sempadan, bila pasukan keselamatan Malaysia dan Thailand tamat menjalankan operasi bersama (combined operation) di dalam kawasan Thailand, pasukan keselamatan Malaysia akan kembali ke negeranya.
- (c) Mendapat persetujuan Thailand berkenaan dengan kerjasama pembangunan sosio-ekonomi di kawasan sempadan.
- (d) Menegaskan lagi persetujuan policy terhadap masalah Kampuchea sebagaimana yang ditetapkan oleh ASEAN, EEC dan Bangsa-bangsa Bersatu.
- (e) Mendapatkan persetujuan Perdana Menteri Thailand pada prinsipnya mengenai "Formula Kuantan". Tetapi Perdana Menteri Thailand berpendapat

bahawa rundingan perlu diadakan lagi dengan Ketua-ketua ASEAN yang lain sebelum "formula" itu dilaksanakan.

Kejayaan yang telah dicapai di dalam perundingan saya dengan Perdana Menteri Singapura telah dinyatakan dalam jawapan saya kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang pada 9-6-80 (Soalan No. 31).

GURU BESAR/PENOLONG KANAN— NAIK PANGKAT

32. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai bilangan guru agama yang cukup syarat terlibat dengan kenaikan pangkat telah dilantik sebagai Guru Besar atau Penolong Kanan.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Jawapan kepada pertanyaan ini telahpun saya berikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri pada 21hb Mac, 1980.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya setakat ini telah menaikkan pangkat 6 orang guru agama yang cukup syarat di bawah Sekim Perkhidmatan berkenaan ke beberapa jawatan sebagai jawatan tertentu di Kementerian Pelajaran.

Kenaikan pangkat guru-guru agama yang lain menurut kategori masing-masing akan dipertimbangkan bersama-sama dengan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang lain dari masa ke semasa.

MURID-MURID DARJAH SATU DARI SEKOLAH CINA/TAMIL

33. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jumlah bilangan murid-murid yang memasuki Darjah Satu di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil telah meningkat setahun demi setahun, jika ya, apakah sebabnya pembinaan sekolah-sekolah baru termasuk pembaikan sekolah-sekolah jenis ini yang buruk tidak dijalankan sejajar dengan penambahan bilangan murid-murid di sekolah-sekolah ini dan sama ada ini bererti bahawa Kerajaan dengan sengaja mahu menganaktirikan sekolah-sekolah China dan Tamil.

Dato' Musa Hitam: Bilangan murid-murid memasuki Darjah I tidaklah boleh dikatakan terus meningkat dari tahun ke setahun bahkan ada tahun-tahunnya yang bilangan ini menurun dan ada pula tahun-tahunnya yang bilangan ini meningkat sedikit. Dari apa yang diperhatikan, dalam beberapa tahun kebelakangan ini trennya menunjukkan kadar penambahan ini menurun. Sebenarnya bagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) bilangan kemasukan murid-murid ke Darjah I ini adalah menurun daripada tahun 1975 hingga 1980 seperti yang ditunjukkan di bawah ini:

	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)		Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)	
	Bil. Murid Darjah I	Peratus beza dari tahun lepas	Bil. Murid Darjah I	Peratus beza dari tahun lepas
1975 ...	85151	+1.0%	13853	-1.7%
1976 ...	82656	-2.9%	13245	-4.4%
1977 ...	85248	+3.1%	13194	-0.4%
1978 ...	88418	+3.7%	12865	-2.5%
1979 ...	86138	-2.6%	12859	-0.05%
1980 ...	84221	-2.2%	12142	-5.5%

Kementerian saya pula di dalam rancangan pembangunannya adalah berusaha seberapa yang boleh untuk memenuhi kehendak-kehendak semua jenis sekolah mengikut prioriti, keupayaan dan kemampuan serta peruntukan yang ada.

PENYELESAIAN KRISIS USA—IRAN

34. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Malaysia diminta oleh Pengerusi Bangsa-Bangsa Bersatu Al-Salim untuk mencari jalan menyelesaikan krisis USA/Iran, dan jika ya, apakah bentuk penyelesaian yang akan dikemukakan oleh Malaysia untuk mengatasi krisis tersebut.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Semasa lawatan ke Malaysia dalam bulan April tahun ini. Tuan Yang Terutama Tuan Salim Ahmed Salim, Presiden Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu ke 34, telah menekankan pandangan bahawa negara-negara yang mempunyai hubungan yang baik dan mempunyai kepercayaan serta penenhormatan yang baik dengan Iran hendaklah

cuba menolong menyelesaikan masalah Amerika Syarikat/Iran ini. Nama Malaysia telah disebutkan oleh beliau di dalam konteks ini.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pendirian Malaysia atas krisis tersebut adalah supaya masalah itu diselesaikan dengan secara damai dan kita akan terus menyokong mana-mana inisiatif atau usaha-usaha diplomatik lebih-lebih lagi bersama-sama dengan negara-negara Islam dan negara-negara berkecuali yang lain ke arah mencapai satu penyelesaian damai.

MAJALLAH ALDAKWAH

35. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah Majallah Dakwah, "Aldakwah" yang diterbitkan di Kaherah untuk bulan Jamadil Akhir, 1400 bersamaan dengan Mei, 1980 telah membuat laporan tidak baik terhadap negara Malaysia. Kalau ya adakah beliau telah mengambil apa-apa tindakan dalam hal ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Saya memang sedar akan lapuran yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Majallah "Aldakwah" adalah satu daripada majallah-majallah yang baru-baru ini telah memulakan penerbitannya di Mesir setelah Presiden Anwar Sadat mengambil keputusan membenarkan kebebasan akhbar. Saya difahamkan majallah itu adalah dianjurkan oleh satu kumpulan bergelar "Ikhwan Muslimin" dalam majallah ini merupakan lidah kumpulan tersebut. Pada masa ini, pendedaran majallah tersebut adalah terhad. Kumpulan "Ikhwan Muslimin" telah dikatakan sebagai satu kumpulan keugamaan yang "extreme" yang telah diharamkan sejak pemerintahan presiden Nasser.

Pada pendapat saya adalah lebih baik jika kita mengelakkan dari "over-reacting" terhadap lapuran yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat, sebab ianya akan menimbulkan publisiti yang tidak diinginkan yang akan dieksploitasikan oleh penerbit-penerbit majallah untuk faedah mereka sendiri. Dalam pada itu, saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa perwakilan-perwakilan kita di luar negeri sentiasa mengawasi lapuran-lapuran dari penerbitan-penerbitan

seperti itu. Ini adalah sebahagian dari tugas-tugas mereka dan saya yakin akan kebolehan mereka untuk mengambil langkah dalam memberikan gambaran yang benar berkenaan Malaysia, serta membetulkan gambaran yang salah.

INDUSTRI KECIL—GALAKAN

36. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu masalah utama yang dihadapi dalam menggalakkan industri-industri kecil di negara ini ialah kesukaran dalam mencari kawasan tapak dan jika beliau sedar, sama ada Kementeriannya akan menubuhkan satu agensi khas atau yunit dalam Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi menyelaras aktiviti-aktiviti semua jabatan yang ada kaitan terutamanya pejabat tanah dalam menggalakkan industri-industri kecil; dan juga merangkakan apakah rancangan-rancangan yang telah diambil setakat ini dalam menggalakkan industri-industri kecil atau ringan.

Dato Lew Sip Hon: Saya sedar salah satu daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh industri-industri kecil di negara ini ialah kesukaran untuk mendapat tapak kawasan yang sesuai. Walau bagaimanapun, masalah ini hanya terdesak di pusat-pusat yang sedia membangun seperti Kuala Lumpur, Lembah Kelang, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru dan lain-lain di mana permintaan terhadap kawasan industri adalah tinggi dan kesukaran mendapatkan kawasan yang sesuai ini bukan sahaja terdapat di kalangan industri-industri kecil tetapi termasuk juga industri-industri sederhana dan yang besar. Sungguhpun demikian, Kementerian saya melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) sentiasa bekerjasama rapat dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDCs), (agensi utama di peringkat negeri yang bertanggungjawab terhadap pembangunan kawasan-kawasan industri) dan berhubung dengan ini, berbagai-bagai daya telah diusahakan untuk menempatkan industri-industri kecil di kawasan-kawasan industri yang dibangunkan oleh perbadanan-perbadanan ini. Bersabit dengannya adalah perlu ditegaskan bahawa sebahagian daripada kawasan-kawasan industri ini adalah khusus untuk industri-industri kecil/

ringan dan pada kebanyakan kawasan-kawasan yang lain pula, peruntukan adalah diberi kepada industri-industri kecil/ringan.

Terhadap soalan Kementerian saya menubuhkan satu agensi khas atau satu yunit di MIDA untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti jabatan-jabatan yang berkaitan dalam pembangunan industri kecil, ini telah diusahakan oleh Majlis Penyelarasan Bagi Pembangunan Perusahaan-perusahaan Kecil yang mana urusetianya ditempatkan di MIDA. Memandang kepada pelancaran Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan sekarang ini sedang mengulangkaji program-program pembangunan industri kecil bagi maksud menambah kekesanannya dan di antara langkah-langkah kemungkinan yang sedang ditimbang oleh Kerajaan adalah memperkukuhkan urusetia Majlis Penyelarasan dan menubuhkan satu agensi khas. Sebagai tambahan juga Kementerian saya sedang menimbangkan kemungkinan untuk menubuhkan satu bahagian khas industri kecil di MIDA untuk membolehkan ia memainkan peranan sebagai "agensi pemandu" (lead agency) dalam pembangunan industri-industri kecil. Walau bagaimanapun, keputusan ini akan dibuat berdasarkan kepada keseluruhan program yang dibuat oleh Kerajaan untuk meneruskan kejayaan pembangunan industri-industri kecil dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dalam menganjur industri-industri kecil termasuklah:

- (i) Menugaskan beberapa institusi Kerajaan untuk memberi berbagai perkhidmatan termasuklah bantuan kewangan, latihan, penyelidikan dan nasihat/perkhidmatan perundingan kepada pengusaha-pengusaha kecil;
- (ii) Menubuhkan Majlis Penyelarasan Bagi Pembangunan Perusahaan-perusahaan Kecil untuk menyelaras dan mengharmonikan aktiviti-aktiviti berbagai bagi agensi yang berkaitan dengan pembangunan industri-industri kecil dalam memastikan yang matlamat-matlamat Kerajaan dalam pembangunan sektor ini dapat dijayakan dengan sempurna.
- (iii) Mengambil beberapa langkah-langkah pentadbiran untuk pembangunan industri-industri kecil, umpamanya

rangka dasar Bank Negara menghendaki bank-bank perdagangan melanjutkan sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah pinjaman mereka kepada pengusaha-pengusaha kecil;

- (iv) Mengusahakan seminar dan kursus bagi pengusaha-pengusaha kecil untuk memberi maklumat kepada mereka tentang peluang pelaburan dan kemudahan-kemudahan yang terbuka kepada mereka.

YUNIT TINDAKAN KEBANGSAAN MEMERANGI DADAH

37. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah Yunit Tindakan Kebangsaan mengenai Kawalan Penyalahgunaan Dadah telah berjaya memerangi masalah dadah di negara ini, terutamanya dalam menjejaki "sungai Narkotik" yang mana Malaysia menjadi sebahagian daripadanya dan yang berasal dari "Golden Triangle" di Utara dan mengalir turun ke Laut India dan Laut China Selatan; juga nyatakan dalam usaha memerangi dadah, sama ada Kerajaan bercadang menjadikan PEMADAM satu agensi Kerajaan yang dibekalkan kuasa penuh dalam memerangi dadah.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Pihak Kerajaan melalui Yunit Bertindak Eksekutif yang ditubuhkan pada tahun 1978 telah menggubal dasar-dasar serta mengatur rancangan-rancangan yang menyeluruh bagi memerangi masalah dadah di negara ini. Usaha-usaha yang dirancang dan dilaksanakan adalah dibuat melalui bidang-bidang Perundangan dan Penguatkuasaan, Rawatan dan Pemulihan, Pendidikan dan Penerangan; dan Penyelidikan dan Perancangan Tenaga.

Dalam bidang Perundangan dan Penguatkuasaan Kerajaan, di samping memperkemas lagi undang-undang yang sedia ada telah memperketat dan memperhebatkan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti penyeludupan, pengedaran dan penjualan dadah dalam negara. Peningkatan usaha-usaha ini di samping kurangnya bekalan dadah dari sumber-sumber "Golden Triangle" pada masa ini menyebabkan harga dadah telah melambong naik dan juga bertambahnya bilangan tangkapan ke atas mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan dadah khasnya pengedar-pengedar dan penjual-penjual dadah.

Berhubung dengan PEMADAM suka saya maklumkan iaitu PEMADAM ialah sebuah organisasi yang ditubuh khas untuk melibatkan penyertaan orang ramai secara sukarela dalam usaha memerangi masalah dadah. Sehingga ini sambutan orang ramai terhadap PEMADAM adalah menggalakkan. Oleh itu buat masa ini tidaklah timbul sama ada Kerajaan bercadang menjadikan PEMADAM sebagai satu agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun Kerajaan ada dan akan terus memberi bantuan untuk menjadikan kegiatan-kegiatan PEMADAM lebih efektif. Dalam hal ini usaha-usaha sedang dibuat untuk memberi bantuan 62 orang Pegawai Kebajikan kepada PEMADAM di samping bantuan kewangan sebanyak \$135,000 setahun.

PENEROKA RANCANGAN FELDA— BILANGAN

38. Tuan P. Patto minta Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah bilangan peneroka yang ada di rancangan-rancangan FELDA sekarang dengan memberi angka-angka pecahan mengikut kaum;
- (b) nisbah kaum di kalangan peneroka FELDA dan sama ada pihak Kerajaan berpuashati dengan nisbah itu;
- (c) jumlah bilangan peneroka yang dianggarkan akan ditempatkan dalam rancangan-rancangan FELDA dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Sehingga 30-5-1980 terdapat seramai 59,228 peneroka telah dapat ditempatkan di Rancangan Tanah FELDA. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Pecahan Kaum	Bilangan Peneroka
Melayu	57,020
China	2,143
India	1,032
Lain-lain	33
Jumlah	59,228

(b) Kedudukan peneroka FELDA mengikut nisbah kaum Melayu, China dan India di masa ini ialah 96:2:2. Kedudukan ini berlaku oleh sebab semenjak FELDA ditubuhkan sehingga baru-baru ini, sambutan dari kaum bukan Bumiputra untuk memasuki rancangan FELDA didapati sangat dingin dan ramai pula di antara mereka yang telah diberi tempat, meninggalkan rancangan. Hanya dalam masa beberapa tahun yang lepas ini sahaja didapati sambutan dari kaum bukan Bumiputra telah mula meningkat dan dengan persetujuan Kerajaan Negeri yang berkenaan, ramai kaum bukan Bumiputra dapat ditempatkan di FELDA di masa hadapan.

(c) Mengikut program pembangunan Tanah FELDA, FELDA dijangka dapat menempatkan sejumlah 51,358 orang peneroka dalam tempoh 5 tahun akan datang. Pecahan tempat mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Peneroka Dalam Tempoh 5 tahun Akan Datang	
Perlis	500
Kedah	1,917
Perak	2,434
Negeri Sembilan	7,741
Johor	8,887
Pahang	23,800
Trengganu	3,573
Kelantan	2,506
Jumlah	<u>51,358</u>

CAWANGAN UNIVERSITI DI PERAK

39. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar betapa perlunya diadakan sebuah Cawangan Universiti di dalam Negeri Perak kerana rakyatnya lebih kurang dua juta orang dan sesuai pula jika perlu untuk mengkaji sumber-sumber dari bumi dan lain-lain lagi. Jika sedar, bilakah Cawangan Universiti tersebut akan didirikan.

Dato' Musa bin Hitam: Masanya masih belum lagi sampai untuk berbuat demikian kerana buat masa ini cawangan-cawangan kampus yang sedia ada bagi universiti-universiti tempatan kita masih lagi dalam peringkat pembangunan dan perkembangannya.

ZON EKONOMI EKSKLUSIF—JAMINAN KESELAMATAN NELAYAN

40. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) atas peristiharan 200 batu nautikal sebagai Zon Ekonomi, adakah Kerajaan bercadang hendak menggalakkan nelayan-nelayan memperluaskan usaha dari sumber laut untuk meninggikan taraf hidup mereka; jika tidak, mengapa; dan
- (b) jika ada, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin keselamatan pengusaha-pengusaha dari ancaman luar.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):

- (a) Dengan peristiharaan Zon Ekonomi Eksklusif 200 batu, Malaysia mempunyai hak tuntutan terhadap sumber sumber perikanan yang terdapat dalam kawasan itu. Bagi mengeksploitasikan sumber-sumber perikanan ini, Kerajaan menggalakkan nelayan-nelayan pantai meneroka ke kawasan tersebut untuk mengusahakan sumber-sumber perikanan yang terdapat di kawasan itu. Dengan cara yang demikian diharapkan tekanan terhadap sumber perikanan di kawasan pantai akan berkurangan dan sambil itu, pengusaha-pengusaha ini akan memperoleh pendapatan yang lebih lumayan.
- (b) Untuk melindungi pengusaha-pengusaha ini dari ancaman luar maka Kerajaan akan menyelaraskan tenaga penguatkuasaan di kawasan Zon ini di antara tentera laut, tentera udara, polis laut dan Jabatan Perikanan. Sebuah Jawatankuasa telahpun ditubuhkan untuk meninjau ke arah penubuhan unit penguatkuasaan yang berkesan bukan sahaja bagi menjaga keselamatan nelayan-nelayan tetapi juga melindungi

sumber-sumber perikanan di kawasan tersebut daripada dieksploitasikan secara haram oleh pihak luar.

INSTITIUT PENYELIDIKAN GETAH DI IPOH

41. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerianya mempunyai rancangan untuk menjadikan Institusi Penyelidikan Getah di Ipoh itu sebagai Fakulti Pendidikan Perlombongan kepada mana-mana Universiti ini memandangkan Negeri Perak terkenal sebagai negeri perlombongan.

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian saya tidak ada rancangan untuk menjadikan Institiut Penyelidikan Getah di Ipoh sebagai Fakulti Pendidikan Perlombongan kepada mana-mana Universiti.

UNIVERSITI KEENAM

42. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa beribu-ribu penuntut yang berkelayakanpun tidak dapat memasuki kelima-lima Universiti tempatan setiap tahun, apa langkah yang Kementerian hendak mengambil untuk menyelesaikan masalah ini. Beri sebab mengapa Kerajaan tidak mendirikan Universiti yang keenam di negara kita.

Dato' Musa bin Hitam: Kerajaan memang sedar bahawa terdapatnya begitu ramai penuntut yang berkelayakan tidak dapat memasuki kelima-lima Universiti yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menambah pengambilan masuk pelajar ke Universiti dari setahun ke setahun. Ini dapat dilakukan disebabkan semua Universiti yang sedia ada kecuali Universiti Malaya, masih lagi dalam proses pembangunan dan perkembangan dan masih lagi belum mencapai target enrolmen pelajar yang dijangka dalam lingkungan 8,000—10,000 orang.

Pembinaan Universiti yang keenam di negara kita dipastikan oleh Kerajaan tidak akan dapat mengatasi masalah ramai penuntut-penuntut yang memerlukan tempat. Sebaik-baiknyalah ditumpukan usaha kita

kepada mengembangkan Universiti-universiti yang ada dan mencari tempat di Universiti-universiti luar negeri.

EKSPORT KAYU BALAK KE THAILAND

43. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan kayu balak kita dieksport ke Thailand dan yang mana tidak digunakan di Thailand dihantar pula ke negara ketiga; nyatakan sama ada lebih menguntungkan Malaysia jika ia mengeksport terus kayu balak itu ke negara ketiga dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Kementerian saya sedar bahawa kayu balak ada dieksport ke negeri Thai dari Semenanjung Malaysia, tetapi jumlah yang dieksport amatlah kecil jika dibandingkan dengan jumlah eksport balak ke lain-lain negara iaitu bagi tahun 1979 sebanyak 33 meter padu berbanding dengan 234,331 meter padu. Jumlah yang dieksport ke negeri Thai itu merupakan hanya 0.014% sahaja. Dengan jumlah yang kecil ini dan adalah diketahui bahawa mulai tahun 1978 negeri Thai telah mula menjadi negara pengimport bahan kayu-kayuan maka adalah tidak mungkin balak yang diimport dari Semenanjung Malaysia itu dieksport pula ke negara ketiga.

Mengenai soalan sama ada lebih menguntungkan Malaysia jika mengeksport terus kayu balak ke negara ketiga, saya suka menyatakan bahawa perdagangan terus atau dua-hala sememangnya menguntungkan bukan saja Malaysia tetapi juga rakan dagangannya itu. Oleh itu, adalah menjadi dasar Kerajaan kita agar hubungan dagangan dengan negara-negara luar dapat dibuat secara terus. Ini bererti kita hendaklah mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi dan lebih cekap terutamanya kemudahan-kemudahan perkapalan dan di pelabuhan. Di samping itu kita juga telah menghubungi negara-negara yang mempunyai hubungan dagangan dengan negara kita, misalnya melalui misi-misi teknikal, perdagangan dan pelabuhan yang dihantar kedua-dua negeri, agar negara-negara berkenaan mengadakan hubungan dagangan terus dengan Malaysia.

GABUNGAN AMNESTY INTERNATIONAL—RAYUAN PENGGANTUNGAN

44. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar Gabungan Amnesty International dalam suratnya bertarikh 26hb Mac, 1980 merayu kepada beliau supaya dihentikan penggantungan orang-orang yang didapati bersalah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Apakah Kerajaan bercadang menyahut rayuan yang dibuat oleh Gabungan tersebut, jika tidak, beri sebab-sebab.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Benar, Kerajaan ada menerima surat seperti yang disebutkan itu. Sebagai seorang peguam tentu Ahli Yang Berhormat arif tentang proses undang-undang negara ini berhubung dengan kes-kes seperti ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum setiap peringkat proses undang-undang sehinggalah ke peringkat merayu kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dituruti. Proses undang-undang ini akan terus dijalankan sebagaimana sepatutnya dan semua orang adalah tertakluk kepada undang-undang di negara ini.

TINDAKAN POLIS MEMBASMI KEJADIAN JENYAH

45. Puan Shariffah Dorah binti Mohammad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, adakah beliau sedar bahawa kejadian rompak samun, colek dan pecah rumah adalah meningkat dan berleluasa terutamanya di kawasan perumahan baru yang sesak. Apakala dilaporkan kepada Polis bagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan hampir empat jam selesai rompakan baru pihak Polis tiba (itupun rumah Wakil Rakyat). Apabila ditanya jawapan yang diberikan ialah:

- (i) Tiada bekalan diesel maka Polis tiada boleh meronda;
- (ii) Tiada cukup C.I.D. dan kakitangan; dan
- (iii) Tiada kenderaan untuk meronda.

Jika sedar, apakah langkah-langkah dan tindakan yang sudah diambil untuk menghapuskan sama sekali keadaan-keadaan yang mengugut keselamatan nyawa dan hartabenda rakyat.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Pada amnya bilangan kejadian jenayah memang telah bertambah memandangkan pertambahan jumlah penduduk. Purata pertambahan ini ialah 4.1% setahun semenjak tahun 1975 berbanding dengan pertambahan jumlah penduduk yang dianggarkan sebanyak 2.8% setahun. Walaupun demikian pihak Polis adalah terus mengambil tindakan-tindakan yang berikut untuk mencegah keadaan ini daripada merebak:

- (i) Mengadakan rondaan sama ada berjalan kaki atau menggunakan kenderaan di kawasan-kawasan yang selalu berlaku kejadian jenayah.
- (ii) Menjalankan operasi atau pemeriksaan mengejut di tempat-tempat yang disyaki sebagai tempat persembunyian penjenayah.

Untuk membolehkan pihak Polis menjalankan operasi-operasi tersebut dengan lebih berkesan lagi adalah perlu kerjasama yang rapat daripada pihak orang ramai, khasnya dalam memberi maklumat berkaitan dengan orang-orang yang terlibat dalam kegiatan jenayah.

Mengenai kejadian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, siasatan mengenai kejadian ini menunjukkan bahawa pihak Polis telah tiba di rumah Yang Berhormat 1 jam 20 minit selepas menerima laporan. Kelewatan ini adalah disebabkan pegawai penyiasat yang bertugas pada masa itu sedang menyiasat satu kemalangan jalan raya di Senggarang dan Penolong Pegawai Penyiasat pula sedang menyiasat kes pecah rumah di Batu Pahat. Selepas selesai menjalankan tugas itu pegawai tersebut tanpa berlengah-lengah terus bekejar ke rumah Yang Berhormat itu untuk menjalankan penyiasatan. Jadi dalam kes ini tidaklah benar pihak Polis mengambil masa hampir 4 jam sebelum datang untuk menyiasat.

PETRONAS—PENGELUARAN MINYAK

46. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan krisis yang berterusan yang sedang berlaku di Asia Barat, khasnya di Telok Parsi yang menjejaskan perbekalan minyak dunia, adakah Kerajaan (Petronas) bercadang menghadkan pengeluaran minyak

negara sebagai tenaga simpanan bagi menghadapi krisis tenaga yang lebih besar, pada masa yang akan datang.

Perdana Menteri: Soalan yang serupa maksudnya telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kluang pada 28-3-80 (Soalan No. 4) dan saya telah menjawabnya. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan saya itu.

TV MALAYSIA—PENAYANGAN FILEM IKLAN

47. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** diminta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa iklan-iklan dalam TV Malaysia tidak mencerminkan komposisi kaum khususnya orang Melayu yang sepatutnya mengambil peranan dalam berbagai bidang iklan yang disiarkan dan sama ada beliau akan mengarahkan pihak-pihak yang tertentu menetapkan garis panduan apabila hendak mengadakan iklan untuk disiarkan dalam televisyen dan jika tidak, mengapa.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Antara syarat-syarat yang dikenakan bagi filem-filem iklan yang ditayangkan di TV Malaysia ialah sesuatu filem itu mestilah mencerminkan identiti Malaysia dan ini termasuklah mencerminkan perimbangan rakyat yang berbilang kaum. Kementerian ini memang mementingkan perkara ini tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu seperti suasana atau babak-babak keluaranya maka tidaklah dapat dielakkan jika sesuatu kaum sahaja yang digambarkan. Sejak adanya syarat ini, para pengiklan telah mencuba seberapa yang boleh supaya iklan-iklan mereka menggambarkan masyarakat berbilang kaum mengikut komposisi kebangsaan di Negara ini.

TANGGAGAJI PENCATIT WAKTU DI LEMBAGA AIR

48. **Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya anomali gaji maxima antara pencatit-pencatit waktu JKR yang mendapat \$595.00 dan Pihak Berkuasa Air yang hanya mendapat \$445.00 apabila jenis kerja kedua-dua kumpulan ini adalah nyaris sama. Jika

ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini yang tidak seimbang.

Perdana Menteri: Kerajaan telahpun menerima memorandum daripada pihak pekerja Pencatit Waktu di Lembaga Air menuntut supaya anomali terhadap tanggagaji mereka itu dibetulkan. Sekarang ini Bahagian Perundingan di Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menjalankan penyiasatan ke atas tuntutan tersebut dan akan berunding dengan pihak yang terkilan itu tidak berapa lama lagi tujuan untuk menyelesaikan pertikaian itu.

PELAJARAN BAHASA IBUNDA (CINA) DI SEKOLAH RENDAH

49. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar terdapat permintaan yang besar dari ibubapa-ibubapa Malaysia keturunan China yang mahukan pelajaran bahasa Ibunda untuk anak-anak mereka, dan juga nyatakan rancangan-rancangan yang ada untuk memperluas dan menambahkan bilangan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (China) dalam tahun akan datang serta juga semasa Rancangan Malaysia Keempat.

Dato' Musa Hitam: Kementerian saya adalah menyedari adanya permintaan yang besar dari ibubapa Malaysia keturunan China yang mahukan pelajaran melalui bahasa Ibunda untuk anak-anak mereka tetapi permintaan ini bukanlah luar biasa kerana peratus permintaan untuk aliran Kebangsaan juga bertambah dengan kadar yang seimbang dengan jumlah murid-muridnya dalam masa lima tahun kebelakangan ini. Apa yang sebenarnya didapati ialah jumlah bilangan murid-murid yang masuk ke darjah I ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) adalah menurun atau merosot dari 85,151 orang dalam tahun 1975 kepada 84,221 orang pada tahun 1980.

Oleh itu, segala rancangan penambahan bilik-bilik darjah dan juga bangunan-bangunan sekolah adalah dibuat mengikut keadaan keutamaan dan keperluan.

Di bawah ini diturunkan angka-angka termasuk murid-murid darjah I ke Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dari tahun 1975-1980

untuk perbandingan dan diperhatikan bahawa angka-angka ini tidaklah meningkat sahaja dari tahun ke setahun tetapi trennya

adalah berubah-ubah turun naik dari tahun ke setahun.

JENIS SEKOLAH				SEKOLAH KEBANGSAAN		SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C)	
Tahun				Bil. Murid Masuk Darjah I	Peratus Beza dari tahun dahulu	Bil. Murid Masuk Darjah I	Peratus Beza dari tahun dahulu
1975	184647	+7.4 %	85151	+1.0%
1976	177213	-4.0 %	826556	-2.9%
1977	177120	-0.05%	85248	+3.1%
1978	186222	+5.1 %	88418	+3.7%
1979	187351	+0.6 %	86138	-2.6%
1980	186317	-0.5 %	84221	-2.2%

UNIVERSITI KEENAM

50. Tuan V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau menimbang untuk menubuhkan sebuah universiti yang lain bersamaan dengan Universiti Malaya dan Universiti Sains Pulau Pinang bagi memenuhi keperluan penuntut-penuntut yang tidak boleh lagi memasuki Institusi-institusi pelajaran di United Kingdom dan lain-lain negara Eropah disebabkan kenaikan yuran sekolah yang melambung tinggi.

Dato' Musa Hitam: Kerajaan memang sedar di atas kesusahan yang dihadapi oleh penuntut-penuntut kita untuk memasuki Institusi Pelajaran Tinggi khususnya di United Kingdom disebabkan kenaikan yuran yang melambung tinggi. Untuk mengatasi perkara ini, saya telahpun berkali-kali menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini. Untuk membina sebuah lagi universiti yang bersamaan dengan Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya belum lagi dirasakan perlu disebabkan universiti-universiti yang sedia ada masih lagi dalam peringkat perkembangan dan pembangunan dan segala usaha lebih berkesan lagi sekiranya ditumpukan seratus peratus ke arah pencapaian matlamat ini.

DAKWAH DALAM ANGKATAN TENTERA

51. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar ada beberapa orang pegawai

tentera telah diminta meletakkan jawatan kerana terlibat dalam dakwah dan jika beliau sedar adakah perkara yang berlaku itu menunjukkan Kerajaan tidak menggalakkan dakwah dalam Angkatan Tentera.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Sehingga ke hari ini tidak seorangpun pegawai tentera yang telah diminta meletakkan jawatan kerana terlibat dalam dakwah.

SEKOLAH RENDAH CINA DI FELDA

Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mengkaji hendak membuka Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dalam Skim-skim FELDA.

Dato' Musa Hitam: Kementerian saya tidak ada rancangan untuk membina Sekolah-sekolah Rendah Aliran Bahasa Cina dalam Skim-skim FELDA.

STADIUM BERTARAF ANTARA-BANGSA

53. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa negara kita masih tidak mempunyai sebuah

stadium yang bertaraf antarabangsa kecuali dua buah stadium yang terdapat di Kuala Lumpur, dan jika ya, sama ada Kementerian beliau bercadang untuk membina sebuah stadium lagi di luar ibu kota; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Kementerian saya menyedari akan keadaan ini dan bercadang untuk membina sebuah Instituti Sukan Kebangsaan bertaraf antarabangsa dalam mana kemudahan-kemudahan yang serba lengkap akan diadakan. Tindakan sedang diambil mencari tapak yang sesuai baginya.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbang, dan apabila tamat Mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbang, dan apabila tamat Mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

Akta Pelajaran (Pindaan), 1980

3.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan:

Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) mengizinkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Akta Pelajaran (Pindaan) 1980, untuk meminda Akta Pelajaran 1961 untuk memperuntukkan:

- (i) pemansuhan Fasal 21 (2) Akta tersebut yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sebuah sekolah rendah kebangsaan;
- (ii) secara undang-undang bahawa di mana terdapat limabelas atau lebih murid-murid dalam sesebuah kelas atau darjah/tingkatan dalam sebuah sekolah rendah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan, di mana mereka adalah rakyat Malaysia keturunan China atau Tamil, maka murid-murid tersebut hendaklah diajar dalam bahasa ibunda untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga jam tiap-tiap minggu dalam tempoh masa belajar sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini bertujuan untuk memansuhkan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang berbunyi: (*Dengan izin*)

“Where at any time the Minister is satisfied that a National-type primary school may suitably be converted into a national primary school, he may by order direct that the school shall become a national primary school”.

Pada hari Selasa yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, telah dilaporkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi satu jaminan dalam satu mesyuarat yang diadakan dengan satu rombongan Pemuda MCA bahawa Sekolah-sekolah Rendah Cina tidak

akan ditukar kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan selagi ada permintaan bagi sekolah-sekolah tersebut. Adalah penting untuk memperhatikan bahawa jaminan yang dilaporkan itu tidak diumumkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tetapi kepada pihak akhbar ianya diumumkan oleh Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai, selepas mesyuarat tersebut. Apa yang lebih penting atau significant ialah kegagalan Ketua Pemuda MCA untuk menerangkan mengapa Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen yang lain daripada MCA, UMNO, GERAKAN, SUPP dan BERJASA tidak mahu memansuhkan Fasal 21 (2) supaya memberi makna kepada jaminan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa Sekolah-sekolah Cina tidak akan ditukarkan kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan selagi terdapat permintaan bagi sekolah-sekolah tersebut. Hakikat yang rakyat keturunan Cina yang setia itu ingin melaksanakan hak Perlembagaan mereka untuk memastikan anak-anak mereka menerima pendidikan bahasa ibunda bolehlah dibuktikan dengan mudahnya jika kita perhatikan tambahan phenomenal dari bilangan kemasukan murid-murid ke dalam Sekolah-sekolah Rendah Cina sepertimana angka-angka yang menunjukkan. Contohnya :

Tahun 1947	139,191
Tahun 1957	310,458
Tahun 1967	350,771
Tahun 1978	498,311

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini menunjukkan bahawa dalam tahun 1978 seramai di antara murid-murid keturunan Cina yang belajar di sekolah-sekolah Cina ialah 87.9% dan angka ini dalam tahun 1978 di antara murid-murid keturunan Cina yang belajar itulah satu angka yang besar dan sebagai bandingnya untuk murid-murid Tamil yang belajar di sekolah-sekolah di negara kita yang seramai 49.2%

Adalah tidak jelas apakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebenarnya bermaksud jika kita telah anggap laporan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar adalah benar apabila beliau memberi jaminan bahawa Sekolah-sekolah Rendah Cina tidak akan ditukar kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan selagi dia dapat permintaan baginya? Siapa yang akan menentukan sama ada terdapat permintaan untuk Sekolah-sekolah Rendah

Cina? Apakah ini akan ditentukan oleh rakyat Malaysia keturunan Cina sendiri atau oleh pihak MCA yang menuntut kononnya mereka yang mewakili orang-orang Cina ataupun yang akan ditentukan oleh Abang Besar (Big Brother)—UMNO. Jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini adalah tidak begitu meyakinkan apabila kita mengambil ingatan bahawa dalam tahun 1961 apabila terdapat permintaan yang begitu besar bagi Sekolah-sekolah Menengah Cina hakikat ini tidak menghalang Menteri-menteri dan Ahli-ahli daripada parti-parti pemerintah untuk menarik balik bantuan kewangan kepada Sekolah-sekolah Menengah Cina kecuali sekolah-sekolah tersebut menepati dan menukar kepada Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan.

Jaminan yang dilapor diberikan oleh Yang Berhormat Menteri boleh mempunyai satu makna bagi Yang Berhormat Menteri dan satu makna yang lain kepada pihak MCA tetapi ianya pun mempunyai satu makna yang lain kepada rakyat Malaysia keturunan Cina yang ingin melaksanakan hak Perlembagaan mereka untuk memastikan yang anak-anak mereka menerima pendidikan asas dalam bahasa ibunda serta juga mahukan sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil menjadi sebagai integral dan kekal dalam sistem Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1) ini bukan satu usul sendiri atau substantive motion. Jadi hanya diberikan perkara-perkara yang besar yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini kalau diterima oleh Dewan kelak. Janganlah panjang-panjang sangat, ini bukan usul biasa, ini usul di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sebab-sebab yang utama kenapa mesti ada pandangan-pandangan atas usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi itu sudah melarat sangat. Sila tumpukan kepada perkara-perkara yang besar sahaja. Kalau sebagai satu usul substantive, itu boleh. Baik, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya akan tumpukan kepada sebab-sebab yang besar terhadap masalah ini dan mengenai perkara ini yang ada kena-mengena dengan

perkara ini ialah Laporan Jawatankuasa Kabinet yang ada memberi satu perakuan bahawa memandangkan keadaan sekarang sekolah-sekolah Cina dan Tamil diteruskan. Tetapi inipun bererti bahawa peruntukan ini satu peruntukan yang transitional atau temporary oleh kerana kalau tidak, tidak payahlah satu peruntukan atau satu perakuan yang berbunyi begitu dan sebab itu ada menimbulkan keraguan mengenai perkara ini.

Saya rasa kalau pihak yang berkuasa sebenarnya jujur dalam perkara ini bahawa tidak akan ada apa-apa usaha untuk menutup atau menukar sekolah-sekolah Cina dan Tamil kepada sekolah kebangsaan; satu langkah yang baik ialah untuk memansuhkan peruntukan ini atau Fasal 21 (2) ini khasnya pada masa dahulu ada dikatakan bahawa tujuannya ialah untuk sekolah-sekolah Inggeris dan sekarang semua sekolah-sekolah Inggeris sudah ditukar. Kalau itulah tujuannya, inipun sudah menjadi redundant dan tidak ada apa-apa halangan untuk perkara ini dimansuhkan. Saya rasa ini sangat mustahak khasnya dalam negara kita supaya tidak ada apa-apa ikhtiar untuk menjalankan tujuan untuk menukar dan kalau itu akan menjahanamkan asas negara kita, dalam satu malam semua pun akan dihancurkan. Sebab itu dua points yang harus kita ingat ialah saya tidak mahu panjang lebar dalam perkara ini tetapi points yang saya mahu kemukakan ialah yang pertama, pemansuhan Fasal 21 (2) ialah mengikuti selaras dengan jaminan yang diadakan dalam Artikel 152 Perlembagaan, dan kedua pun selaras dengan tujuan dasar rakyat dalam perkara ini bahawa Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa pengantar yang utama dan bukan yang tunggal. Dan selama ini tidak dimansuhkan akan menjadi sebagai satu hangman's noose, the sword of Damocles terhadap sekolah-sekolah tersebut dan walaupun tidak dimansuhkan, yang akan berlaku ialah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, janganlah berbahas. Kalau di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1) ini baru minta izin hendak buat Rang Undang-undang, bukan Rang Undang-undang ini hendak dibahaskan. Jadi janganlah digunakan ini untuk berbahas, cuma highlight atau tunjukkan perkara yang besar sahaja sudahlah, janganlah diulang-ulang balik;

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu gunakan ini untuk berbahas tetapi untuk memberi hujah-hujah kenapa Dewan ini sepatutnya memberi izin supaya diikuti hujah-hujah dan selepas itu diserahkan kepada Dewan sama ada mahu memberi izin atau tidak mahu dan sebab itu bahagian yang akhir atau hujah yang terakhir ialah bahawa selama ada Fasal itu dalam Akta ini sikap pemerintah yang fikir bahawa peruntukan ini ialah transitional atau temporary tentulah akan berlaku neglect dan tidak adil dalam layanan kepada sekolah-sekolah Cina dan Tamil, sebab itu berlaku tidak cukup sekolah, tidak cukup guru-guru yang terlatih, tidak ada peruntukan yang begitu adil dan lain-lain masalah yang timbul.

Saya tidak mahu bincangkan satu persatu dengan sedalam-dalamnya atau semacam tidak ada program TV dalam bahasa Tamil dan Cina untuk murid-murid di sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Semua inipun timbul apabila tidak ada pemansuhan Fasal 21 (2) itu. Sebab itulah saya harap bahawa Dewan ini boleh dalam perkara ini atas kepentingan negara kita supaya pemansuhan ini boleh diadakan supaya satu perkara yang begitu menimbulkan pecah-belah boleh diketepikan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah cadangan saya bahawa ada penganjuran wajib bahasa Cina dan Tamil untuk murid-murid India dan Cina. Fasal 36 dalam Akta Pelajaran memperuntukkan bahawa di mana-mana terdapat 15 atau lebih orang murid yang menganuti agama Islam maka murid-murid itu hendaklah diberi ajaran dalam agama tersebut dan saya cadangkan di mana terdapat 15 atau lebih murid-murid keturunan Cina atau Tamil dalam sebuah kelas atau darjah dalam sebuah sekolah rendah atau menengah kebangsaan maka murid-murid itu hendaklah diberi ajaran dalam bahasa ibunda mereka untuk satu tempoh sekurang-kurangnya 3 jam setiap minggu dalam waktu belajar sekolah tersebut.

Saya dapati sekarang ada peruntukan di mana kalau ada permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 orang murid-murid, ada peruntukan untuk mengadakan seorang guru untuk mengajar bahasa Mandarin atau bahasa Tamil tetapi Yang Berhormat Menteri tentulah sedar bahawa program P.O.L. (Pupil's Own Language) sebenarnya satu

task yang besar dan sungguhpun Yang Berhormat Menteri oleh kerana ramai murid-murid yang mahu belajar bahasa ibunda dalam sekolah-sekolah yang tersebut tidak diberi peruntukan atau kemudahan. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada kata ikhtiar sedang dijalankan untuk menambahkan elaun untuk guru-guru bahasa P.O.L. tersebut dan ini saya mengalu-alukan tetapi masalah ini bukan sahaja satu masalah tambah elaun, oleh kerana dalam sekolah-sekolah tidak ada peruntukan di mana murid-murid atau pelajar-pelajar boleh mengikuti tahun demi tahun satu gred pelajaran bahasa itu dan ada juga berlaku dalam sekolah-sekolah murid-murid yang ada pengetahuan bahasa yang lebih tinggi daripada lain-lain murid-murid dalam kelas itu tidak ada peruntukan untuk belajar bahasa P.O.L., beliau boleh pergi menyertai murid-murid dua standard atas atau dua form atas supaya boleh mengikuti standard bahasa tersebut untuk meneruskan pelajaran ini.

Saya rasa apa yang sangat memuaskan hati untuk mengatasi masalah ini ialah dengan adanya peruntukan dalam Akta kita apabila ada 15 murid-murid dalam satu keturunan bahasa ibunda ini wajib diajar selain daripada ada permintaan atau ada kenyataan yang bertulis oleh ibubapa bagi pihak mereka bahawa mereka tidak mahu anak-anak mereka belajar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

3.50 ptg.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, tembelang Ketua Pembangkang selaku anggota DAP menggunakan pelajaran sebagai isu politik, pecah sekali lagi bila dia menggunakan beberapa kali menyebut nama dan Parti MCA, barangkali oleh sebab saya telah berjumpa dengan anggota-anggota pemuda MCA, Parti DAP rasa tertinggal, takut-takut orang Cina akan menerima credibility MCA lebih daripada DAP, hilanglah hidup DAP dalam dunia ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya memberi sedikit penjelasan terhadap pindaan pertama yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu. Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk

menukar sebarang sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sebuah sekolah rendah kebangsaan sekiranya Menteri Pelajaran berpuas hati yang penukaran ini sesuai iaitu sebagaimana dibaca oleh Yang Berhormat dalam bahasa Inggeris "where at any time the Minister is satisfied", saya menggunakan perkataannya. Dengan lain perkataan, Menteri Pelajaran tidaklah boleh mengarahkan penukaran ini dengan sesuka hati tanpa sebab-sebab yang menasabah.

Sejak tahun 1961 Menteri Pelajaran tidak pernah menggunakan kuasa tersebut untuk menukar mana-mana sekolah rendah jenis kebangsaan ke sekolah rendah kebangsaan kecuali di atas permintaan dari sekolah sendiri. Yang ditukar hanyalah sekolah jenis kebangsaan Inggeris. Tindakan ini adalah menasabah dan sesuai kerana pada masa itu bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar tidaklah lagi sesuai dan secukupnya dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Sungguhpun demikian, pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua adalah dikekalkan dan diberi galakan. Penukaran ini telah dijalankan secara berperingkat-peringkat dengan lancarnya tanpa menimbulkan apa-apa masalah kepada sistem pendidikan keseluruhannya. Akta Pelajaran 1961 telah memberi kemudahan kepada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan untuk terus kekal dengan menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar Akta Pelajaran 1961 itu sendiri. Kedua-dua bahasa ini adalah bahasa ibunda sebilangan rakyat negeri ini dan Kerajaan tidak ada hasrat untuk mengubah keadaan ini.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada permintaan khas dibuat untuk menukarkan sekolah rendah jenis kebangsaan ke sekolah kebangsaan, Kementerian saya akan membuat kajian dan sekiranya didapati perlu dan sesuai barulah penukaran ini dilaksanakan mengikut Fasal 21 (2) ini. Oleh itu, saya tidak nampak bagaimana perlunya Fasal 21 (2) ini dimansuhkan.

Sayugia diingatkan bahawa Jawatankuasa Kabinet telah meneliti segala aspek atas perkara ini dan memperakukan supaya sistem persekolahan di peringkat rendah yang sedia ada diteruskan. Perakuan ini seperti disebut oleh Yang Berhormat itu sendiri merupakan perakuan yang pertama di dalam senarai perakuan yang dibuat di

dalam Laporan Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bersetuju Fasal 21 (2) ini dimansuhkan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan pindaan yang kedua iaitu berkaitan dengan pengajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah, di sini izinkan saya membuat sedikit lagi penjelasan. Kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil telahpun ada diberi di dalam Akta Pelajaran 1961 di bawah peraturan kursus-kursus pengajian 1956 di mana masa yang minima yang diberikan ialah 120 minit seminggu. Sungguhpun demikian, Guru Besar atas kebijaksanaannya boleh menambah masa yang dibenarkan itu. Kemudahan tersebut akan diadakan sekiranya ada permintaan daripada ibu bapa dari sekurang-kurangnya limabelas orang murid. Permintaan ini mestilah datangnya daripada ibu bapa sendiri. Mereka adalah bebas membuat pilihan sama ada mahu bahasa ibunda atau sebaliknya.

Cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu melibatkan dua perkara iaitu satu murid-murid hendaklah diajar dalam bahasa ibunda. Ini memberi pengertian bahawa mereka dimestikan dan dipaksa mempelajari bahasa ibunda dan kedua tambahan masa minima kepada 180 minit.

Dari cadangan tersebut jelaslah Yang Berhormat tersebut berkehendak digunakan paksaan kepada murid-murid mempelajari bahasa ibunda. Kementerian saya berpendapat tidak seorangpun harus dipaksa mempelajari bahasa ibunda mereka jika mereka memikirkkan tidak perlu mempelajarinya di sekolah. Ibu bapa dan murid-murid hendaklah diberi kebebasan memilih kerana mungkin mereka lebih cenderung untuk mempelajari bahasa lain dan bukan bahasa ibunda.

Akta 1961 memberi pilihan tersebut kepada ibu bapa murid-murid berkenaan. Mengenai penambahan masa minima untuk bahasa ibunda dari 120 minit kepada 180 minit seperti yang telah saya maklumkan tadi perkara ini terpulang kepada kebijaksanaan Guru Besar berkenaan. Juga ingin saya tegaskan di sini peruntukan masa ini adalah selaras dengan peruntukan masa yang diberi kepada atau untuk pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah yang mempunyai

murid-murid dari berbilang kaum. Penambahan peruntukan masa yang lebih akan melibatkan pengurangan masa bagi mata-mata pelajaran lain. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada keadaan sekolah berkenaan dan jadual waktu yang telah ditetapkan oleh Guru Besar masing-masing. Saya rasa Guru Besar boleh menggunakan kebijaksanaannya dan sekiranya dirasakan perlu menambah masa tersebut Akta 1961 tidak menghalang dan peraturan-peraturan boleh dibuat bila keadaan ini timbul. Kementerian saya sama sekali tidak bersetuju perkara ini dibuat secara undang-undang seperti yang diusulkan oleh Yang Berhormat dari Petaling itu.

Akhir sekali, untuk mengelakkan salah faham, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyebutkan angka bagaimana ramainya pelajar-pelajar di sekolah rendah Cina pada keseluruhannya di dalam negara kita ini. Untuk mengelakkan salah faham saya suka menurunkan angka yang ada di dalam tangan saya yang sebenarnya telah saya buat dan saya gubal setelah saya membuat perediaan untuk menjawab soalan 49 hari ini yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Suka saya menurunkan angka sebenar yang didapati oleh Kementerian Pelajaran dari segi kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Yang perlu saya ingatkan di sini ialah yang pertama bahawa angka yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah angka berapa ramai pelajar-pelajar yang ada di sekolah rendah Cina. Yang perlu diambil kira apabila kita hendak menentukan keadaan di sekolah-sekolah Cina pada pendapat saya ialah angka berapa ramai tiap-tiap tahun murid-murid yang berumur rendah masuk ke darjah satu di sekolah jenis kebangsaan Cina. Ini sangat perlu diberi satu gambaran yang jelas.

Pada tahun 1975 bilangan murid masuk ke darjah satu bagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina ialah sebanyak 85,151 orang iaitu tambahan sebanyak 1% daripada tahun 1974; bagi tahun 1976 seramai 82,065 orang yang telah masuk ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina iaitu angka yang turun kurang 2.9%. Pada tahun 1980 ini seramai 84,221 orang sahaja murid masuk ke darjah satu di sekolah Cina yang memberi gambaran sebenar berbeza dari tahun lepas, tahun 1979 iaitu kekurangan sebanyak 2.2%. Angka ini

saya fikir perlu saya berikan oleh sebab takut salah gambaran diberikan seolah-olah semakin lama semakin bertambah, tetapi angka yang ada di dalam tangan saya menunjukkan sebenarnya lebih kurang daripada bertambah tiap-tiap tahun dari segi kemasukan pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut ke darjah satu sekolah Cina.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan jawapan saya sebagai hujah menentang atau tidak bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan usul di bawah ini:

Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) mengizinkan Y.B. Lim Kit Siang mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Akta Pelajaran (Pindaan) 1980 untuk meminda Akta Pelajaran 1961 untuk memperuntukkan:

- (i) pemansuhan Fasal 21 (2) Akta tersebut yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sebuah sekolah rendah kebangsaan;
- (ii) secara undang-undang bahawa di mana terdapat limabelas atau lebih murid-murid dalam sesebuah kelas atau darjah/tingkatan dalam sebuah sekolah rendah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan, di mana mereka adalah rakyat Malaysia keturunan China atau Tamil, maka murid-murid tersebut hendaklah diajar dalam bahasa ibunda untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga jam tiap-tiap minggu dalam tempoh masa belajar sekolah tersebut.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb Jun 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan atas Rang Undang-undang DR. 19/80 yakni undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kerja, 1955" sekarang disambung untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.02 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Rang Undang-undang Ordinan Kerja (Pindaan) 1980 semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat berkata bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah "Kemajuan progresif dalam taraf pekerja dan pengenalan undang-undang sosial di Malaysia" (progressive advance).

Tuan Yang di-Pertua, tindakan memuji sendiri beliau itu adalah terlalu lebih dan tidak kena mengena dengan fakta-fakta. Walaupun saya bersetuju dan juga mengalu-alukan beberapa kemajuan dalam peruntukan-peruntukan Ordinan Kerja, seperti cadangan untuk menyertakan bonus sebagai sebahagian daripada gaji, perlanjutan tempoh notis dalam menghentikan perkhidmatan, tiga kali ganda gaji bagi kerja lebih masa pada hari-hari rihat, penambahan cuti awam bergaji dari 7 hari ke 10 hari dalam setahun, penambahan empat hari lagi sebagai cuti sakit bergaji bagi mereka yang telah berkhidmat lebih daripada dua tahun tetapi kurang daripada 5 tahun, penambahan lapan hari lagi sebagai cuti sakit bergaji bagi mereka yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun, penambahan cuti tahunan bergaji, dan lain-lain, ini adalah antaranya nominal sahaja dan dalam kebanyakan kes, pindaan-pindaan ini tidak memenuhi tuntutan-tuntutan kami dalam DAP telah buat dalam dan di luar Dewan ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebab itu sungguhpun kita mengalu-alu improvements dalam beberapa peruntukan-peruntukan janganlah kita fikir bahawa ini adalah satu major break-through dalam perundangan (legislation) mengenai buruh. Pekerja-pekerja mungkin hendaklah terima kasih bagi "the little mercies" pihak Kerajaan sekarang beri kepada mereka walaupun pindaan-pindaan ini jelas tidak justify tuntutan dakwaan Yang Berhormat Timbalan

Menteri semalam bahawa kemajuan progressive dalam taraf pekerja dan perundangan undang-undang sosial telah dicapai.

Semalam Timbalan Menteri dalam ucapannya telah berkata bahawa dengan adanya pindaan kepada Fasal 2 (1) (g) Rang Undang-undang itu di mana bonus dianggap sebagai upahan, adalah menjadi wajib bagi majikan-majikan untuk memasukkan elemen bonus tahun contractual apabila mereka mengira "ordinary rate of pay" bagi pekerja-pekerja mereka bagi tujuan mengira elaun bersalin, cuti bergaji tahunan, bayaran kerja lebih-masa, gaji cuti am dan bayaran kerana bekerja pada hari-hari rihat yang akan menambahkan quantum bayaran-bayaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam ada berkata bahawa tujuan Ordinan Kerja dan pindaan-pindaan yang di hadapan kita ialah untuk melindungi hak-hak dan kepentingan-kepentingan 2½ juta pekerja-pekerja yang tidak diunionised, yang tidak akan menikmati faedah-faedah daripada lebihkurang 500 collective agreements yang ada ditandatangani dalam negara kita. Tetapi nampaknya peruntukan mengenai bonus ini tidak akan memberi faedah ataupun menguntungkan 2½ juta rakyat pekerja-pekerja, oleh kerana mereka tidak ada bonus. Mereka tidak diunionised dan tidak boleh menuntut dan mendapat bonus dan sebab itu saya rasa ini adalah satu kelemahan yang patutlah diperbaiki. Sebab itu saya cadang bahawa pihak Kerajaan mengadakan undang-undang untuk membuat peruntukan bahawa bayaran bonus jadi wajib (mandatory) dan kadarnya sekurang-kurangnya satu bulan gaji supaya bahawa 2½ juta rakyat pekerja-pekerja boleh dapat keuntungan daripada pindaan yang saya baru sebut.

Pada masa sekarang bayaran bonus ialah di dalam budibicara (discretionary) majikan dan saya takut dan khuatir dengan pindaan ini sama ada majikan yang ada beri bonus oleh kerana sekarang mahu kira sebagai gaji (wage) akan tarik balik bonus. Kalau ini berlaku apakah tindakan pihak Kementerian akan buat untuk melindungi dan mempertahankan pekerja-pekerja? Janganlah berlaku sekarang ada bonus dan dengan pindaan ini akhirnya pekerja-pekerja bukan sahaja tidak boleh mendapat faedahnya daripada pindaan ini bonus pun hilang. Mungkin kalau mahu

mencegah perkara semacam ini berlaku, lagi satu pindaan dikehendaki bahawa pekerja-pekerja yang sekarang menikmati bayaran bonus ini ialah jadi tetap, tidak boleh dikurang supaya tidak akan berlaku usaha bagi pihak majikan untuk lari daripada tanggungjawab atau consequence pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau ada legislation yang memperuntukkan bonus adalah wajib (mandatory) untuk kepentingan pekerja-pekerja ini akan menjadi satu sumbangan yang sangat bererti untuk menaikkan taraf hidup pekerja-pekerja, khususnya mereka yang tidak diunionised dan tidak ada kuasa (industrial power) yang mereka dalam Kesatuan-kesatuan Sekerja ada. Tuan Yang di-Pertua, ini pun menentukan bahawa mereka boleh dapat satu living wage. Di sini saya dapati bahawa cara untuk meminda definisi "wages" untuk memasukkan "bonus" sebagai satu elemen dalam wages ini adalah sedikit luar biasa (strange). Definisi "wages" dalam Seksyen 2 dalam principal Ordinance ialah it is defined to mean "all remuneration which is payable to a labourer for work done in respect of his contract of service."

Dan lepas itu satu senarai yang dikecualikan (except) (a), (b), (c) dan (d). Sekarang masuk satu bahagian yang baharu iaitu:

"(f) any annual bonus or any part of any annual bonus which is not payable under the contract of service,"

Adakah ini bererti bahawa dalam pandangan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada satu jenis bonus yang bukan dalam definisi atau lingkungan contract of service iaitu ada dua jenis bonus, satu jenis bonus daripada contract of service kira dalam wages. Tetapi ada satu lagi jenis bonus bukan dalam contract of service tidak kira dalam definisi ini dikecualikan dikira sebagai wages. Kalau bonus dan discretionary yang bukan dianggap sebagai contract of service, tidak tahulah majikan boleh kata semua bonus dan discretionary bukan dalam contract of service. Saya mahu beri atau saya tidak mahu beripun boleh, bagaimana hendak dimasukkan dalam wages. Saya tidak tahu mengapa tidak ada satu definisi yang lebih direct bahawa wages include bonus fullstop, instead of the other way round, wages tidak masuk annual bonus yang bukan dibayar daripada contract of service. Inilah yang saya rasa sedikit keliru dan takut akan

menimbulkan masalah-masalah yang akan merumitkan pekerja-pekerja yang mahu menuntut hak-hak yang sebenarnya mereka mahu menikmati daripada pindaan-pindaan ini, kalau ini berlaku pindaan ini akan menjadi sia-sia—it defeats the very purpose pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, clause 6 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menambah tempoh notis berhenti perkhidmatan oleh dua-dua pihak di mana tidak ada peruntukan yang specific dalam kontrak-kontrak perkhidmatan (contract of service) di mana sekarang mereka yang berkhidmat kurang daripada 2 tahun tempoh termination of notice akan menjadi empat minggu dibandingkan dengan yang ada sekarang atau akan dipindahkan kepada satu minggu. Untuk mereka yang berkhidmat dua hingga lima tahun akan menjadi enam minggu dibandingkan dengan yang ada sekarang dua minggu dan untuk mereka yang lebih daripada lima tahun period of notice of termination sekarang ialah menjadi dua bulan atau lapan minggu apabila dibandingkan dengan yang ada sekarang ialah satu bulan atau empat minggu. Ini satu improvement. Tadi saya telah katakan ini adalah satu improvement dan kita mengalu-alukan sungguhpun inadequate atau tidak mencukupi. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berfikir bahawa keadaan kedua-dua pihak—majikan dan pekerja ada yang berlaku inequality atau ketidakadilan dalam bargaining strength dua-dua pihak, hak mereka, kepentingan mereka. Saya rasa ini tidak boleh disamakan. Apa yang saya advocate atau mencadangkan ialah tempoh notis untuk termination of service bagi pihak majikan mahu memberhentikan pekerja mestilah lebih panjang daripada period of notice yang pekerja mesti beri kepada employer untuk berhenti kerja. Ini bukan menjadi satu principle yang baharu di dunia ini, ada negara-negara lain yang mempraktikkan atau menjalankan prinsip ini.

Dalam perbahasan Parlimen tahun 1976 apabila saya telah cuba membentangkan satu Rang Undang-undang persendirian di masa itu bernama Employment Ordinance. Dalam perbahasan hendak meminda ordinan 1976, saya telah mencadangkan bahawa apa yang sepatutnya ialah untuk pekerja yang kurang daripada dua tahun kalau majikan mahu memberhentikan mereka beri satu bulan notis. Untuk mereka berkhidmat dua tahun hingga

ke lima tahun majikan haruslah beri dua bulan notis dan lebih daripada lima tahun harus diberi tiga bulan. Apa yang dicadangkan di dalam pindaan ini adalah empat minggu, enam minggu dan lapan minggu untuk tiga kategori itu adalah untuk tempoh pekerja yang mahu terminate supaya mendapat adil.

Dalam bulan Julai 1976, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyeru di dalam Dewan ini apabila saya mencuba mengemukakan satu Rang Undang-undang persendirian yang bernama Employment (Unfair Dismissal) Bill 1976 bahawa kita mesti menerima satu konsep yang baharu iaitu legislate atau mengadakan guaranteed security of job tenure untuk pekerja-pekerja dan sangat-sangat tidak adil kepada seorang yang bekerja selama 15 tahun, 20 tahun tidak ada kesalahan, tidak ada misconduct atau incompetence majikan boleh menggunakan seksyen 20 dengan pindaan yang baharu ini pun diberi dua bulan notis. Saya rasa tidak adil dan kita tidak boleh membiarkan tetapi malangnya sehingga sekarang pihak Kerajaan belum mahu menerima konsep security of job tenure untuk pekerja-pekerja. Kalau pihak Kerajaan menerima konsep ini baharulah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kata bahawa pindaan-pindaan yang ada di hadapan kita ialah progressive advances dalam bidang buruh dan social legislation. Saya rasa ini sangat mustahak oleh kerana pihak majikan mahu certainty apabila merancang production bahawa tidak ada berlaku interruption. Sebaliknya, pekerjaan ada hak dan ada interest yang sama, mereka boleh plan kehidupan mereka tanpa ada interruption. Saya rasa itu prinsip yang sangat mustahak, tanpa itu kita tidak boleh kata ada konsep yang baharu bahawa kita sudah membuat progressive advances. Di sini saya menyeru pihak Kerajaan supaya memberi perhatian yang serius terhadap cadangan ini, khasnya untuk pekerja-pekerja yang tidak unionised; mereka yang dalam kesatuan mereka kuat, mereka ada kuasa tetapi untuk dua setengah juta pekerja-pekerja mereka tidak akan dapat faedah.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada peruntukan untuk bayaran termination, bayaran lay-off, bayaran retirement kalau adapun tidak akan menguntungkan lagi satu bulan, dua bulan tetapi tidak ada kerja.

Rang Undang-undang ini dalam Fasal 29 mengadakan satu bahagian baharu iaitu XIIIa mengenai termination, lay-off dan retirement benefits untuk pekerja-pekerja.

Di dalam tahun 1976, bulan Julai, saya telah membantah dengan sekeras-kerasnya dalam Dewan ini apabila masa itu Rang Undang-undang Kerja dipinda dan apa yang berlaku ialah masa itu seksyen 60G dan seksyen 60H yang memberi hak pekerja mengadakan bayaran retrenchment dan bayaran retirement ditarik balik atau dilucutkan dan masa itu gantinya ialah diberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan untuk menentukan perkara ini. Masa itu Yang Berhormat Menteri Buruh ialah Dato Lee San Choon, sekarang di Kementerian lain, telah menjawab bahawa dalam pindaan tahun 1976 Kerajaan tidak tarik balik hak pekerja yang sedang ada. Tetapi apa yang berlaku; apa yang kita bantah itu sekarang menunjukkan ada asas.

Pada tahun 1976, seksi hak-hak pekerja untuk mengadakan bayaran retrenchment dan retirement benefits ditarik balik, supaya digantikan dengan peraturan yang baru tetapi sehingga hari ini, 4 tahun sudah lepas, peraturan belum digazetkan. Saya dapat tahu dalam perkara ini ada satu peraturan baru yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dinamakan, kalau saya tidak silap, Employment (Termination and Lay-off Benefits) Regulations, 1980 akan digazet dan akan dikuatkuasakan sama dengan penguatkuasaan Rang Undang-undang ini, tetapi 4 tahun sudah berjalan dan dalam 4 tahun ini banyak pekerja-pekerja yang tidak menikmati hak-hak ini. Inilah satu kecauan pihak Kerajaan. Tetapi sungguhpun ada regulation now untuk termination dan lay-off tetapi mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri belum ada regulations untuk retirement, dia kata mahu fikir lagi, mahu timbang lagi. Dahulu ada Fasal 60H, sekarang 4 tahun lepas belum lagi ada regulations, tak tahulah. Kalau mengikut kadar productivity Kementerian Buruh mungkin kita mesti tunggu sampai dekad 90an sebelum Retirement Benefit Regulations disediakan tetapi pekerja yang bersara tidak dapat apa-apa faedah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Employment Termination and Lay-off Benefits) Regulations, 1980 yang akan digazetkan yang akan mengikut Yang Berhormat Timbalan

Menteri memberi bayaran termination dan lay-off kepada pekerja-pekerja bila perkhidmatan mereka ditamatkan (terminated) selain daripada atas sebab misconduct, persaraan atau penghabisan perkhidmatan kontrak yang ada tempoh yang tetap atau voluntary resignation dan bayaran ialah minima 10 hari gaji untuk setiap tahun kerja untuk mereka yang bekerja kurang dari 2 tahun, 15 hari gaji untuk mereka dengan 5 tahun perkhidmatan dan untuk mereka yang lebih daripada 5 tahun minima 20 hari gaji untuk setiap tahun bekerja.

Saya ada dua komen atas Regulations ini. Yang pertama, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila mempertahankan, mungkinlah secara tidak langsung mahu mempertahankan kenapa hampir begitu lama, 4 tahun barulah Regulations ini sudah siap, ada kata bahawa pihak Kementerian ada dengan teliti kaji undang-undang dan procedures di lain negara atas perkara ini dan kesan-kesan dan masalah-masalah yang dihadapi dalam segi pelaksanaan undang-undang semacam ini. Kalau begitu tentulah pihak Kementerian yang menggubal peruntukan-peruntukan ini boleh kata mereka sudah jadi pakar dalam bidang ini, tetapi saya rasa sangat terperanjat bahawa tidak ada peruntukan semacamnya termination termasuk "constructive termination", bukan sahaja majikan terminate pekerja, tetapi ada satu jenis termination ialah apa yang dikenali sebagai "constructive termination", bererti ialah bukan majikan ada terang-terang terminate perkhidmatan pekerja tetapi majikan ada mewujudkan satu keadaan di mana tak reasonable, tak tolerable untuk pekerja terus pergi kerja lagi dan dia berhenti, bukan dia mahu voluntarily resign tetapi ini satu paksaan dan ini dikenali sebagai constructive termination. Tidak ada definasi ini dalam peraturan-peraturan, mungkin kalau mahu establish ini, mahu litigation yang sangat panjang tetapi sudah 4 tahun sudah kaji ini. Saya harap bolehlah satu pindaan kepada Regulations ini sebelum itu digazetkan termasuk constructive termination supaya terang terus perkara ini termasuk dalam lingkungan peraturan itu.

Kedua, mengenai perkara ini bahawa kadar bayaran terlalu rendah sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri akan kata inilah langkah pertama, boleh ditambah lagi tetapi sebenarnya bukan langkah pertama. Dalam tahun 1976 dan sebelum itu

ada hak ini dan Industrial Court ada satu kes di mana ada menentukan satu bulan atau satu setengah bulan setiap tahun employment, sekarang berapa hari? 10 hari, 15 hari, 20 hari, ini going backwards, Tuan Yang di-Pertua, dan bukan untuk menguntungkan faedah pekerja-pekerja dia quantum ini perlulah diubahkan supaya mereka yang tidak cukup 2 tahun boleh dapat untuk setiap tahun 2 minggu gaji dan untuk 2 tahun ke 5 tahun boleh dapat 4 minggu gaji dan untuk mereka yang ada 5 tahun yang lebih boleh dapat untuk setiap tahun bekerja 8 minggu gaji.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya mahu timbulkan ialah mengenai contract labour. Tahun 1976 apabila Ordinan Pekerja ini dipinda ada satu Seksi baru 2A yang membolehkan Menteri Buruh, *dengan izin*, saya quote sebahagian daripada Rang Undang-undang itu:

“to prohibit by order the employment, engagement or contracting of any person or class of persons to carry out work in any occupation in any agricultural or industrial undertaking, constructional work, statutory body, local government authority, trade, business or place of work other than under a contract of service entered into with the owner or principal of such undertaking, constructional work, trade, business or place of work, or with a statutory body or local government authority.”

Tujuan ini ialah apabila ada membuat satu order “all persons or classes of persons specified in the order would become employer and employees for the purposes of the Employment Ordinance and other written law” untuk memperhentikan the practice of contract labour system.

Dalam sidang Dewan dahulu banyak kali saya ada sebut mengenai abuses daripada sistem contract labour, penindasan (exploitation) terhadap pekerja-pekerja yang berlaku oleh kerana pekerja-pekerja yang dalam sistem contract labour tidak boleh dapat perhitungan Ordinan Kerja, tidak boleh dapat EPF, overtime, medical benefits dan lain-lain fringe benefits, tidak boleh dapat security of employment, notice, tidak boleh dapat semua faedah. Sebab itu ada penindasan (exploitation) yang sangat-sangat dahsyat dan saya ada menyeru, ada mendesak bahawa mesti ada satu undang-undang untuk mencegah abuses of the contract labour system dan

selepas itu ada Seksyen 2A dalam tahun 1976, pindaan kepada Ordinan Pekerja dan masa itu Kerajaan kata sekarang kita ada senjata yang kuat untuk jaga kepentingan contract labour, boleh prohibit, sekarang ada kuasa order prohibit tidak boleh lagi, pun ada order exempt sendiri tetapi itu ada kuasa.

Dalam pengetahuan saya sehingga hari ini, kalau silap haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan nanti, dalam pengetahuan saya sampai hari ini Yang Berhormat Menteri tidak pernah mengeluarkan satu order untuk prohibit contract labour, kalau ada berapa order sudah dikeluarkan?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Ahli Yang Berhormat mengelirukan Dewan ini lebih lagi atas beberapa perkara yang saya boleh jawab nanti, tetapi untuk mengelakkan kekeliruan yang lebih lanjut lagi oleh Ahli Yang Berhormat, beliau pun saya ingat ada dalam Dewan ini pada masa saya menjawab satu soalan Ahli Yang Berhormat dari Matang mengenai soal contract labour ini dan saya telah mengatakan bahawa satu order mengenai pekerja-pekerja kontrak dalam bidang sawmill, plywood, veneer dan moulding itu sudah pun siap dan akan dikuatkuasakan sebaik sahaja kita dapat kelulusan daripada Peguam Negara. Jadi adalah tidak patut jika Ahli Yang Berhormat itu menggunakan masa dan peluang ini untuk menghujjah seperti yang telah dibuatkan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang beliau kata confirm apa saya kata. Belum ada satu order yang dikeluarkan untuk mencegah (prohibit) pekerja-pekerja kontrak dan bukan sahaja sawmill, ladang-ladang getah dan lain-lain lagi. Adakah Kementerian Buruh ini tidur, tidak mahu masalah-masalah, kesusahan-kesusahan, penderitaan-penderitaan pekerja-pekerja. Kuasa diberi pada tahun 1976 sekarang tahun 1980. Oh! akan siap, akan dikuatkuasakan. Itulah satu kecuaiannya yang menunjukkan bahawa Kerajaan atau pihak Kementerian memberi lip service sahaja kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh contract labour.

Masalah yang rumit sekali estet-estet dan saya sedar Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu masalah ini, lebih berpengalaman dalam masalah ini tetapi nampaknya

tidak ada apa-apa tindakan diambil. Saya boleh beri jalan lagi, kalau ada. Adakah satu order mencegah dalam estet—tidak ada. Saya rasa ini mesti dikecam, dikutuk dengan sekeras-kerasnya oleh kerana tidak guna kuasa diluluskan, kalau tidak digunakan.

Dalam bidang antarabangsa seperti ILO boleh tunjukkan: ya, kita ada kuasa legislative, contract labour, tetapi tidak digunakan. Saya rasa ini tidak boleh dibenarkan dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya tahu lebih faham, lebih sedar kesusahan-kesusahan pekerja-pekerja dalam sistem kontrak bolehlah memberi keterangan kenapa sehingga sekarang barulah satu order akan datang tetapi lain bidang tidak ada apa-apa perkembangan. Kenapa contract labour, pekerja-pekerja kontrak berupa untouchable di negara kita, di tanahair kita. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah mengambil tindakan berusaha bahawa kita boleh mengatakan legislative text kita sudah ada, usaha-usaha administrative supaya kita boleh bertukar untouchable dalam market buruh di negara kita, contract labour sebagai hari-hari semacam Gandhijee ada kutuk labour kepada memperbaiki kedudukan Harijans.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.33 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) yang pada anggapan saya keseluruhannya memberi kebaikan kepada pekerja-pekerja. Ini membuktikan yang Kerajaan sentiasa membuka mata untuk melihat rakyatnya bukan sahaja untuk faedah majikan dan pelaburan negara tetapi ialah untuk kepentingan pekerja-pekerja dan rakyat negara ini.

Walaupun kita telah mendengar tuduhan-tuduhan daripada pihak Pembangkang yang kita tahu selama ini Pembangkang ini hanya bertanggungjawab untuk bercakap dan membangkang, tetapi tanggungjawab di pihak Kerajaan ialah melaksanakannya adalah lebih berat daripada bercakap dan melepaskan kata-kata di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya berharap pihak Kerajaan atau pihak Menteri tidak semudah mendengar kata-kata dan juga cabaran-cabaran yang diberi itu kerana cabaran itu adalah merupakan cabaran publisiti atau mengeluarkan kata-kata yang hanya untuk melapangkan dada untuk memuaskan perasaannya sahaja, tidak lebih dari itu. Oleh itu, saya berharap pihak Menteri tidak akan mendengar tuduhan-tuduhan itu sebagai satu perkara yang besar yang saya anggap perbincangan di dalam Dewan ini sangat rendah mutunya. Kalau kita bandingkan apa yang kita bentangkan sekarang ini dengan hujah yang diberi oleh seorang Ketua Pembangkang adalah sangat rendah mutu dan taraf Dewan yang mulia ini bagi berbincang hanya untuk memberi cabaran-cabaran bukan untuk memberi sesuatu yang boleh membina dan yang baik.

Misalnya, kalau pihak Menteri mengatakan yang pihak kita telahpun bercadang untuk mengadakan itu: "Bila? Bila?" ditanya macam berbual di kedai kopi dan bukan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya jelas sekali Kerajaan kita sentiasa mengutamakan rakyat dan menjagakan kepentingan orang ramai terutama pekerja dan kaum tani yang menjadi urat saraf ataupun nadi pembangunan dan juga kejayaan negara ini.

Kalau beberapa bulan yang lepas kaum tani dan nelayan menerima berbagai subsidi dari Kerajaan, nah! sekarang ini kenaikan gaji, kita telah berikan kepada pekerja-pekerja dan kakitangan-kakitangan dengan hasrat pentadbiran dan pelaksanaan pembangunan negara ini akan berjalan lancar dan harapan Kerajaan mendapat dedikasi daripada pekerja adalah penting bagi mencapai matlamat Kerajaan khasnya matlamat Dasar Ekonomi Baru yang akan memberi keselesaan dan kebahagiaan kepada seluruh rakyat terutama rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) yang ada di hadapan kita ini terang-terang Kerajaan telah membela dan memberi kedudukan yang sewajarnya kepada pekerja-pekerja. Titek berat Kerajaan meminda Ordinan Kerja, 1955 ini yang akan memberi kesempurnaan kepada pekerja, maka nyata sekali dakwaan Pembangkang terutama DAP yang mengatakan Kerajaan

menindas dan merampas hak-hak pekerja semasa membahaskan pindaan Undang-undang Buruh dan Trade Union pada sidang yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini hendaknya teranglah segala kegelapan yang ada di pihak Pembangkang. Janganlah kegelapan itu sampai ke hati perut tanpa boleh berfikir yang mana baik, yang mana buruk. Fikiran yang sentiasa bersifat negatif oleh Pembangkang terhadap sebarang usaha kebaikan Kerajaan untuk rakyat dan negara tidak akan boleh membantu dan mempercepatkan pembangunan dan pembinaan negara kita yang sedang membangun ini, tetapi sebaliknya akan melemah dan akan menghancurkan hasrat serta cita-cita rakyat selama ini yang terkandung di dalam matlamat cita-cita Kerajaan Barisan Nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Pembangkang telah menyuarakan tentang buruh-buruh kontrak ini tetapi saya berharap suara yang disuarakan daripada Ketua Pembangkang itu adalah dianggapkan sepi kerana mereka hanya menyebutkan sesuatu itu dengan tuduhan-tuduhan dan cabaran-cabaran yang tidak lebih daripada itu. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini, di dalam Ordinan Kerja, 1955 ini ia memberi kedudukan yang lebih baik kepada pekerja ini yang saya tidak tahu sama ada undang-undang ini meliputi pekerja-pekerja atau buruh-buruh kontrak yang dijalankan di kilang-kilang.

Misalnya, pekerja-pekerja buruh kontrak di dalam perindustrian kayu-kayan yang mempunyai lebih daripada 70,000 orang pekerja di seluruh Semenanjung ini. Walaupun jawapan telah diberi oleh pihak Timbalan Menteri tentang buruh itu, tetapi biarlah saya menitik-beratkan lagi perkara ini untuk menyatakan hasrat daripada golongan ini.

Kita dapati di dalam golongan ini sebanyak 30,000 terlibat di dalam perusahaan pembalakan dan kilang papan dan 40,000 lagi terlibat dalam usaha memproses kayu dan juga perabut dan sebanyak lebih kurang 700 kilang yang ada di dalam negara kita ini keseluruhan pekerjaanya datang daripada luar bandar dan juga di pinggir bandar yang tidak berpelajaran tinggi yang mudah ditindas oleh majikan yang bekerja sebagai buruh kontrak di dalam kilang-kilang seperti itu. Mereka

ini bekerja sebagai buruh kontrak yang biasanya bergaji hari dan bulanan yang tidak tetap. Mereka ini diambil bekerja tanpa mempunyai kontrak perkhidmatan kerana perkhidmatan mereka berdasarkan kontrak untuk bekerja. Dengan perkataan lain, sebagaimana yang didakwa oleh setengah orang "Ada kerja ada gaji".

Sekiranya pekerja itu tidak memenuhi masa bekerja sepertimana yang telah ditentukan atas sebab-sebab kekurangan bahan mentah atau lain-lain sebab yang tak dapat dielakkan, mereka hanya akan dibayar mengikut jam atau waktu bekerja sahaja dan mereka ini boleh diberhentikan pada bila-bila masa tanpa sebarang sebab atau notis yang diberi. Pekerja ini adalah dianggap sebagai pekerja bebas dan tidak mempunyai majikan yang tetap atau majikan yang tertentu. Dengan itu pekerja-pekerja ini sudah tentu tidak dianggap sebagai seorang pekerja di dalam ertikata mengikut peruntukan Ordinan Kerja yang kita bincangkan ini. Dengan ini juga pekerja ini bukan sahaja menerima gaji dan bayaran yang rendah tetapi mereka ini dinafikan daripada segala hak mendapat cuti, faedah sebagai seorang pekerja, cuti tahunan, cuti am, cuti sakit, cuti rawatan rumah sakit, faedah bersalin, persaraan, EPF, perlindungan daripada PERKESO dan juga faedah-faedah yang boleh menolong pekerja-pekerja itu. Begitu juga, pekerja-pekerja itu tidak diberi latihan untuk dapat kecekapan yang baik bagi faedah yang boleh membantu kecekapan pekerjaan yang lebih baik.

Majikan syarikat itu memilih sistem kontrak ini faktor yang jelas sekali ialah untuk mengelakkan daripada wujudnya hubungan di antara pekerja dengan majikan dan mereka juga dapat mengelakkan tanggungjawab mereka sepertimana yang dikehendaki dalam peruntukan undang-undang buruh yang berkenaan memberi faedah yang tertentu kepada pekerja. Begitu juga mereka mengelak dan juga menyekat daripada pertumbuhan pergerakan pekerja, misalnya, kesatuan yang boleh membela nasib mereka kerana dengan cara itu untuk memudahkan mereka mengeksploitasi atau mendiskriminasi terhadap pekerja-pekerja tersebut. Pihak majikan memberikan sebab-sebab sekiranya para pekerja di gaji tetap biasanya tidak mencapai taraf yang memuaskan dan pekerja-pekerja suka ponteng, mereka tidak akan mencapai pengeluaran yang maksima. Ini adalah merupakan satu pendapat yang merupakan

kelemahan pihak majikan terhadap pentadbiran dan tanggungjawabnya serta satu sikap pihak majikan yang mementingkan wang dan keuntungan tanpa memikirkan masalah sosial daripada golongan yang memberi faedah kepadanya. Inilah yang saya sifatkan sebagai satu penindasan yang mesti diambil tindakan yang tegas oleh pihak Kerajaan.

Sekarang ini banyak para majikan telahpun menukar sistem pekerjaan ini kepada sistem buruh kontrak walaupun pada satu masa dahulu mereka itu memakai buruh-buruh tetap tetapi dengan beransur-ansur menukar kerana mereka takut bertunasnya persatuan atau pertubuhan yang mana mereka itu tidak memudahkan pihak majikan mengeksploitasi keadaan ini. Oleh itu, sekali lagi saya minta supaya buruh-buruh kontrak ini dimasukkan ke dalam penguatkuasaan Ordinan Kerja, 1955 ini sebelum undang-undang yang dikhaskan kepada buruh kontrak ini siap ataupun dilaksanakan kepada pekerja-pekerja tersebut.

Yang kedua, saya minta pihak Kementerian mengambil langkah-langkah yang positif dan segera untuk menghapuskan sama sekali sistem buruh kontrak ini dengan secara terus-menerus dan memasukkan pekerja-pekerja tersebut ke dalam perbekalan Ordinan Kerja supaya pekerja dapat sama menikmati faedah-faedah yang terkandung dalam Undang-undang Buruh negara ini. Tanggungjawab majikan tidak dilepaskan kepada orang lain yang tidak ada hubungan dengan kilang ataupun industri yang didirikan itu agar majikan bertanggungjawab sepenuhnya kepada buruh-buruh tersebut tanpa mementingkan dirinya sendiri.

Oleh itu, saya berharap apabila undang-undang dibentangkan di dalam Dewan ini oleh Kerajaan adalah untuk negara ini, kita jangan membandingkan dengan negara-negara lain yang telah acapkali dicakapkan di dalam Dewan ini oleh pihak Pembangkang. Jadi kadang-kadang di dalam satu undang-undang yang begini baik kita bentangkan, pihak Pembangkang misalnya, Ahli dari Damansara telah mengeluarkan tuduhan bahawa Kerajaan kita telah menarik pelabur asing datang ke sini untuk menjejaskan kedudukan sosial negara ini dan juga telah menuduh pihak Kerajaan iaitu hasil pembangunan dan kemajuan tidak akan dinikmati oleh golongan pekerja.

Ini tuduhan yang tidak berasas dan satu pendapat yang kita tidak boleh terima dalam Dewan ini kerana kebanyakan pihak Pembangkang itu selalu menganggapkan pendapatnya adalah lebih baik daripada pendapat kita itu tak mengapa kalau dia menganggap diri mereka lebih baik, memang itu tanggungjawab sebagai Pembangkang, tetapi mereka memarahi dan menganggap Ahli Dewan ini tidak mempunyai taraf perbincangan dan tidak mempunyai taraf pemikiran yang baik. Inilah sebagai satu penghinaan. Oleh itu, tidak ada orang yang paling hina di dalam dunia ini apabila seorang itu menuduh orang lain itu bodoh atau tidak pandai apabila orang lain itu tidak mahu menerima pendapatnya. Ini adalah satu perkara yang patut kita ingat kerana di dalam Dewan ini sebenarnya pihak Pembangkang sendiripun tidak akan memberi satu taraf yang baik di dalam Dewan ini melainkan memperalatkan Dewan ini untuk kepentingan politik dan taraf pemikirannya tidak sampai standard yang baik sebagaimana Pembangkang yang kita kehendaki demi mencapai pembangunan dan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

4.50 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I rise to participate in the debate on the Employment Ordinance (Amendment) Act 1980.

Mr Speaker, Sir, in Malaysia there are three sets of Employment Ordinances in operation. One for Semenanjung Malaysia, known as the Employment Ordinance 1955, one for Sabah known as the Labour Ordinance (Sabah Cap. 67) and the one in Sarawak known as the Labour Ordinance (Cap. 76) of the law of Sarawak.

The Sabah and Sarawak Labour Ordinances provide benefits which are distinct from that of Semenanjung Malaysia as they are primarily based on local conditions.

I urge that the Government seriously consider incorporating into the Labour Ordinances of Sabah and Sarawak certain provisions of the Employment Ordinance such as those pertaining to annual leave, retirement benefits, retrenchment benefits, etc.

Mr Speaker, Sir, the new section 22 provides that employees can obtain loans to purchase, build or improve a house. I welcome this proposal as employees will be able to make use of the loan to purchase houses. The defect, however, is that Section 24 (4) provides that the monthly repayment of a housing loan should not exceed 25% of the salary earned by an employee. The prices of houses have spiralled upwards and are beyond the reach of the ordinary worker and it is not practicable to introduce such a stipulation. I would suggest that the rate of repayment be a progressive one in that the rate of repayment ought to increase with the yearly increase in remuneration.

Mr Speaker, Sir, it has been provided that the rest day of a worker in each week be determined by his employer. This will give rise to abuse of power. If an employer does not like a particular worker he can under the law vary his weekly rest day from time to time as a form of punishment. Mr Speaker, Sir, a provision must be added to the Act to provide that as far as possible an employer should not be allowed to stagger the rest day of his workers unless there is a need to do so.

Mr Speaker, Sir, the new amendment provides that an employee shall not work more than 5 consecutive hours without a period of leisure. I must say, the period an employee is entitled to a leisure of thirty minutes is too long. Consideration should be given that an employee is a human being and not a machine, and he needs rest from time to time after a reasonable period of work. He needs time off to have a drink or to attend to any personal problems. In order to ensure a continuous effective functioning of his industrial output, the law should further provide, besides the thirty minutes of duration after 5 consecutive hours of work as proposed, two intervening 15 minutes tea break for a period of 5 continuous hours of work to enable the workers to have leisure.

Mr Speaker, Sir, the amendment provides that the Minister may from time to time make regulations under this Ordinance, and the regulations so made may provide different limits for overtime for different classes, categories or descriptions of employees, and such regulations may also exclude such

classes, categories or description of employees, as may be specified in the regulations. In the existing law no employee shall be permitted to work overtime for more than 32 hours a month.

Mr Speaker, Sir, the new provision gives the Minister absolute power to determine the total number of hours of overtime work that can be performed by different classes, categories or descriptions of employees. These powers may be misused by the Minister knowing the class background of the party he comes from.

Mr Speaker, Sir, overtime work should be at the consent of the workers. A particular worker should not be allowed to perform more than 32 hours of overtime in any one month as provided by law now and not more than 2 hours of overtime per day in a normal working day except Sundays and public holidays so that the social life of a worker is not subject to the whims and fancies of the employer.

Mr Speaker, Sir, the law provides a ceiling on the number of days of sick leave and hospitalisation in a year. In the case of sick leave, it should be approved and certified by a registered medical practitioner. Therefore, it is not appropriate to spell out in the amendments the maximum days of sick leave and hospitalisation a worker is allowed. Extended sick leave and hospitalisation should be allowed, as it is imperative that employees who have not sufficiently recuperated be not allowed to work.

Mr Speaker, Sir, since the Government has gazetted certain number of days in a year as public holidays, I see no reason why workers cannot enjoy these holidays. The gazetted public holidays should not be meant only for those holding high positions but should be enjoyed by the working class as well.

Mr Speaker, Sir, I feel that annual leave ought to be granted on working days as more often than not employers arrange so that their employees leave coincide with a series of public holidays. As a result the employee's rightful entitlement to annual leave is taken away by unscrupulous employers. I feel that the minimum quantum of annual leave should be increased to 14 working days for those employees who have completed at least one year of continuous

service, 21 working days, for employees who have completed five years of continuous service and 28 working days for those who have completed 8 years of continuous service.

Mr Speaker, Sir, the new amendment provides for suspension of a worker for the purpose of investigation for a period of one to two weeks. Since the inquiry is given to be a simple and domestic one and no elaborate processes are involved, I reckon one week should be adequate for the purpose of investigating, as prolonged period of suspension will cause undue hardship and mental agony to the worker concerned.

Mr Speaker, Sir, when employees go on a legal strike conducted in accordance with the laws of the country, they cannot be deemed to have broken their contract of service with their employers. Otherwise, there is no use in providing for strike action. A good example is the South-East Asia Firebricks Sdn. Bhd. case. The High Court had ruled that the workers by absenting themselves from work for two continuous days had terminated their contract of service. However, the Federal Court overruled the ruling made and the employer has now appealed to the Privy Council.

I call in the Minister of Labour to make the necessary amendments to ensure that workers going on a legally-constituted strike should not be deemed to have terminated their services as the right to strike is a fundamental right of the workers.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Sebelum itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dalam pukul 5.15 atau 5.20 petang dan oleh kerana ada dua orang sahaja hendak bercakap maka saya benarkan 10 minit seorang.

4.58 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat pada hari semalam.

Saya rasa adalah wajar pindaan ini dibuat kerana memandangkan keadaan, suasana negara yang berkehendakkan beberapa

perubahan yang perlu dibuat, tidak syak lagi bahawa hanya baru sidang yang lepas kita telah meluluskan pindaan Undang-undang Kesatuan Sekerja, 1959 dan pindaan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Namun begitu, Kerajaan kita telah memandang jauh atas perkembangan pekerja-pekerjanya, kepentingan pekerja-pekerja perlu dijaga dan dilindungi kerana ianya juga dapat memelihara harmoni dan suasana yang tenteram serta kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga faham bahawa apa yang ditakutkan oleh DAP khususnya Ahli Yang Berhormat dari Damansara adalah semata-mata atas kepentingan segelintir manusia yang berselindung di sebalik Kesatuan Sekerja sedangkan pada hakikatnya mereka adalah mendukung parti politik yang tertentu untuk mengambil kesempatan di atas suasana pekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar bagi Kerajaan sebagai penyelamat dan pelindung pekerja-pekerja memandangkan mereka yang tidak menjadi ahli Kesatuan Sekerja lebih daripada 83% dari jumlah bilangan pekerja di dalam negara ini sebanyak 3.3 juta sedangkan yang menjadi ahli Kesatuan Sekerja hanya 17% atau 567,000 sahaja. Ini bermakna bahawa Kesatuan Sekerjanya tidak diwakili sepenuhnya daripada jumlah tenaga pekerja di dalam negara ini dan apa yang mereka perjuangkan kononnya untuk kepentingan pekerja seluruh tanahair kita adalah jauh dari kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, satu hakikat yang menarik perhatian kita ialah mengenai notis berhenti kerja iaitu pekerja-pekerja tidak boleh diberhentikan oleh majikan dengan sesuka hatinya tanpa memberi notis yang secukupnya di samping membayar pampasan. Memberhentikan si pekerja dengan tidak memberi cukup notis adalah menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang dan mereka yang dianiayakan oleh majikan bolehlah melaporkan kepada Kementerian Buruh untuk mengambil tindakan sewajarnya. Ini satu peruntukan yang cukup baik iaitu memberi perlindungan yang secukupnya kepada kaum pekerja. Ini juga bermakna bahawa pekerja itu diberi masa sekurang-kurangnya satu bulan sekiranya ia bekerja kurang daripada 2 tahun

untuk mencari kerja yang lain. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini memberi perlindungan yang cukup adil kepada seseorang pekerja sekiranya ia diberhentikan kerja.

Begitu juga dengan cuti bersalin. Ianya diberi gaji penuh dan tidak boleh diberhentikan dalam masa tersebut. Perlindungan yang seumpama ini adalah wajar dan perlu dilaksanakan sepenuhnya dengan mengirakan bahawa mungkin ada majikan yang mengambil kesempatan atas pekerja-pekerja wanita yang cuti panjang atas sebab-sebab ianya bersalin dan boleh menyebabkan kerugian atas perjalanan syarikatnya. Bagi pihak pekerja wanita, saya rasa ini adalah sebagai satu payung perlindungan ke atas nasib masa depannya dan pujian harus diberi atas adanya peruntukan yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan negara, ketenteraman dan kesetabilan politik adalah satu perkara yang penting, kerana dengan kurangnya ketegangan perusahaan khususnya pemogokan maka ia memberi dorongan yang kuat untuk keteguhan ekonomi negara. Saya berharap bahawa ketegangan perusahaan hendaklah sebolebolehnya dihindarkan daripada berlaku berpanjangan kerana sesebuah negara yang membangun seperti negara kita Malaysia perlu mendapat sokongan daripada setiap pihak agar pertumbuhan ekonomi kita senantiasa meningkat dan terjamin. Sekiranya ketegangan perusahaan senantiasa berlaku saya berpendapat bahawa ianya boleh menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi negara. Ia juga boleh menjejaskan pelaburan dan pertumbuhan industri yang sekarang begitu berkembang dan menarik perhatian pelabur-pelabur baik dari dalam mahupun dari luar negeri.

Pelabur-pelabur juga, Tuan Yang di-Pertua, adalah memerhatikan suasana iklim dan keteguhan ekonomi dan politik sesebuah negara sebelum mereka membuat perhitungan atas sesuatu keputusan untuk melabur modal dan ini adalah satu kenyataan bahawa di samping menguntungkan negara ini juga memberi pekerjaan kepada warganegara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang berasaskan pertanian dan yang membangun serta terus membangun dan dengan keteguhan ekonomi yang kukuh dan stabil, saya ber-

harap bahawa pada satu masa kelak negara kita pula dapat menetapkan gaji minimum kepada pekerja-pekerja kita sepertimana dilakukan di negara-negara perindustrian dan maju yang menetapkan had gaji minimum kepada pekerja-pekerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepesatan pembangunan di samping perkembangan pelajaran yang begitu tinggi di negara kita maka saya percaya apa yang dinikmati oleh negara-negara yang maju menetapkan gaji minimum kepada pekerja-pekerjanya boleh juga dilakukan oleh negara kita pada satu masa kelak. Ini saya percaya akan memberi keselesaan hidup kepada sesuatu keluarga itu dan inilah yang diharapkan oleh kaum pekerja kita dengan perlindungan undang-undang yang terjamin atas hak pekerja-pekerja dari dieksploitasi oleh majikan. Saya percaya undang-undang ini mendapat sokongan yang sepenuhnya daripada kaum pekerja kita di seluruh tanahair.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.05 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memasuki perbahasan ini, adalah baik bagi saya menegaskan pendirian saya sendiri terhadap pindaan Employment Ordinance, 1955.

Memang satu hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun jika pindaan ini dibandingkan dengan Employment Ordinance asalnya dan pindaan pada tahun 1976 beberapa peruntukan adalah lebih baik untuk kebajikan kaum pekerja ini. Satu perkara yang tidak boleh dinafikan tetapi pokok masalahnya adalah terletak kepada beberapa aspek dalam pindaan yang kita akan bahaskan hari ini.

Aspek yang pertama ialah mengenai Seksyen 2 iaitu mengenai Contract Labour. Saya sangat terperanjat dan kali pertama melihat betapa tinggi mutu dan taraf pemikiran dan cara perbahasan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh (malangnya dia

sudah lari!) untuk menyebut sistem Contract Labour. Pada satu pihak dia mendakwa, menuduh dan menyalahkan DAP mencadangkan untuk memansuhkan atau membatalkan sistem Contract Labour tetapi pada sebaliknya dia adalah meminta Timbalan Menteri Buruh memansuhkan sistem itu kerana memandangkan nasib kaum Contract Labour yang ada di beberapa bidang perusahaan. Inilah cara logik perbahasannya, inilah mutu perbahasannya. Saya syak wasangka adakah Ahli Yang Berhormat itu benar-benar membaca pindaan Ordinan Kerja, 1955 ini?

Pokok masalah yang kita pertikaikan hari ini ialah apa sebab sistem Contract Labour ini perlu dihapuskan kerana sistem ini adalah merupakan satu sistem memberikan kuasa kontrak kepada kaum kapitalis untuk mengeksploitasikan kaum pekerja yang tidak diunionise yang menduduki 83% dari jumlah bilangan tenaga buruh yang ada di Malaysia hari ini. Sebab itu DAP menekan dan menyeru Kerajaan memansuhkan sistem Contract Labour ini supaya semua kategori kaum pekerja boleh diletakkan di bawah perlindungan Employment Ordinance yang merupakan satu Ordinan Undang-undang Buruh yang boleh memperuntukkan satu perlindungan kepentingan yang paling asas, paling minimum—bukan maximum, boleh mereka nikmati.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh saya tidak tahu apa yang dia sebutkan tadi, satu point dia sokong, satu point dia tolak, satu point dia tuduh DAP. Dia tidak conform apa yang dia cakap, itu yang benar. Saya merasa kesal dan terperanjat melihat caranya bagaimana dia boleh memahami Rang Undang-undang itu.

Tuan Speaker, sebelum saya masuk ke seksyen yang lain, saya perlu minta satu penjelasan yang kategori daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apa sebabnya boleh berlaku 83% kaum pekerja tidak diunionised. Maka perlu mereka diperlindungi di bawah Employment Ordinance itu. Apa sebab Timbalan Menteri tidak menyatakan faktor-faktor yang mengakibatkan sebahagian besar kaum pekerja itu tidak diunionise, tidak diperlindungi oleh pergerakan Kesatuan Sekerja yang ada di Malaysia kerana pergerakan Kesatuan Sekerja (Trade Union movement) telah dieunuchkan dahulu, tidak boleh bebas untuk bertindak untuk mengorganisasi kaum pekerja kita. Sungguhpun Ordinan

Kesatuan Sekerja dikuatkuasakan di Malaysia tetapi beberapa peruntukan telah menyekat pergerakan Kesatuan Sekerja untuk menolong pekerja diunionisedkan supaya mereka boleh menjalankan atau menggunakan hak asasi mereka untuk memperindungi dan mempertahankan kepentingan sosio-ekonomi mereka sendiri. Itulah sebab musabahnya, bukan hanya boleh diperlindungi di bawah Employment Ordinance.

Itulah saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab dan boleh menjelaskan kedudukan sebenarnya apa sebab 83% pekerja tidak boleh diunionisekan. Kerajaan tidak boleh menubuhkan satu Jawatankuasa Khas atau melalui MTUC untuk organise semua pekerja masuk trade union movement supaya mereka boleh sama-sama menjaga kepentingan diri sendiri.

Tuan Speaker, mengenai seksyen 12, memang saya perlu mengakui ada improvement, umpamanya 4 minggu, 6 minggu, 8 minggu jika dibandingkan dengan Ordinan asalnya, 1 minggu, 2 minggu dan 4 minggu. Tetapi pokok masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja bukan tempoh notis yang diperlukan. Pokok masalahnya ialah bagaimana pekerja boleh merasa selamat mahu bertugas di dalam sesebuah kilang dengan majikannya seumur hidup. Majikan boleh menyalahgunakan kuasanya untuk victimise dengan berbagai taktik umpamanya dalam seksyen 12 ini walaupun gaji boleh dibayar dengan notis diberikan, mengikut seksyen itu, tetapi bagaimana nasib seseorang pekerja setelah bertungkus lumus 20 tahun 30 tahun dengan seseorang majikan kalau majikan berasa perkhidmatannya tidak boleh digunakan mahu dibuang pekerjaanya maka seksyen ini boleh digunakan maka pampasan boleh dibayar mengikut seksyen itu.

Saya bersetuju mereka boleh merayu di bawah Akta Perhubungan Perusahaan tahun 1967, ask for reinstatement, minta diambil balik bekerja semula tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar berapakah lama masanya seseorang perlu melalui proses Mahkamah Perusahaan bila dia sudah diberhentikan perkhidmatannya untuk memperjuangkan nasibnya. Kadang-kadang dua tahun, tiga tahun. Umpamanya, kita ketahui tadi ada satu kes yang kita dengar berapa tahun? 4 tahun lebih masih belum dapat diselesaikan. Bolehkah kaum pekerja duduk di rumah tunggu untuk keputusan Mahkamah

Perusahaan atau mereka hanya tidak usah makan, keluarganya tidak usah dijaga boleh tunggu keputusan mahkamah baru terus pergi ask for reinstatement di bawah Akta Perhubungan Perindustrian itu. Itu sebabnya atas seksyen 12 ini bukan saya kata ia tidak baik, baik tetapi Kementerian Buruh sudah kelalain, pokok masalah yang sebenarnya dihadapi oleh kaum pekerja bukan kerana tempoh masa yang diperlukan. Apa guna dua bulan gaji kalau dia sudah kehilangan sumber pendapatannya dia sudah tua sudah susah hendak mencari kerja kerana seksyen ini boleh menghentikan perkhidmatannya. Tetapi apa sebab Kerajaan tidak boleh mengadakan satu sistem satu peruntukan boleh menjamin keselamatan pekerja mereka dalam tempat mereka bekerja. Tidak boleh dibuang kerja atau menghentikan perkhidmatannya dengan sewenang-wenangnya dengan menggunakan seksyen itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pokok masalah yang saya pertikaikan hari ini tetapi dalam seksyen ini tidak ada menyatakan apa-apa solutionnya boleh melindungi kaum pekerja daripada divictimised oleh kaum majikan dengan menyalahgunakan seksyen itu. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu saya bagaimanakah seseorang pekerja boleh dipertahankan dan diperindungi daripada dianiaya (victimised) di bawah seksyen 12 itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita balik kepada halaman 24, Bab XIIA mengenai "Termination, Lay-off and Retirement Benefit". Saya rasa terperanjat bila kita mengkaji balik Employment Ordinance yang asalnya ada menyatakan "Retirement and Retrenchment Benefit" yang sebenarnya kaum pekerja ada menikmati bila melalui pindaan pada tahun 1976 hak asasi ini sudah dihapuskan. Hari ini walaupun dipulihkan faedah benefit ini, itu baik. DAP menyokong tetapi apa sebab dalam principal Ordinance itu Kementerian Buruh tidak memasukkan menyatakan atau memberitahu Dewan yang mulia ini tentang apakah formula yang akan diadakan untuk mencepatkan kadar pampasan akan dibayar, tetapkan tempoh yang akan dibayar dan cara untuk pembayarannya. Walaupun saya baru dapat tahu hari ini dari Ahli Yang Berhormat dari Petaling katanya ada satu peraturan akan dikuatkuasakan. Tetapi manakah boleh Dewan ini

ditinggalkan tanpa tidak mengetahui kadar-kadar formula untuk menetapkan termination, lay-off and retirement benefits. Bolehkah Dewan yang mulia ini diminta untuk meluluskan Rang Undang-undang ini tanpa mengetahui cara perkiraan benefit yang begitu mustahak yang seharusnya dinikmati oleh kaum pekerja apabila mereka sampai satu nasib yang tidak begitu baik, termination, lay-off atau sampai masanya untuk bersara.

Sekurang-kurangnya satu peraturan perlu ditetapkan di dalam principal Act itu supaya kita boleh membahaskan memberi pandangan. Mengikut maklumat yang saya dengar daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling, nampaknya seminggu, dua minggu, empat minggu ini mana cukup. Langsung tidak boleh membawa apa-apa faedah kepada kaum pekerja. Kalau dia sudah berkhidmat umpamanya 20 tahun menurut formula peraturan yang akan dikuatkuasakan melalui *gazette* notification itu satu bulan gaji akan dibayar

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa ada dua minit lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Saya akan teruskan satu dua bahagian lagi. Di sini saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh memberitahu Dewan yang mulia ini terlebih dahulu mengenai seksyen yang saya sebutkan tadi detailnya sebelum ianya diluluskan supaya kita boleh sama-sama bertukar-tukar fikiran untuk menyatakan satu kadar yang menasabah yang boleh memberi satu perlindungan, memberi satu pampasan yang bermakna yang boleh menjaga kebaikan kaum pekerja kita.

Akhirnya, saya dapati tidak ada apa-apa perbezaan berkenaan yang dicadangkan. Satu perkara yang sangat mustahak telah dilalakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai selain daripada faedah-faedah yang diperuntukkan dalam Employment Ordinance itu, adakah Kementerian Buruh telah mempertimbangkan untuk mengadakan satu skim galakan boleh mempertingkatkan produktiviti kaum pekerja dan segala hasil daripada daya pengeluaran produktiviti itu boleh dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan (income tax). Cara ini boleh menggalakkan kaum pekerja bertungkus lumus mempertingkatkan taraf khususnya daya pengeluaran melalui skim di bawah Ordinan itu juga akan mempertingkatkan perkembangan atau prestasi pembangunan

ekonomi negara kita. Kalau itu boleh diadakan di bawah skim galakan daya pengeluaran produktiviti itu, saya yakin ini akan menolong dan memerangsangkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Tetapi selain daripada menikmati faedah-faedah yang minimum itu tidak cukup untuk menggalakkan, memberi perangsang yang lebih berkesan kepada kaum pekerja kita untuk meninggikan hasil produktiviti demi kepentingan kedua-dua pihak hendaklah diberi supaya matlamat yang ditetapkan oleh kaum majikan. Maka hasil ini mungkin boleh melalui bonus, maka bonus ini bolehlah dikecualikan daripada pembayaran income tax, saya yakin mungkin cara itu akan boleh membawa mereka kepada satu new direction dalam pembinaan negara kita.

Ini juga boleh secara langsung atau tidak langsung untuk meninggikan taraf kehidupan sosio-ekonomi kaum seperti kita. Saya harap kalaulah kali ini tidak sempat cadangan ini dimasukkan, pada tahun depan ataupun pada bulan Oktober akan datang bolehlah pindaan atau cadangan skim galakan produktiviti ini dimasukkan dalam Employment Ordinance itu. Saya yakin bukan sahaja akan disambut oleh kaum pekerja bahkan akan disambut oleh kaum majikan. Kita boleh cari jalan bukan hanya memberikan perlindungan yang minimum yang paling asas yang terletak di bawah Employment Ordinance itu. Itu tidak akan menggalakkan kaum pekerja lebih bergiat lagi dalam pembangunan ekonomi negara kita. Konsep itu perlu diwujudkan. Konsep yang baru ini perlu dilancarkan, saya harap boleh diterima oleh kedua-dua pihak baik kaum pekerja ataupun kaum majikan.

Saya tidak tahulah bagaimana reaksi daripada pihak Kerajaan, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bila menggulung jawapannya bolehlah memberi satu jawapan yang jelas tentang skim yang saya cadangkan itu walaupun dari DAP tetapi adalah demi kepentingan negara kita. Ini bukan politik. Ini adalah demi kepentingan ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.21 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah menyokong Rang Undang-undang Ordinan Kerja (Pindaan) 1980 yang dibentangkan untuk dibacakan kali yang kedua. Adalah jelas memandang apa yang dikatakan oleh kebanyakan Ahli dalam Dewan ini bahawa Dewan yang mulia ini telah menganggap Rang Undang-undang ini sebagai satu Ordinan yang penting dan memperuntukkan kemajuan yang pesat terhadap nasib dan taraf hidup pekerja-pekerja dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah menyentuh kepada keadaan rumah-rumah pekerja-pekerja Kerajaan Tempatan dan beberapa badan Kerajaan dan mengesyorkan bahawa Kementerian saya haruslah mengambil tindakan terhadap keadaan perumahan yang tidak selesa bagi pekerja-pekerja itu. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa perkara perumahan pekerja-pekerja Kerajaan dan Badan-badan Berkanun adalah terkeluar daripada bidangkuasa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Akta mengenai Perumahan Pekerja-pekerja Tahun 1966 itu tidak meliputi Kerajaan ataupun Badan-badan Berkanun dan pada masa ini tidak juga dikenakan kepada kawasan-kawasan yang terletak dalam bidangkuasa Majlis-majlis Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, saya memang bersetuju bahawa ada banyak perumahan pekerja-pekerja seperti itu yang tidak memuaskan. Kementerian saya telah, beberapa tahun dahulu membuat satu kajian dan selepas itu syor-syor yang menyeluruh terhadap rumah-rumah pekerja ini (quarters) telah dikemukakan kepada Kerajaan. Adalah diperhatikan bahawa tindakan sedang diambil oleh pihak-pihak yang berkuasa untuk mengganti ataupun membaharui quarters ini. Lebih penting lagi, semua pekerja-pekerja ini, iaitu pekerja-pekerja Kerajaan dan badan-badan berkanun, boleh menggunakan wang pinjaman dengan kadar faedah yang kurang yang diberi oleh Perbendaharaan untuk membina atau membeli rumah mereka sendiri. Saya dimaklumkan bahawa sehingga ini ramai pekerja-pekerja Kerajaan dan badan-badan berkanun telah menggunakan kemudahan pinjaman ini untuk mendapat rumah mereka sendiri. Kementerian saya akan terus mengambil perhatian tentang kedudukan rumah-rumah quarters ini dan membuat syor-syor yang wajar, walaupun perkara ini tidak dalam bidangkuasa undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah juga membangkitkan perkara penggalakan kepada majikan-majikan swasta

untuk melatih pekerja-pekerja mereka sebagai satu usaha tambahan kepada rancangan Kerajaan untuk mewujudkan atau memajukan tenaga kemahiran dalam negara kita ini. Beliau juga telah mencadangkan bahawa insentif juga harus diberi kepada majikan-majikan dalam perkara ini. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah juga menyentuh perkara ini dan beliau telah, selain daripada menyeru kepada majikan-majikan swasta untuk mengikut jejak langkah Kerajaan dalam latihan pekerja-pekerja, juga mencadangkan menubuhkan satu yayasan untuk pembangunan tenaga mahir dalam negara kita.

Cadangan ini adalah menarik dan dilaksanakan di beberapa buah negara yang lain. Walaupun perkara ini adalah satu yang bukan kena mengena dengan Ordinan Kerja dan Pindaan yang kita bincangkan dalam Dewan ini sekarang, saya ingin memaklumkan bahawa cadangan-cadangan seperti ini sedang dikaji oleh Lembaga Kemajuan Tenaga Manusia (Manpower Development Board) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sendiri dan mengandungi wakil-wakil daripada majikan dan pekerja-pekerja. Usaha ini adalah satu yang agak kompleks dan memang akan memakan masa yang lebih sedikit untuk dapat diputuskan.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang telah menyuarakan apa yang dikatakan oleh beliau sendiri sebagai dasar Parti DAP, pada masa ucapan beliau, telah membangkitkan beberapa perkara, yang kebanyakannya irrelevant dan terkeluar daripada scope undang-undang yang kita membahaskan pada masa ini. Beliau, saya rasa, telah sekali lagi memainkan lagu yang lama bahawa Kerajaan kita menindas pekerja-pekerja kita dan lebih mementingkan majikan-majikan asing. Cadangan-cadangan beliau untuk menaikkan lagi caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja, gaji hidup asas, faedah pengangguran dan penubuhan kesatuan pekerja dalam perusahaan kilang elektronik adalah tidak kena mengena langsung kepada Ordinan Kerja yang kita membahaskan dan saya rasa hanya disuarakan di sini untuk mengeliru sikap dan penerimaan faedah-faedah yang penting dalam Rang Undang-undang ini oleh pekerja-pekerja di dalam negara Malaysia kita.

Beliau juga telah meminta reformasi yang drastic kepada Undang-undang Buruh dengan tuntutan bagi masa kerja dikurangkan kepada lima hari seminggu dan 40 jam dalam satu minggu. Beliau telah mengatakan bahawa banyak negara-negara yang sedang maju telahpun memperkenalkan syarat-syarat seperti ini. Saya tidak tahu dari mana Ahli Yang Berhormat itu telah mendapat gambaran atau angka-angka bahawa ada banyak negara-negara yang sedang maju yang mengamalkan 5 hari dan 40 jam kerja satu minggu seperti yang dikatakan oleh beliau. Saya rasa, terdapat beberapa negara yang sudah lama maju sahaja mengamalkan syarat-syarat seperti itu. Tetapi undang-undang di negara-negara yang kita dapat teliti seperti negeri Jepun, Jerman Barat dan lain-lain mempunyai peruntukan undang-undang seperti di negara kita juga iaitu hari kelepasan mingguan ialah satu hari dalam satu minggu dan had masa bekerja ialah 48 jam dalam satu minggu. Di negeri Jepun dan di negeri Jerman Barat dan beberapa negara di Eropah, undang-undang memberi had maksima seperti undang-undang di negara kita. Walaupun begitu, di negara Malaysia juga; seperti di negara-negara yang sudah maju, terdapat beberapa buah kilang atau perusahaan yang mengamalkan melalui perundingan dengan kesatuan-kesatuan mereka, hari bekerja sebagai 5 hari seminggu, atau 4, ataupun 3½ hari bekerja dalam seminggu dan 40 jam tempoh masa bekerja dalam satu minggu. Tetapi peraturan ini adalah di satu-satu industri sahaja. Negara-negara yang sudah majupun merasa belum sampai masanya untuk meminda undang-undang mereka untuk mengadakan apa yang dikatakan sebagai satu yang baik oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu. Tetapi apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah apa yang disebutkan dalam undang-undang ini mengenai hari dan waktu bekerja adalah syarat-syarat yang maksima dan tidak menghalang majikan-majikan ataupun kesatuan-kesatuan sekerja membangkitkan perkara ini untuk dirunding dan diselesaikan secara aman dan damai. Mengikut itu, sudah ada beberapa perusahaan di dalam negara Malaysia juga yang besar yang telah mengamalkan hari dan masa bekerja kurang daripada apa yang dibenarkan oleh undang-undang. Tetapi apa yang penting dalam perkara ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita harus tidak boleh nafikan bahawa di negara Malaysia kita berkehendakkan tenaga usaha

produktif yang lebih dan bukan usaha-usaha meniru negara-negara yang sudah maju dalam perkara-perkara seperti ini.

Di negara kita, kita sudahpun berjaya untuk meletakkan satu asas yang kukuh melalui rancangan-rancangan jangka panjang untuk memajukan ekonomi negara kita dan kehidupan masyarakat yang lebih selesa. Kemajuan yang lebih pesat dalam bidang ini akan hanya dapat dijamin jika kita dapat meneruskan dengan sendiri satu semangat untuk berusaha dan enterprise yang kuat lagi untuk pencapaian matlamat-matlamat seperti itu. Dengan kemajuan setakat ini, kita telah dapat memberi kepada pekerja-pekerja negara Malaysia pendapatan-pendapatan dan kemudahan yang boleh dibandingkan dengan baik dengan pekerja-pekerja di negara jiran dan jauh. Tetapi melalui usaha kita untuk mengawal kadar inflasi dan pembahagian pendapatan negara dan juga dengan hasil rancangan memperbaiki lagi suasana kehidupan rakyat biasa, kita telah berjaya setakat ini menentukan bahawa pendapatan benar (real income) dan taraf hidup pekerja-pekerja kita adalah satu yang kian bertambah maju. Pindaan-pindaan yang sedang dibuat kepada undang-undang Buruh sekarang ini akan menentukan kemajuan yang lebih luas dan bermakna kepada pekerja-pekerja di negara kita. Pengalaman, sikap-sikap dan tindakan-tindakan dalam bidang buruh yang datang daripada negara-negara yang sudah maju yang tidak sejajar dengan keadaan dan keperluan negara kita sendiri, sudah tentu akan merosakkan dan menjejaskan kemajuan-kemajuan seperti yang saya huraikan tadi. Negara-negara yang maju sudahpun mula merasai akibat sikap-sikap seperti itu dan kebolehan mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran, resesi dan inflasi dan masalah-masalah yang lain dalam tahun-tahun lapan puluhan ini, adalah sangat dihadkan pada masa ini oleh kerana sikap-sikap seperti yang saya sebutkan tadi. Marilah kita di negara Malaysia berdoa agar kita akan dapat melepaskan negara kita dari ancaman unsur-unsur seperti itu.

Apa yang lebih menghairankan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah bahawa Kongress Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC) dalam mana Ahli Yang Berhormat dari Damansara memegang jawatan sebagai Setiausaha Agong, tidak langsung dalam

memorandum 183 point yang Ahli Yang Berhormat itu dengan sendiri selalu menyuarakan dan tepuk di sana di sini dan di dalam negeri dan di luar negeri, tidak langsung menyebut tentang apa yang didesak oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai pengamalan lima hari dan 40 jam bekerja. Mungkin Ahli-ahli MTUC yang lain telah memikirkan bahawa masanya belumlah sampai untuk pengamalan syarat-syarat seperti itu secara umum dalam negara kita sendiri. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menggunakan platform Dewan ini untuk memajukan suara politiknya sendiri di dalam perkara ini—ini adalah jelas.

Beliau juga telah menyentuh mengenai perkara pekerja-pekerja di luar bandar dan telah mengatakan bahawa pekerja-pekerja negara kita merasa amat kecewa mengenai perkara ini dan pindaan yang dibawa oleh Kerajaan. Dalam perkara ini, inginlah saya mengatakan bahawa semua pekerja, di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar, yang mempunyai kontrak perkhidmatan untuk pekerjaan dengan majikan mereka adalah diliputi oleh Undang-undang Buruh. Ini termasuk beribu-ribu pekerja di kawasan luar bandar. Suara Ahli Yang Berhormat itu untuk petani dan nelayan adalah hanya satu daya politik beliau. Kerajaan memang telah mengujudkan beberapa rancangan dan skim untuk memperbaiki dan memajukan kehidupan petani-petani dan nelayan kita. Berbagai-bagai rancangan bantuan, subsidi dan bantuan teknik diberi kepada mereka untuk meninggikan lagi peluang agar mutu pengeluaran, pendapatan dan taraf hidup keseluruhan keluarga-keluarga ini dapat dimajukan. Segala ini dibuat melalui rancangan-rancangan Kerajaan yang langsung dan juga melalui koperasi-koperasi dan Pertubuhan Peladang, yang lebih sesuai untuk menghadapi masalah mereka. Rancangan-rancangan ini, yang sebahagian daripada usaha Dasar Ekonomi Baru kita untuk menghapuskan kemiskinan, sedang memberi hasil yang menggalakkan dan Kerajaan akan terus memajukan rancangan seperti ini.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh Fasal 22 (b) dalam Rang Undang-undang mengenai "spread over period of 10 hours in one day" dan mengatakan bahawa DAP membantah Fasal itu, Ahli Yang Berhormat

itu mestilah faham, tetapi saya rasa beliau tidak membaca Fasal ini dengan teliti, bahawa inilah kali yang pertama dalam negara kita di mana pengawalan terhadap "spread over of work" ini dan "staggered hours of work" dicadangkan untuk umum. Masalah yang kita telah menghadapi sehingga ini dalam perkara ini ialah bahawa majikan-majikan mungkin boleh memaksa pekerja-pekerja mereka berada dekat tempat-tempat pekerjaan mereka bagi tempoh masa yang panjang, walaupun mereka dikehendaki bekerja selama 8 jam sahaja. Ini dibuat dengan cara memecah-mecahkan tempoh kerja mereka dalam satu-satu hari dengan pemberian beberapa tempoh masa rehat. Dengan cara ini majikan-majikan dapat menyelamatkan pembayaran gaji lebih masa (overtime), tetapi pekerja-pekerja itu tidaklah mendapat peluang untuk rehat sebenar-benar ataupun bersama-sama dengan keluarga mereka untuk menunaikan kehendak keluarga mereka ataupun urusan kemasyarakatan mereka. Dengan adanya Fasal 22 (b) dalam Rang Undang-undang sekarang ini, kita akan dapat menentukan bahawa "staggered hours of work" seperti ini tidak meliputi tempoh masa lebih daripada 10 jam. Dalam keadaan yang tertentu, "staggered hours of work" ini tidaklah dapat dielakkan jika kerja itu sendiri tidak berkehendakkan pekerjaan berterusan.

Walaupun bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa tidak membaca Fasal 22 (d) yang mengenalkan satu proviso kepada Fasal 22 (b) yang menyatakan bahawa majikan-majikan yang sekarang ini berkehendakkan pekerja-pekerja mereka bertugas kurang daripada tempoh 10 jam sehari, tidak boleh melanjutkan tempoh tugas pekerja-pekerja itu kepada satu "spread over period" yang genap selama 10 jam, melainkan dengan kelulusan daripada Ketua Pengarah Hal Ehwal Buruh secara bertulis.

Dalam ucapan saya semalam apabila membentangkan Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali kedua saya telah menerangkan bahawa Ketua Pengarah tidak akan memberi kelulusan ini melainkan dalam keadaan-keadaan yang istimewa yang dihadapi oleh perusahaan yang berkenaan. Ini adalah satu perlindungan yang berkesan kepada pekerja-pekerja yang sekarang ini tidak mempunyai perlindungan seperti itu, dan terkandung kepada keinginan majikan mereka sahaja dalam menentukan masa kerja dan masa rehat pekerja-pekerja itu.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara dan juga Yang Berhormat dari Sandakan telah membangkitkan perkara penguatkuasaan Ordinan Kerja ini di Sabah dan Sarawak. Adalah benar bahawa Ordinan ini belum lagi dilanjutkan kepada negeri-negeri itu dan mereka ini mempunyai Undang-undang Kerja sendiri yang berlainan. Kementerian saya sedang menguruskan lanjutan Ordinan Pampasan Pekerja dan juga Akta Kilang dan Jentera ke Sabah dan Sarawak dan adalah diharapkan bahawa tidak lama lagi kita akan juga dapat menyelaraskan Ordinan Kerja ini kepada seluruh Malaysia. Kementerian saya sedang memberi perhatian kepada perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menyentuh satu perkara yang saya rasa adalah penting, iaitu keadaan dan usaha-usaha di bank-bank untuk mengadakan satu kedudukan racial balance dalam kakitangan bank-bank itu dan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh itu telah khusus mengatakan atau menuduh bahawa Chartered Bank adalah sebuah bank yang anti-bumiputra. Beliau telah menerangkan kes seorang Pegawai Pengurusan Melayu yang dikatakan oleh beliau telah ditindas kerana menyokong hak-hak Melayu ataupun apa yang patut. Kes yang disebutkan oleh beliau itu walaupun dilaporkan di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan sedang disiasat untuk dapat satu keputusan. Oleh kerana itu saya tidak dapat menjelaskan kedudukan kes itu sendiri tetapi pada amnya dan saya telah mengkaji keadaan racial balance di bank ini dan juga di beberapa bank yang lain kerana saya rasa ada juga Ahli Yang Berhormat dari Panti beberapa hari dahulu membangkitkan perkara seperti ini juga mengenai United Asian Bank dan lain-lain.

Apa yang saya dapat memerhatikan dalam keadaan perseimbangan di antara kaum-kaum dalam pekerjaan bank-bank adalah bahawa dalam beberapa tahun yang lepas selepas Dasar Ekonomi Baru kita diamalkan kemajuan pesat telah dapat dicapai di beberapa bank ataupun perusahaan bank pada keseluruhannya walaupun ada satu dua bank yang belum memberi kerjasama yang penuh dalam perkara ini. Kemajuan pesat yang dicapai itu dapat ditunjukkan dengan angka-angka yang benar. Tetapi Chartered Bank juga, seperti bank-bank yang lain, telah mengalami beberapa kerumitan untuk mendapat pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai bumiputra yang

sesuai dan apabila mereka berjaya dapat mencari pegawai-pegawai, kadar perletakan jawatan (resignation) oleh pegawai-pegawai bumiputra adalah satu yang boleh dikatakan sudah sampai "alarming proportions" di beberapa bank. Perkara ini mestilah dapat perhatian yang lebih lanjut, bukan sahaja oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang selalu menyentuh tentang perkara ini, tetapi juga oleh perusahaan bank dan kami yang melaksanakan dasar ini dengan lebih mendalam lagi kerana adalah hairan bahawa walaupun kita di pihak Kerajaan ini telah memperluaskan pengeluaran graduan-graduan kaum bumiputra daripada universiti-universiti tempatan, universiti-universiti luar negara dan juga graduan-graduan diploma daripada Institut Teknologi MARA, bank-bank di negara kita masih menghadapi kerumitan yang besar untuk mendapatkan pegawai-pegawai yang sesuai.

Di satu dua rancangan untuk melatih pegawai-pegawai bumiputra untuk perusahaan bank, saya diberitahu bahawa kelayakan untuk pengambilan pegawai-pegawai itu, iaitu latar belakang dalam bidang ekonomi atau business ataupun pentadbiran dan kebolehan dalam mathematics dan lain-lain pun dilonggarkan. Tetapi segala iklan-iklan untuk mendapat pegawai-pegawai bumiputra adalah menghadapi kerumitan yang besar untuk response dapat calon yang cukup. Ini memang berkehendakkan pandangan yang lebih dalam oleh semua pihak untuk dapat mengatasi tetapi oleh kerana Chartered Bank dan United Asian Bank dan lain-lain disebutkan, benar-benarlah saya, Tuan Yang di-Pertua, sebut sahaja angka-angka mengenai pengambilan dan perletakan jawatan untuk memberi satu gambaran yang cukup terhadap apa yang saya katakan tadi sebagai satu masalah bersama di antara kita dalam perusahaan bank-bank ini.

Di Chartered Bank umpamanya dalam tahun 1975 hingga akhir tahun 1979 seramai 64 pegawai bumiputra telah dilantik walhal dalam tempoh masa yang serupa juga 68 pegawai bumiputra telah meletakkan jawatan mereka. Kita boleh menganalisis angka-angka ini lebih dalam lagi dan lebih detail dan segala ini menunjukkan gambaran yang serupa juga.

Di United Asian Bank pun, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti, dalam masa 7 tahun selepas United Asian Bank itu ditubuhkan sebagai bank tempatan

di sini, seramai 66 orang pegawai bumiputra telah dilantik dalam pekerjaan mereka, akan tetapi dalam masa ini juga seramai 39 telah meletakkan jawatan mereka dan United Asian Bank ini, saya difahamkan sudahpun mengemukakan beberapa rancangan untuk memberi galakan (incentive) dan penarikan kepada calon-calon bumiputra untuk menjawat jawatan pegawai dalam bank itu seperti biasiswa kepada murid-murid atau undergraduates ke universiti-universiti tempatan dan juga satu programnya sendiri, executive development programme dan cara-cara latihan yang lain untuk dapat melantik atau dapat mencari pegawai-pegawai daripada kaum bumiputra. Tetapi malangnya walaupun ada kejayaan yang dapat ditunjukkan, mereka juga mengalami masalah yang besar. Perkara-perkara seperti ini sedang diberi perhatian oleh kita yang melaksanakan dasar perseimbangan dalam pekerjaan ini dan kita berharap bersama-sama dengan institusi-institusi pelajaran tinggi dan juga dengan pihak pengurusan-pengurusan juga kita akan dapat mencari ikhtiar dan jalan yang lebih berkesan untuk dapat menunjukkan kemajuan yang lebih pesat dalam perkara-perkara seperti ini.

Sementara itu saya rasa adalah baik dan wajar jika kita tidak membuat hujah-hujah yang lain tentang usaha-usaha benar yang dibuat oleh setengah bank-bank dan majikan-majikan yang lain. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat atau penerangan atau pengalaman mengenai satu-satu tempat di mana angka-angka mengenai racial balance khususnya mengenai bumiputra ataupun lain-lain sangat tidak memuaskan, adalah baik jika mereka dapat memberi maklumat itu kepada kita untuk disiasat dan untuk mengambil tindakan-tindakan yang perlu. Saya juga boleh memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa kita akan sungguh-sungguh menyiasat dan mengambil tindakan yang perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading telah membangkit satu dua perkara yang saya rasa penting dan penting di dalam perundangan dalam bidang buruh. Satu daripadanya mengenai pengambilan pekerja-pekerja kita untuk kerja-kerja di negara-negara asing. Disebutkan oleh beliau negara Brunei, Singapura dan juga lain-lain.

Beliau telah bertanya apa telah jadi tentang undang-undang yang sudahpun diberitahu oleh Kerajaan. Inginlah saya menyatakan di

sihi bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan untuk mengawal pengambilan pekerja-pekerja ini untuk bekerja di luar negara Malaysia melalui Employment Service swasta masih dalam kajian penghabisan dan kita berharap kita akan dapat membuat satu keputusan muktamad dalam perkara ini tidak berapa lama lagi.

Beliau juga telah membangkitkan perkara gadis-gadis dari Sarawak, khususnya yang ditarik untuk bekerja di night club atau tidak diberi pekerjaan yang tetap (secure) dan mereka dieksploitasi dalam kerja-kerja yang tidak bermoral. Perkara seperti itu saya rasa adalah lebih kena kepada bidang kuasa Kementerian Kebajikan Am. Tetapi saya dapat memberi jaminan jika ada yang digajikan oleh majikan di night club ataupun di lain-lain tempat, mereka adalah diberi perlindungan Undang-undang Buruh dan pegawai-pegawai saya boleh mengambil tindakan yang perlu jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang lebih khusus dan tepat dalam perkara ini.

Beliau juga telah membangkitkan satu dilema mengenai keadaan di mana pekerja-pekerja boleh memilih jika mereka hendak cuti sakit ataupun cuti dan faedah-faedah di bawah SOCSO dan lain-lain undang-undang mengenai pampasan pekerjaan.

Saya sebenarnya tidak betul-betul faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading itu tetapi dapatlah saya mengatakan di sini bahawa dalam keadaan di mana seseorang pekerja tercedera semasa mereka bekerja, mereka adalah diberi perlindungan yang penuh untuk dapat perubahan, cuti, pampasan dan lain-lain dan perkara pilihan di antara ini dan cuti-cuti sakit tidak langsung timbul jika mereka tercedera di dalam pekerjaan mereka. Peruntukan khas ada di dalam undang-undang untuk mereka dapat segala kemudahan itu dan mereka tidaklah payah atau tidak boleh menggunakan cuti sakit. Jadi pilihan untuk memperuntukkan bahawa mereka dapat memilih mana-mana yang lebih tinggi lagi tidaklah timbul. Dalam masalah ini, saya rasa perlu bagi kita memberi maklumat yang penuh kepada majikan dan pekerja. Ini adalah satu daripada usaha yang kita sedang jalankan untuk meluaskan lagi fahaman Undang-undang Buruh di kalangan pekerja-pekerja dan juga majikan-majikan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang juga telah membuat ucapan seperti Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah mulamulanya mengatakan bahawa undang-undang yang dibawa ini tidak progresif dan ucapan saya khasnya dalam membentangkan Rang Undang-undang itu adalah tindakan untuk memuji sendiri, self-praise katanya.

Saya pun hairan Ahli Yang Berhormat komplek mengenai perkara-perkara ini kerana beliau dan Ahli-ahli lain dalam DAP nampaknya, walaupun mereka cuba, tidak langsung dapat menunjukkan sikap menyokong kepada apa juga tindakan Kerajaan yang patut dan progresif. DAP dalam Rang Undang-undang ini juga telah menunjukkan sikap yang sama walaupun undang-undang ini progresif; walaupun undang-undang ini menunjukkan beberapa kemudahan yang ditunggu-tunggu oleh pekerja-pekerja negara Malaysia; walaupun apa yang diperuntukkan adalah lebih daripada apa yang ada di setengah-setengah perjanjian bersama yang diikat oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja dan setengahnya dipimpin oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP juga. Mereka ini tidak langsung dapat mengatakan satu kepujian pun terhadap usaha Kerajaan ini dan dalam Bil ini juga mereka sudah mengambil sikap yang sama.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling pula mengatakan bahawa ucapan kita adalah usaha memuji sendiri. Pindaan-pindaan pun dikatakan oleh beliau adalah nominal sahaja dan tidak menunaikan "tuntutan daripada DAP".

Saya tidak tahu bilakah negara kita ini sudah memberi kuasa kepada DAP menuntut dan memberi tanggungjawab atau kewajiban kepada Kerajaan ini untuk menunaikan tuntutan DAP. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Petaling belum lagi sedar bahawa beliau belum menubuhkan Kerajaan dalam negara kita ini. Tuntutan DAP adalah, seperti juga dikatakan tadi dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Damansara, tuntutan politik sahaja politik yang tidak realistik, yang luar daripada apa yang dimaksudkan sebagai bidang kuasa undang-undang yang kita membincangkan ini. Mereka ini sudah cuba untuk memperkecilkan usaha Kerajaan untuk memajukan keadaan pekerjaan dan keadaan pekerja-pekerja kita peringkat demi peringkat.

Beliau telah mengatakan bahawa clause 2 (1) (g) mengenai contractual bonus itu adalah satu yang tidak membawa faedah kepada pekerja kerana kata beliau, majikan boleh menarik balik bonus yang diberi dan beliau seterusnya bertanya jika bonus ini ada dua jenis, satu yang contractual dan satu yang bukan.

Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu berpura-pura sahaja bertanya perkara ini kerana apa yang dikatakan oleh beliau dalam Clause 2 (1) (g) ini menunjukkan bahawa ada dua jenis bonus. Satu yang terikat dalam perjanjian bersama atau dalam contract of service dan satu lagi yang tergantung kepada budi bicara (discretion) majikan sahaja. Apa yang kita memperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini adalah bahawa apabila mereka mengadakan bonus sebagai satu yang contractual yang dijanjikan kepada pekerja-pekerja atau diamalkan secara biasa di dalam pekerjaan itu. Dan cuti atau bagi bonus itu mesti dianggap sebagai sebahagian daripada gaji kerana contractual bonus itu sudah tentu tidak boleh ditarik balik oleh majikan sewenang-wenang atau mengikut sesuka hati mereka dan pekerja-pekerja yang dalam keadaan seperti itu memang boleh membuat tuntutan atau rayuan kepada pihak Kementerian saya di bawah seksyen 69 Employment Ordinance itu.

Clause tempoh notis pun yang dibuat dalam Rang Undang-undang ini secara, saya rasa, generous, diragu-ragukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Memanglah kita dapat mengakui bahawa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari bangku Pembangkang tidak ada had untuk mereka menuntut atau bertanya atau mencadang, Kerajaanlah yang memikul beban untuk mencadangkan atau melaksanakan apa yang praktikal. Tempoh-tempoh notis yang dicadangkan oleh beliau adalah tidak praktikal dan tidak mengikut keadaan dalam negara kita mahupun dalam perusahaan-perusahaan yang sudah maju.

Beliau telah berucap panjang mengenai security of job tenure untuk pekerja-pekerja. Saya rasa dalam ucapan beliau itu, beliau terlupa bahawa kita mempunyai dua undang-undang mengenai pekerjaan, yang pertama Akta Perhubungan Perusahaan dan kedua Ordinan Kerja yang sekarang ini dipinda melalui Rang Undang-undang ini. Seksyen 20 dalam Akta Perhubungan Perusahaan memberi perlindungan yang penuh, dan saya

boleh katakan perlindungan yang unik di dalam sejarah perundangan dalam bidang buruh ini, yang membolehkan pekerja-pekerja yang merasa bahawa mereka dibuang kerja secara tidak adil atau secara tidak patut boleh merayu kepada Kementerian untuk mendapat satu keputusan diambil balik dalam pekerjaan mereka.

Saya rasa ada dua tiga negara sahaja dalam dunia ini yang mempunyai peruntukan seperti ini dan jika hendak security of job tenure ini, Akta Perhubungan Perusahaan saya rasa memberi security itu kepada pekerja-pekerja daripada tindakan-tindakan penindasan atau victimization ataupun pembuangan pekerjaan mereka secara tidak adil. Jika kita dapat menganalisa kes-kes yang telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan ataupun kes-kes yang dapat diselesaikan melalui usaha-usaha perdamaian oleh pegawai-pegawai Kementerian saya, terdapat 600-700 kes yang dapat diselesaikan secara ini, Kita boleh mengatakan bahawa dengan peruntukan undang-undang yang kita ada, kita dapat memberi jaminan kepada pekerja-pekerja kita bahawa mereka diberi perlindungan dalam pekerjaan mereka daripada tindakan penindasan ataupun tindakan diskriminasi oleh majikan-majikan mereka. Dalam perkara ini juga kita dapat mengambil balik atau menempatkan pekerja itu dalam pekerjaannya semula jika dapat satu keputusan bahawa pembuangan atau penamatan pekerjaannya adalah tidak adil.

Beliau juga telah membangkitkan perkara seksyen 60G dan 60H dan telah mengatakan bahawa dalam tahun 1976 dalam pindaan yang dibawa kepada Ordinan Kerja ini, Kerajaan telah menarik balik hak-hak pekerja dalam perkara persaraan ataupun faedah-faedah pengenehan dan beliau mengatakan bahawa 4 tahun sejak itu pekerja-pekerja negara Malaysia tidak mempunyai apa juga perlindungan atau menikmati apa-apa faedah pengenehan atau persaraan oleh kerana pemansuhan seksyen 60G dan 60H dalam Ordinan Kerja pada tahun 1976.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu, selepas beliau berucap dalam tahun 1976 tidak langsung mengikuti kemajuan-kemajuan dalam perkara ini dan ucapan beliau dibaca balik pada masa ini dengan tidak kira apakah keadaan yang sebenar. Seksyen 60G dan 60H dalam Ordinan Kerja ini pada masa itu tidak langsung menghuraikan apa-apa kelayakan

untuk pekerja dapat faedah-faedah pengenehan ataupun persaraan. Bahagian-bahagian itu tidak menghuraikan quantum atau jumlah pembayaran untuk persaraan ataupun pengenehan seseorang pekerja, langsung tidak ada. Sebaliknya seksyen 60G dan 60H hanya telah menghuraikan satu larangan (prohibition) terhadap pekerja-pekerja yang kurang pengalaman daripada 3 atau 5 tahun mendapat faedah-faedah tersebut. Dengan pemansuhan dua seksyen itu, saya rasa kita telah dapat memberi peluang kepada semua pekerja menuntut ataupun menikmati secara unilateral faedah-faedah ini daripada majikan mereka.

Sebenarnya mengikut peruntukan itu jika kita meneliti angka mengenai perjanjian-perjanjian bersama yang telah diikat dalam tahun 1979 sahaja, kita dapati bahawa ada 117 perjanjian bersama yang telah memperuntukkan syarat-syarat untuk faedah-faedah pengenehan dalam pekerjaan. Ini tidak membuktikan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa sejak pemansuhan dua seksyen itu dan sejak 4 tahun ini pekerja-pekerja kita tidak diberi apa juga perlindungan ataupun tidak dapat menikmati faedah-faedah dalam bidang ini. Beliau tidak membuat homework beliau dan beliau hanya menyuarakan issue ini di sini untuk mengelirukan pekerja-pekerja kita. Angka-angka yang terdapat, yang boleh dilihat oleh beliau pun, adalah suatu yang jelas dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi, Ahli Yang Berhormat?

Datuk K. Pathmanaban: 5 minit lagi. Beliau juga telah mencadangkan mengenai satu fasal memperuntukkan mengenai "constructive termination" Bahagian XIIA sedia mempunyai peruntukan yang bertujuan memberi perlindungan atau faedah dalam keadaan di mana pekerja-pekerja meletakkan jawatan dengan sukarela atau dengan kemahuan sendiri oleh kerana keadaan pekerjaan itu adalah sangat oppressive atau sangat dahsyat untuk bekerja atau majikan itu mengadakan suasana di mana beliau terpaksa meletakkan jawatan. Konsep ini, saya rasa adalah sebenarnya constructive resignation, bukan constructive termination.

Perkara ini adalah satu konsep yang baru muncul dalam beberapa tahun ini sahaja dan kita juga akan mengkaji keadaan seperti

itu dalam peraturan-peraturan yang akan dibuat nanti di bawah Bahagian XIIA Rang Undang-undang ini. Tetapi saya dapat memaklumkan juga bahawa dalam Ordinan Kerja itu, di seksyen 13, sudah ada beberapa peruntukan untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja dalam konteks constructive resignation seperti itu.

Kadar bayaran juga, yang dikatakan terlalu rendah, ini adalah langkah pertama. Kadar bayaran itu yang dihuraikan dalam peraturan-peraturan yang akan diumumkan nanti, adalah kadar-kadar yang dapat dibandingkan dengan perjanjian-perjanjian bersama yang diikat di antara majikan dengan persatuan-persatuan sekerja. Kita telah menganalisa perjanjian-perjanjian bersama ini dan kita dapat mengatakan bahawa lebih daripada setengah perjanjian-perjanjian bersama akan dapat dibaiki dengan peruntukan yang dibuat di bawah Bahagian XIIA.

Mengenai perkerja kontrak, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu sudah silap mengenai apakah kedudukan pekerja-pekerja kontrak jika mereka mempunyai contract of service. Sudah memang diliputi dan diberi perlindungan oleh undang-undang buruh. Tidak payahlah kita meminda undang-undang lagi atau mengambil tindakan yang lain untuk menentukan bahawa pekerja kontrak itu dapat menikmati faedah-faedah undang-undang buruh yang ditujukan oleh Parlimen kita sendiri. Jika beliau mengetahui di mana contract labour itu tidak menikmati faedah-faedah, bolehlah memaklumkan kepada kita dan kita akan terus melaksanakan peruntukan-peruntukan undang-undang untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja kontrak itu dapat menikmati faedah-faedah itu. Walaupun pindaan dibuat dalam tahun 1976 untuk membawa seksyen 2 (A) yang baru itu dalam undang-undang, kita memang sudah memakan masa yang lebih sedikit untuk menentukan bahawa tindakan atau arahan yang dibuat oleh Menteri di dalam satu-satu keadaan, di mana pekerja yang tidak mempunyai perhubungan perkhidmatan secara contract of service boleh juga dianggap sebagai bekerja di bawah contract seperti itu di sisi undang-undang kerana perkara ini adalah satu yang rumit dan setelah kajian itu, seperti saya maklumkan tadi, kita sedang menyediakan arahan yang pertama dalam perkara ini di bawah seksyen 2 (A) Ordinan Kesatuan Sekerja. Kita harap akan dapat

meluaskan tindakan seperti itu kepada bidang-bidang yang lain selepas arahan pertama itu dibuat.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga telah menyentuh perkara pekerja kontrak khususnya dalam bidang perusahaan kayu-kayan. Saya telah memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa peraturan-peraturan sudahpun disiapkan untuk mengawal keadaan pekerja-pekerja di perusahaan kayu-kayan dan kita harap akan dapat dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah membangkitkan dua perkara sahaja yang harus jawab di sini. Satu mengenai potongan (reduction) daripada gaji-gaji pekerja untuk membayar balik pinjaman perumahan, beliau telah mengatakan bahawa hanya 25% dapat dipotong untuk membayar balik pinjaman perumahan. Ini adalah satu kesilapan beliau kerana apa yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Ordinan Kerja ialah jika pekerja-pekerja itu hendak membayar balik pinjaman untuk membeli rumah dengan cara memotong daripada gaji beliau adalah dibenarkan. Sebanyak 75% gajinya boleh dipotong secara jumlah maksima termasuk pembayaran balik untuk pinjaman perumahan. Jadi bakinya adalah 25% sahaja untuk menampung sara hidup keluarga dan lain-lain, jika potongan yang lebih daripada 75% itu hendak dibenarkan saya rasa itu akan membawa akibat yang buruk kepada pekerja-pekerja itu.

Mengenai point yang kedua iaitu mengenai hari rehat yang disebut oleh beliau, saya rasa dalam perkara ini Fasal 20 dalam Rang Undang-undang ini jelas memperuntukkan bahawa walaupun Majikan mereka boleh tukar-menukar hari rehat itu, Majikan-majikan mestilah menyediakan satu jadual sebelum hari pertama pada satu-satu bulan dan jadual ini mestilah diberitahu kepada pekerja-pekerja dan mereka tidak boleh tukar-menukar sahaja hari cuti rehat ini dan kebiasaannya hari rehat dalam satu-satu minggu adalah ditetapkan hari Jumaat ataupun hari Ahad mengikut pilihan pekerja ataupun mengikut amalan di satu-satu negeri.

Saya rasa satu sahaja lagi yang saya ingin menjawab, iaitu mengenai Ahli dari Kota Melaka yang juga membuat beberapa cabaran, tetapi beliau tidak ada di sini untuk mendengar apa yang saya cakapkan. Jadi saya pendekkan sahaja. Beliau bertanya

apa sebabnya 83% pekerja-pekerja di dalam negara kita tidak berkesatuan dan beliau telah menuduh bahawa Kerajaan yang menghadkan hak dan kebolehan pekerja-pekerja untuk berkesatuan. Tetapi perkara-perkara atau sebab-sebab untuk pekerja-pekerja kita ini yang belum berkesatuan adalah satu yang amat kompleks. Sudah tentu bahawa satu daripada sebabnya ialah keadaan di mana pekerja-pekerja baru yang datang daripada kawasan-kawasan luar-bandar memasuki dalam bidang-bidang perusahaan sebagai pekerja biasa enggan memasuki Kesatuan-kesatuan Sekerja. Satu daripada sebabnya sudah tentu adalah akibat usaha-usaha DAP mempolitikkan pergerakan Kesatuan Sekerja dan ramai pekerja adalah enggan untuk masuk dalam Kesatuan-kesatuan Sekerja seperti itu. Tetapi ada juga sebab-sebab lain. Biasanya pekerja-pekerja selepas mereka mula bekerja mengambil masa yang sedikit untuk memasuki dalam Kesatuan-kesatuan Sekerja dan dalam perkara pengambilan balik pekerja-pekerja yang dibuang kerja secara tidak adil beliau juga telah mengatakan bahawa kelambatan yang agak panjang berlaku pada masa ini di Mahkamah Perusahaan dan lain-lain.

Saya fikir dalam perkara ini, dengan izin, DAP adalah bercakap dengan dua lidah (two tongues) kerana dalam perbahasan Rang Undang-undang bulan April dahulu DAP lah yang sudah jadi "tukang" untuk mencabar Kerajaan dan cadangan-cadangan kita yang kita sudah kaji teliti untuk menyekat hak satu-satu pihak untuk mengemukakan perkara-perkara buruh kepada Mahkamah Tinggi. Mereka pada masa itu sudah mengambil peluang, menggunakan peluang untuk mencabar dan menuduh bahawa Kerajaan ini tidaklah satu Kerajaan yang mengikut Rule of Law. Jika kita kaji kes-kes yang lambat dalam Mahkamah Perusahaan sudah tentu bahawa banyak kes itu adalah lambat, kerana kes-kes itu sudah dirujukan oleh satu-satu pihak kepada Mahkamah Perusahaan sehingga kepada Privy Council dan jika mereka ini (DAP) bertindak menyokong usaha-usaha untuk menyekat rujukan kes-kes ini kepada

Mahkamah-mahkamah Perusahaan dalam negara kita, saya rasa mereka tidak mempunyai hak untuk membangkitkan kelambatan dalam perkara ini.

Itu sahajalah perkara-perkara pokok dan perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian saya mengambil perhatian. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudahpun dapat memerhatikan Rang Undang-undang ini dengan baik dan juga dapat memberi sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang ini yang saya ulang lagi ialah satu (*dengan izin*) "piece of progressive legislation".

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kerja 1955 ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1—

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 1 dipinda seperti dihuraikan dalam kertas yang dibentangkan.

Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

Clause 1: Delete the word "Ordinance" in line 1 of the short title.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 hingga 19 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 20—

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan Fasal 20 dipinda seperti yang dihuraikan dalam kertas yang dibentangkan. Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

Clause 20: Substitute the word "than" for the word "that" in line 6 of subsection (1) of section 59.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 20—*sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 21 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 22—

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 22 dipinda seperti yang dihuraikan dalam kertas yang dibentangkan. Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

Clause 22: Substitute the word "with" for the word "will" in line 11, and the word "paragraphs" for the word "paragraph" in line 12 of the proviso to the new subsection (1A) of section 60A.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 22 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 23 hingga 26 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 27—

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 27 dipinda seperti yang dihuraikan dalam kertas yang dibentangkan. Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

Clause 27: Insert a bracket after "60D" in line 11 in paragraph (iii) of the proviso to section 601 (1).

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 27 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang:

Fasal 28 hingga 39 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN (AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama, suatu Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menguatkuasakan satu peruntukan masa kepada semua badan-badan berkanun di dalam mengemukakan penyata akaun untuk diodit dan juga menyediakan laporan tahunan. Peruntukan masa ini perlu dibuat untuk menyelaraskan peruntukan masa dalam akta ibu badan-badan berkanun dalam menyediakan dan mengemukakan penyata-penyata akaun untuk diodit. Dengan ini masalah kelewatan badan-badan berkanun dalam menyediakan akaun dan laporan tahunan akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan masa yang dicadangkan adalah terkandung dalam Bahagian 3, 4 dan Bahagian 5 dalam Rang Undang-undang ini. Cadangan bagi tarikh kuatkuasa Rang Undang-undang ini kepada semua badan-badan berkanun ialah bagi tahun kewangan yang berakhir pada atau selepas 31hb Disember, 1931 bagi memberi masa kepada badan-badan berkanun untuk menyediakan dan mengemukakan penyata akaun yang belum diodit untuk diodit bagi tahun-tahun sebelumnya.

Badan-badan berkanun yang dimaksudkan ialah semua badan-badan berkanun yang ditubuh di bawah Undang-undang Persekutuan

tidak termasuk penguasa tempatan dan perbadanan-perbadanan Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, tahun 1965, Memandangkan perkembangan urusan-urusan badan-badan berkanun itu, adalah perlu setiap badan berkanun itu menyediakan akaun dan laporan aktiviti dengan teratur dan kemaskini serta mengemukakannya mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini akan membolehkan pihak Kerajaan mengikut perjalanan dan perkembangan badan-badan berkanun itu sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini badan-badan akan diberi tempoh masa selama 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan masing-masing mengemukakan penyata akaun untuk diodit oleh Ketua Odit Negara atau juruodit swasta dengan persetujuan Ketua Odit Negara. Perlantikan juruodit swasta ini telah sedia ada dalam Akta Odit yang ada sekarang. Tempoh masa 6 bulan yang diberikan itu adalah wajar diberikan dengan mengambil kira badan-badan berkanun yang besar seperti Lembaga Letrik Negara, FELDA dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengambil masa yang agak lama untuk mengemukakan penyata akaunnya untuk diodit. Ini kerana badan-badan berkanun tersebut mempunyai banyak cawangan-cawangan yang mana akaun-akaun itu terpaksa dikumpulkan terlebih dahulu sebelum ianya diodit.

Dalam Rang Undang-undang ini juga diadakan peruntukan untuk membolehkan Menteri yang berkenaan mengadakan peraturan-peraturan untuk memastikan supaya peruntukan-peruntukan dalam akta ini terlaksana sepenuhnya. Ini adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah pengurusan akaun di kebanyakan badan-badan berkanun yang menjadi salah satu faktor yang menyebabkan kelewatan badan-badan berkanun mengemukakan penyata akaun untuk diodit.

Bahagian 3 bertujuan untuk menetapkan masa kepada badan-badan berkanun bagi menyediakan dan mengemukakan penyata akaun kepada Ketua Odit Negara untuk diodit. Masa selama 6 bulan selepas berakhirnya tiap-tiap tahun kewangan diberi kepada badan-badan berkanun untuk mengemukakan penyata kewangan untuk diodit. Peruntukan-peruntukan di bawah Akta Odit, 1957 digunakan untuk mengodit akaun badan-badan berkanun.

Bahagian 4 menetapkan masa selama sebulan kepada badan-badan berkanun mengemukakan penyata akaun dan laporan yang telah diodit kepada Yang Berhormat Menteri. Akaun dan laporan tahunan itu akan dibentangkan di kedua-dua Majlis Mesyuarat Parlimen oleh Menteri yang berkenaan dalam masa yang sesuai.

Bahagian 5 memberikan tempoh masa tambahan kepada badan-badan berkanun yang tidak dapat mengemukakan penyata akaun untuk diodit dalam masa 6 bulan. Badan-badan berkanun boleh memohon secara bertulis sebelum berakhir tempoh yang ditetapkan (6 bulan) kepada Menteri yang berkenaan untuk mendapatkan tempoh masa tambahan. Tempoh perlanjutan masa selama tidak lebih daripada 3 bulan lagi akan dipertimbangkan dan diberi kepada badan-badan berkanun itu setelah Menteri yang berkenaan (dengan persetujuan Menteri Kewangan) berpuashati dengan sebab-sebab permohonan tempoh perlanjutan masa.

Bahagian 6 memberikan tempoh masa kepada badan-badan berkanun untuk menyiap dan mengemukakan penyata akaun yang masih tertunggak untuk diodit. Badan-badan berkanun tersebut diberi masa sehingga pada atau sebelum 31hb Disember, 1981 untuk mengemukakan penyata akaun untuk diodit. Di bawah Bahagian 6 ini juga diberikuasa kepada Menteri yang berkenaan membuat sebarang peraturan bagi menentukan semua peruntukan dalam akta ini terlaksana.

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dengan tambahan perbelanjaan yang mana jumlahnya belum dapat ditentukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah memandang berat akan peranan dan tugas badan-badan berkanun di dalam mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Adalah tidak diragukan lagi akan peranan penting yang dimainkan oleh badan-badan berkanun sebagai perbadanan awam di dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Walau bagaimanapun, kegiatan-kegiatan badan-badan berkanun haruslah diawasi. Segala kegiatan-kegiatan itu dapat diikuti melalui laporan tahunan yang melaporkan segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan berkanun itu pada tiap-tiap tahun dan juga melalui penyata akaun yang lengkap dan kemaskini. Semoga dengan

penguatkuasaan Rang Undang-undang ini, masalah kelewatan kebanyakan badan-badan berkanun dalam mengemukakan penyata dan laporan tahunan tidak akan timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai had-had masa tertentu berhubung dengan penyediaan dan mengemukakan penyata-penyata akaun untuk Odit bagi semua Badan Berkanun yang diperbadankan menurut peruntukan undang-undang Persekutuan dan pengoditan akaun-akaun berkenaan itu. Penyediaan dan pengemukakan laporan-laporan tahunan tentang aktiviti-aktiviti semua badan berkanun sedemikian itu dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Teluk Anson.

6.34 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengarah Lembaga-lembaga dan Badan-badan Berkanun untuk menyampaikan akaun-akaun dan laporan-laporan mereka dalam tempoh-tempoh tertentu, saya berpendapat dengan amat seriusnya bahawa peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini adalah tidak mencukupi untuk mencapai matlamat-matlamat yang diingini.

Lembaga-lembaga tertentu akan diberi satu tempoh untuk menyampaikan akaun-akaun dan laporan-laporan mereka. Jika oleh kerana sebab-sebab tertentu akaun-akaun itu tidak dapat dikemukakan, Lembaga itu boleh meminta kebenaran supaya tarikh itu dilanjutkan. Apa yang tidak disebut ialah apa yang akan terjadi atau apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pihak-pihak tertentu jika

akaun-akaun dan laporan-laporan itu masih belum dibentangkan selepas tarikh yang dilanjutkan itu.

Ini bukanlah satu perkara yang dibayangkan sahaja. Sebaliknya, adalah benar bahawa banyak Lembaga khususnya lembaga-lembaga yang diwujudkan oleh Akta Parlimen belum menyampaikan akaun-akaun dan laporan-laporan mereka selama empat mahupun lima tahun walaupun peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan lembaga-lembaga masing-masing memerlukan mereka berbuat demikian. Bagi sesebuah syarikat perniagaan, ia akan didenda jika akaun-akaunnya tidak disampaikan dalam masa yang ditentukan.

Oleh yang demikian, saya ingin meminta Kerajaan supaya unsur-unsur tatatertib (element of discipline) diperkenalkan (introduce) dalam undang-undang ini. Saya ingin mencadangkan tindakan tatatertib dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini dan tindakan ini boleh diambil terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk menyediakan akaun-akaun dan laporan-laporan itu. Begitu juga ahli-ahli Lembaga itu boleh diminta menarik diri (resign) jika didapati mereka tidak dapat memberi apa-apa sumbangan bagi Lembaga-lembaga itu. Dengan peruntukan-peruntukan seumpama itu pegawai-pegawai dan ahli-ahli akan berkhidmat dengan lebih serius lagi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diketahui terdapat orang-orang asing yang mungkin bukan rakyat Malaysia sedang dilantik sebagai ahli-ahli Lembaga-lembaga tertentu. Walaupun pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan mereka itu adalah sangat-sangat berguna dan dihargai, saya ingin meminta Kerajaan menimbang sama ada orang-orang asing itu patut dilantik sebagai ahli-ahli lembaga-lembaga kita.

Kerajaan harus menimbangkan bahawa pandangan-pandangan mereka itu kadangkadangkang dapat diterima dan pandangan-pandangan itu kadangkadangkang menjadi peraturan-peraturan, dasar atau sebahagian dasar sesebuah Lembaga. Terdapat juga setengah-setengah pandangan itu hanya dapat dilaksanakan dengan pindaan peraturan-peraturan ataupun undang-undang tertentu. Boleh jadi juga bahawa undang-undang tertentu diwujudkan untuk mengesankan syor-syor itu.

Ini bermakna orang-orang asing itu telah berpeluang secara langsung atau tidak langsung untuk mengambil bahagian dalam proses membuat undang-undang negara kita.

Saya berpendapat mereka tidak patut diberi peluang ini. Sungguhpun syor-syor mereka adalah sangat bernilai, saya berpendapat mereka hanya boleh memainkan peranan sebagai penasihat sahaja dan bukan sebagai penggubal undang-undang melalui cara yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai Kerajaan dikawal oleh Perintah Am atau peraturan-peraturan tatatertib tertentu tetapi beberapa Lembaga, jika bukan ke semuanya, tidak mempunyai peraturan tatatertib yang pegawai-pegawainya harus mematuhi. Ini mengakibatkan ketua-ketua pegawai atau Pengarah sesebuah Lembaga itu mengambil tindakan tatatertib, mengikut pandangan atau judgement mereka sendiri sahaja. Hukuman itu jika boleh dipanggil hukuman, mungkin adil, mungkin salah, mungkin terlampau berat atau ringan, ada kemungkinan juga setengah-setengah pegawai dianiaya.

Oleh yang demikian, saya bercadang Lembaga-lembaga itu harus mengadakan peraturan tatatertib atau mengadopsikan bahagian Perintah Am yang sesuai untuk mengujudkan jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

- (a) Jawatankuasa Tatatertib;
- (b) Jawatankuasa Rayuan; dan
- (c) Jawatankuasa Menimbangkan Kenaikan Pangkat Pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi-pengerusi yang dilantik untuk memimpin Lembaga-lembaga sekarang hanya berkhidmat separuh masa (part-time) sahaja. Saya ingin mencadangkan orang-orang yang memegang jawatan yang penting harus diberi gaji atau elaun yang berpatutan supaya membolehkan mereka bertugas sepenuh masa (full time).

Saya sedar beberapa Ahli Yang Berhormat pun telah diberi penghormatan untuk memengerusikan beberapa buah Lembaga dan saya mengucapkan tahniah kepada mereka kerana telah memberi perkhidmatan yang cemerlang. Tetapi jika orang-orang itu diberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik, saya percaya mereka dapat bekerja full time dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.43 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang seperti ini perlu dialu-alukan dan sudah kena masanya kerana memandangkan bahawa pada masa-masa yang lepas seringkali kedapatan bahawa kita tidak begitu bernasib baik mendapat ataupun menatap laporan-laporan daripada badan-badan berkanun. Laporan-laporan yang saya maksudkan itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak juga termasuk laporan akaun bahkan setakat laporan tahunan pun kadang-kadang kita tidak dapat melihat laporan-laporan tersebut hatta beberapa tahun selepas laporan itu sepatutnya dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, atas manifestasi keadaan itulah rasanya maka perlu Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kerja Kerajaan sama ada yang didapati di bawah badan-badan berkanun ataupun di bawah Kementerian-kementerian atau sebagainya perlu diketahui oleh rakyat apatah lagi oleh Dewan yang mulia ini sekurang-kurangnya melalui laporan-laporan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan adanya Akta yang akan didapati melalui Rang Undang-undang ini maka akan tamatlah sejarah di mana laporan-laporan tahunan itu terlampau lama sampai kepada rakyat hatta kepada Parlimen ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kita harus juga melihat sebab musabab kenapakah laporan-laporan tersebut lambat disiapkan, lambat sampai kepada rakyat dan ke Parlimen ini dan sudah tentu kalau diperincikan banyak perkara-perkara yang boleh menyebabkan kelewatan-kelewatan itu timbul dan soal penganalisaan ini, kita serah kepada pihak Kerajaan khasnya pihak Kementerian berkenaan supaya mencari sebab musabab dan selepas itu cuba mengatasinya dan insya

Allah akan kita dapat laporan itu apabila waktunya enam bulan atau dicampur dengan tiga bulan lagi, insya Allah laporan-laporan berkenaan akan dapat ditetap nanti.

Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian yang berkenaan ataupun pihak Kerajaan supaya kita tidak membebankan tugas kepada pegawai-pegawai yang ada pada hari ini di dalam badan-badan berkanun. Maka hendaklah diperhatikan yang pertama sekali sejauh manakah keupayaan bahagian kewangan yang wujud pada hari ini dan begitu juga hendaklah kita perhatikan sejauh manakah kemampuan tenaga pegawai-pegawai berkenaan di bahagian-bahagian laporan ataupun pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk melaporan laporan tahunan itu dan sejauh manakah kemampuan mereka itu dari segi bilangan dan dari segi lain-lain yang sesuai. Kerana saya yakin dan percaya, daripada pengalaman yang sedikit saya punyai mengenai beberapa badan-badan berkanun Kerajaan bukannya menjadi hasrat badan-badan berkanun tersebut untuk sengaja melewati-lewatkan mengeluarkan laporan-laporan berkenaan tetapi ada konstrain-konstrain yang terdapat di dalam badan-badan berkanun itu sendiri yang mana tidak membolehkan mereka itu menyiapkan laporan-laporan berkenaan sebagaimana waktu atau jangka yang dikehendaki, walaupun berkali-kali diminta, ditekan ataupun disuruh oleh pihak-pihak yang lebih atas kepada badan-badan berkanun tersebut.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ertinya Akta ini akan diwujudkan nanti, insya Allah jikalau sekiranya jentera Kerajaan ataupun jentera-jentera berkenaan di dalam badan-badan berkanun itu tidak disesuaikan dengan kehendak ataupun aspirasi Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya meminta juga supaya selain daripada kita berkehendakkan laporan-laporan tahunan ataupun laporan-laporan kewangan daripada badan-badan berkanun saya meminta supaya Menteri yang bertanggungjawab atau Kementerian yang bertanggungjawab supaya sentiasa mengawasi (monitor) perjalanan setiap badan-badan berkanun. Kadangkala, ada badan-badan berkanun yang berketuakan Kerajaan Negeri di satu pihak, dan tidak kurang pula badan-badan yang berkenaan yang berketuakan Kerajaan Pusat. Di dalam hal ini kalau tidak kedua-dua pihak tersebut

akan dapat laporan-laporan berkala selain daripada laporan tahunan yang saya maksudkan tadi maka hendaklah ditentukan sekurang-kurangnya satu pihak mendapat laporan berkala. Tidak perlu kita tunggu setahun sekali. Ini bagi consumption ataupun bagi faedah kegunaan Menteri ataupun kegunaan Kementerian berkenaan.

Rasa saya, adalah sudah sampai masanya bagi setiap Kementerian yang bertanggungjawab kepada sebarang badan berkanun ini mendapat up-to-date ataupun laporan-laporan kemaskini kalaupun tidak harian tetapi hendaklah sekurang-kurangnya seminggu sekali. Maka dengan ini kita tidak akan lagi mendapat mendengar sebarang kecacatan yang mungkin timbul dan berlaku di sebarang badan-badan berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya, satu perkara yang hendak saya sebutkan lagi, ialah sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya dari Telok Anson tadi. Apa yang terjadi kepada badan-badan berkanun atau pegawai yang bertanggungjawab kiranya laporan-laporan yang dikehendaki oleh fasal-fasal berkenaan dalam Rang Undang-undang ini tidak disiapkan dalam masa 6 bulan, tidak disiapkan setelah ditambah lagi 3 bulan bahkan lebih lama daripada itu.

Maka saya anjurkan melalui Dewan yang mulia ini, supaya tindakan disiplin hendaklah diambil kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tanpa mengira, tanpa belas kasihan, tanpa memperhitungkan pemberian ganjaran setahun lagi untuk melihat sama ada pegawai itu dapat membaiki kerjanya. Kalau sekiranya dapat bahagian akaun atau bahagian kewangan dalam badan berkanun itu tidak memuaskan maka bahagian kewangan atau bahagian akaun itu hendaklah didisiplinkan. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau dirasai bahawa Pengerusi atau Ketua Pengarahnya sendiri adalah menjadi punca kepada kelewatan ataupun kegagalan menyampaikan laporan mengikut jadual-jadual yang dikehendaki itu maka Pengerusi ataupun Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang berkenaan hendaklah diambil tindakan mengikut tindakan-tindakan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menegaskan bahawa oleh kerana badan-badan berkanun ini ditubuhkan oleh Kerajaan dalam tahun-tahun akhir 1960an dan kebanyakan pada awal tahun 1970an di

antara hasrat murni yang terdapat pada Kerajaan pada masa itu bahkan pada masa ini ialah untuk menolong mencapainya Dasar Ekonomi Baru, dengan lain-lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, tidak mampu melihat sebarang kegagalan, kita tidak mampu sebarang kelewatan, apatah lagi sekiranya ada usaha-usaha penyelewengan di dalam mana-mana badan berkanun walaupun dalam bentuk kelewatan menghantarkan laporan ini kerana ini akan menumpahkan cita-cita kita di dalam melaksanakan cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

6.54 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pembangunan negara dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan, Kerajaan telah menubuhkan berbagai-bagai badan berkanun yang mengaup sebahagian besar daripada kewangan negara. Kerja-kerja dan kegiatan-kegiatan badan-badan ini perlu diperhatikan dengan teliti dan kejayaan serta kegagalan badan-badan ini perlu dibentangkan kepada rakyat yang membayar cukai-cukai.

Pembentangan kegiatan-kegiatan badan-badan berkanun tidak memadai menerusi laporan-laporan terhadap badan-badan itu sahaja dan perkara-perkara yang hendak dibentangkan hanya mengikut selera pihak berkuasa badan berkanun itu semata-mata. Laporan yang hanya menyentuh perkara-perkara yang remeh dibentangkan hanya nama-nama pegawai-pegawai dan beberapa perkara yang tidak begitu penting yang orang ramai hendak tahu. Sebenarnya, rakyat tidak tahu bagaimana wang mereka dikendalikan dan timbul keraguan sama ada wang negara yang dibelanjakan menerusi badan-badan berkanun ini dibelanjakan dengan saksama dan betul.

Laporan-laporan badan berkanun kepada Dewan ini mestilah dikemukakan dengan lebih terperinci dan lebih lengkap. Misalnya laporan itu hendaklah termasuk projek-projek yang dilaksanakan, kejayaan-kejayaan atau kegagalan-kegagalan yang dicapai dan undang-undang mestilah digubal untuk menentukan perkara-perkara yang perlu dimasukkan ke dalam laporan-laporan badan-badan berkanun kepada Parlimen. Pentadbir-pentadbir badan berkanun sudah tentu sedaya-upaya hendak menyembunyikan kelemahan-kelemahan dan kegagalan-kegagalan

mereka. Jika sesuatu peraturan dibuat supaya laporan itu menyentuh perkara-perkara yang penting dan pokok yang dapat memberi keyakinan kepada orang ramai saya rasa percubaan-percubaan ini sudah tentu akan dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bekerja dalam sebuah badan berkanun dan pernah dimarahi oleh pegawai yang lebih atas kerana menyiapkan laporan-laporan yang mendedahkan kelemahan-kelemahan dan kegagalan dan dia menegur bahawa ini adalah suatu yang mencari penyakit katanya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa buah badan berkanun seperti yang kita maklumi sekarang ini sedang berada dalam keadaan dilema dan menghadapi berbagai-bagai krisis, misalnya pihak berkuasa Pembangunan Bandar (UDA) sedang menghadapi krisis hebat dengan perletakan jawatan pegawai-pegawai kanan dan baharu-baharu ini Pengerusi badan itu sendiri telah meletakkan jawatan. Parlimen sebagai sebuah badan tertinggi dalam negara ini sepatutnya mendapat laporan mengenai krisis dalam UDA dan jika perlu menubuhkan satu Jawatankuasa Parlimen bagi mengkaji perkembangan-perkembangan dalam UDA dan juga di dalam badan-badan berkanun yang lain yang diakui sendiri oleh Kerajaan tidak menghantarkan laporan-laporan dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Perkara-perkara yang menyebabkan timbul krisis-krisis dan delima badan-badan berkanun ini mestilah dilihat dan dikaji oleh Parlimen supaya orang ramai mendapat maklumat yang jelas tentang bagaimana wang mereka itu digunakan. Salah satu kelemahan di setengah-setengah badan berkanun ialah kelemahan pengawasan yang menyebabkan pentadbiran dan kegiatan-kegiatan badan-badan berkanun itu lemah tidak teratur dan berlaku banyak pembaziran. Terdapat pula setengah-setengah pentadbir badan-badan berkanun itu menjadikan kelemahan pengawasan Kerajaan itu sebagai peluang untuk bergaya dan menggunakan kesempatan untuk menikmati segala kemewahan yang terdapat di dalam badan berkanun itu yang dibelanjakan daripada wang rakyat. Oleh kerana kemewahan-kemewahan ini senang dinikmati oleh pentadbir-pentadbir kanan maka seringkali dalam badan-badan berkanun berlaku perebutan kuasa dan jatuh menjatuhkan di antara satu kumpulan dengan satu kumpulan

yang lain, akibatnya berlaku kekecohan di dalam melaksanakan kegiatan badan-badan tersebut.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan sebuah badan pengawasan yang berkesan mengawasi perjalanan badan-badan berkanun itu dan menentukan bahawa kegiatan-kegiatan tersebut menuju kepada dasar-dasar yang dapat menjamin bahawa wang negara itu benar-benar dibelanjakan untuk faedah seluruh rakyat tanpa membezakan fahaman politik masing-masing. Badan pengawasan ini mestilah melaporkan kepada Kerajaan dan juga kepada Parlimen tentang kejayaan-kejayaan dan kelemahan-kelemahan sesebuah badan berkanun dan sama ada badan tersebut benar-benar dapat menjalankan tanggungjawab dengan sempurna dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya bahawa Rang Undang-undang yang dikemukakan pada hari ini yang hanya menentukan masa sahaja tentulah tidak dapat menghadapi dan tidak dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai apa yang telah terjadi kepada badan-badan berkanun dan kerana itulah untuk memastikan bahawa badan-badan berkanun itu menjalankan tanggungjawab mereka yang sebenarnya maka perlulah suatu suruhanjaya dibentuk untuk mengkaji dan menjalankan penyiataan-penyiataan terhadap apa yang selama ini berlaku di dalam badan berkanun itu dan tidaklah hanya memadai dengan hanya mengemukakan sesuatu Rang Undang-undang hanya menentukan masa tertentu untuk badan-badan berkanun itu mengemukakan laporan mereka.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.00 m/m.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang berguna (constructive) berkenaan dengan cadangan Rang Undang-undang ini.

Saya tidak bercadang hendak bercakap panjang dalam masalah ini kerana apa yang saya telah terangkan cukup jelas, cuma saya

hendak sentuh 2-3 perkara sahaja, iaitu apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson yang menyebutkan bahawa perlu mengadakan satu peruntukan mengenakan tindakan disiplin ke atas pegawai-pegawai kakitangan Kerajaan yang bekerja dalam badan-badan berkanun yang mana ini memang kita ada peruntukan-peruntukan yang tertentu dan ini boleh diambil tindakan sekiranya pegawai-pegawai yang berkenaan itu jelas menyeleweng daripada jawatan-jawatannya dan pekerjaan mereka itu sendiri. Dalam cadangan Rang Undang-undang ini sudah pasti memberi kemudahan kepada Kerajaan bertindak dalam masalah akaun-akaun yang tidak dapat diodit kerana diberi masa sebagaimana yang telah diterangkan itu, dengan hal yang demikian bolehlah kakitangan badan-badan berkanun mengadakan penyata untuk diaudit dalam masa yang telah dibenarkan itu.

Suka saya menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang mana beliau telah mencadangkan supaya tambah kakitangan badan berkanun di dalam tugas menyediakan penyata-penyata akaun. Sesungguhnya masalah inilah yang menjadi salah satu faktor-faktor yang telah menyebabkan kelewatan daripada kakitangan badan-badan berkanun itu mengadakan kira-kira dan penyata-penyata yang perlu diodit.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam semua perkara yang telah berlaku dalam badan-badan berkanun ini Kerajaan telah mengambil perhatian berat dan kita tidak boleh menafikan bahawa semua kerja-kerja yang telah dijalankan oleh badan-badan berkanun ini adalah 100% beres dan sempurna. Memang menjadi masalah bahawa semua perbuatan manusia itu pada awalnya tidak begitu sempurna, tetapi pada akhirnya bila didapati perkara-perkara yang tidak betul yang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan maka terus Kerajaan mengambil tindakan untuk membetulkan kerja-kerja yang tidak sempurna itu. Ini jelas Tuhan sendiri berkata, Tuan Yang di-Pertua, setiap pekerjaan yang awal itu tidak begitu sempurna, yang akhirnya akan jadi baik dan sempurna. Ertinya setiap permulaan itu perlulah dikaji betul-betul dan pada akhirnya jika didapati sesuatu yang tidak sempurna itu perlu kita ada peraturan dan undang-undang untuk membetulkan pekerjaan-pe-

kerjaan yang tidak sempurna itu. Inilah tujuannya dibawa Rang Undang-undang ini supaya Kerajaan dapat bertindak atas perkara-perkara yang tidak sempurna itu. Mudahan-mudahan dengan pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini dapatlah Kerajaan mengambil perhatian juga di atas pandangan-pandangan itu sambil menjalankan usaha-usaha untuk memperbaiki lebih baik lagi pekerjaan-pekerjaan yang dijalankan oleh badan-badan berkanun. Menurut Dasar Ekonomi Baru kita setiap pekerjaan yang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan atau badan-badan berkanun haruslah dijalankan dengan lancar dan sempurna.

Itulah sahaja dapat saya menyentuh satu dua perkara dalam hal ini dan saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa pandangan yang besar berguna dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Fasal 5—

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 5 (1) di dalam Bahasa Malaysia dipinda, sebagaimana yang terkandung di dalam kertas pindaan yang telah diedarkan. Pindaannya adalah seperti berikut:

Fasal 5 (1):

Gantikan perkataan "tiga" di baris 7 dengan perkataan "enam".

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa satu pindaan, iaitu dalam Fasal 5 (1) gantikan perkataan "tiga" di baris 7 dengan perkataan "enam" sekarang ini dibuka untuk dibahas. Oleh kerana tidak ada bahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat soalnya sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 5 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.10 mlm.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980 dibaca kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet Gaji Pekerja Sektor Awam akan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980. Di antara gaji-gaji dan kemudahan-kemudahan lain untuk Sektor Awam termasuk juga gaji dan keistimewaan untuk Hakim-hakim.

Ingin juga diterangkan di sini bahawa pelaksanaan Gaji Sektor Awam (tidak termasuk Hakim-hakim) adalah dibuat secara pentadbiran sahaja. Tetapi saraan Hakim-hakim adalah ditetapkan di bawah Jadual Pertama (First Schedule) Akta Saraan Hakim, 1971. Ianya tidak dapat dilaksanakan, melainkan dengan pindaan-pindaan tertentu pada Jadual Pertama itu dilakukan.

Oleh yang demikian, Pindaan-pindaan pada Jadual Pertama, Akta Saraan Hakim, 1971 adalah perlu dilakukan untuk menggantikan gaji-gaji hakim dengan kadar yang

baru dan bagi membolehkan mereka mendapat gaji yang akan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980 ini, bersama dengan Pekerja Sektor Awam yang lain.

Selain daripada itu, peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dengan Akta Pindaan ini ialah fasal 3 dan 4. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah untuk membolehkan ke semua Hakim-hakim yang memegang jawatan pada 1hb Julai, 1980 dan mereka diberi kelayakan untuk diberi opsyen kepada gaji baru. Peruntukan ini adalah perlu bagi membolehkan mereka yang tidak mahu mengambil opsyen kepada Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980 seperti dicadangkan ini untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim, 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULANWANG PERSARAAN
PIHAKBERKUASA-PIHAKBERKUASA
BERKANUN DAN TEMPATAN
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.15 m/m.

Datuk Pengiran Othman bin Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1980 dibaca pada kali yang kedua. Akta Ibu (iaitu Akta 185) yang dicadangkan dipinda ialah Akta yang mengendalikan pengurniaan faedah-faedah persaraan kepada pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan yang dipersarakan di bawah Skim Gaji Di Raja Harun dan skim-skim persaraan persendirian pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan.

Pindaan-pindaan ke atas beberapa peruntukan dalam Akta yang dimaksudkan di atas adalah sejajar dengan perubahan-perubahan dasar mengenai jentera pengurniaan pencen dan ganjaran seperti berikut:

- (a) Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan, yang kini merupakan sumber pembayaran segala faedah-faedah persaraan bagi kakitangan pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan dan tanggungan mereka, digolongkan. Ekoran daripada penggolongan tersebut, Lembaga Kumpulanwang akan dibubarkan;
- (b) Pembayaran faedah-faedah persaraan kepada pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan dibuat daripada Kumpulanwang Yang Disatukan Persekutuan, sepertimana keadaannya dengan pembayaran yang sama kepada pesara-pesara perkhidmatan awam dan tanggungan mereka;
- (c) Caruman majikan, berasaskan kadar yang ditentukan oleh jadual kepada Akta Ibu, dikekalkan tetapi caruman dicadangkan dibayar ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan Persekutuan;

(d) Dengan pembubaran Lembaga Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan, tanggungjawab ke atas perkara pencen pesara-pesara pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan akan diambil alih oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perubahan dasar yang telah dinyatakan, beberapa seksyen dalam Akta Ibu perlu dipinda. Tajuk panjang yang terdapat pada Akta Ibu dipotong seperti juga tafsiran "Kumpulanwang" dan "Lembaga" di dalam seksyen 2, sejajar dengan penggolongan Kumpulanwang yang dimaksudkan serta Lembaganya. Penggolongan tersebut juga memerlukan supaya Seksyen 3 hingga 10, Seksyen 27, Seksyen 29 dan jadual pertama dipotong.

Pada masa yang sama, kuasa-kuasa yang tertentu yang kini diperuntukkan kepada Lembaga Kumpulanwang dicadangkan dipertanggungjawabkan kepada pihakberkuasa-pihakberkuasa pencen, yang ditafsirkan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya. Kuasa-kuasa tersebut termasuk kuasa meluluskan pengambilkiraan perkhidmatan lepas bagi maksud pencen di bawah seksyen 14 (1) dan seksyen 16 (1). Kuasa membuat peraturan-peraturan dicadangkan diperuntukkan kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pencen, di bawah seksyen 28.

Sebutan seksyen-kecil 15(1) yang dicadangkan ini menetapkan supaya caruman majikan dibuat kepada Kumpulanwang Yang Disatukan Persekutuan. Dengan ketiadaan Lembaga untuk memperakukannya dicadangkan supaya segala pindaan kepada kadar caruman majikan hanya dibuat berasaskan persetujuan Menteri Kewangan. Sebutan seksyen kecil 15 (2) yang dicadangkan juga menetapkan supaya setiap pindaan sedemikian diwartakan.

Dua seksyen baru, iaitu seksyen 11A dan seksyen 30A ditambahkan kepada Akta Ibu. Seksyen 11A bermaksud mempertanggungkan semua pencen, ganjaran dan lain-lain faedah persaraan yang dibayar di bawah Akta kepada Kumpulanwang Disatukan, manakala seksyen 30A pula memperuntukkan bahawa tindakan akan diambil supaya, dengan penggolongan Kumpulanwang yang dimaksudkan, semua asetnya akan dipindahkan kepada Kumpulanwang Disatukan dan

tanggung Kumpulanwang yang digolong akan dipindahkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

Kini masih terdapat beberapa pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang mengendalikan kumpulanwang dan skim pencennya tersendiri bagi faedah pekerja-pekerjanya yang telah tidak memilih, atau dipersarakan sebelum, skim Harun walaupun skim-skim pencen tersebut akan dikekalkan, kumpulanwang-kumpulanwang pencen sedemikian sedang dalam proses penggulungan. Sebutan yang dicadangkan seksyen-kecil 30 (1) menetapkan bahawa, apabila kumpulanwang-kumpulanwang tersebut digulungkan, semua aset dan tanggungannya hendaklah dipindahkan ke Kumpulanwang Yang Disatukan Persekutuan. Seksyen-Kecil 30 (2) pula menetapkan bahawa pihakberkuasa-pihakberkuasa pencen akan mengambilalih pengendalian skim-skim pencen yang kumpulanwangnya telah digulungkan tersebut. Seksyen-Kecil 30 (3) menjaminkan bahawa seseorang "beneficiary" skim pencen yang kumpulanwangnya telah digulungkan tidak akan dikurniakan faedah-faedah persaraan yang kurang daripada yang sepatutnya dinikmati olehnya di bawah skim pencen pihakberkuasa berkanun atau tempatan yang berkenaan.

Segala pindaan-pindaan serta pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dicadangkan adalah demi melicinkan pentadbiran pencen di samping memberikan jaminan pembayaran pencen seperti terdapat bagi kakitangan perkhidmatan awam, angkatan tentera, Hakim-hakim, Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibacakan bagi kali yang kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.25 mlm.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang "Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi mentadbirkan pengurniaan pencen, ganjaran dan lain-lain faedah tamat perkhidmatan kepada pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan dan orang-orang tanggungan pekerja-pekerja tersebut yang telah memilih gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Gaji yang telah dilaksanakan mulai daripada 1hb Januari, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan ini masih ingat dalam mesyuarat yang lalu, Dewan ini telah meluluskan Rang Undang-undang bertajuk Akta Pencen 1980 yang melaksanakan syor-syor Jawatankuasa Kabinet Gaji mengenai faedah-faedah persaraan bagi kakitangan perkhidmatan awam yang telah memilih skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan Jawatankuasa itu. Prinsip prinsip yang terkandung dalam Akta Pencen 1980 telah diubahsuaikan untuk faedah pekerja-pekerja pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan. Sebenarnya kebanyakan peruntukan dalam Rang Undang-undang ini adalah sama seperti yang terdapat dalam Akta Pencen 1980 untuk kakitangan

perkhidmatan awam yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Hanya pentadbiran atau pelaksanaan Rang Undang-undang ini sahaja yang telah dipadankan atau disesuaikan dengan pentadbiran pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan yang terdapat di negara ini, maka itu tidaklah saya bercadang menghuraikan atau mengulangi lagi penerangan-penerangan yang serupa dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menca-dangkan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada perbahasan, sekarang saya kemukakan Rang Undang-undang ini kepada Majlis untuk di-baca kali yang kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 29 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguh-kan pada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.35 malam.